



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU

# MODUL OASIS

Bahasa Melayu (1103)  
Sijil Pelajaran Malaysia

**FORMAT BAHARU (KSSM)**  
**MENGIKUT TEMA**  
**KERTAS 2**

**SKEMA JAWAPAN**

BIDANG BAHASA  
SEKTOR PEMBELAJARAN  
PPD KOTA KINABALU



## **ISI KANDUNGAN**

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN .....	2
TEMA: KESELAMATAN .....	8
TEMA: PERPADUAN .....	14
TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN.....	23
TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI .....	29
TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU .....	37
TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN .....	44
TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN.....	51
TEMA: SEJARAH DAN WARISAN .....	58
TEMA: SUKAN DAN REKREASI.....	66
TEMA: PENDIDIKAN .....	72
TEMA: BAHASA DAN KESUSAstERAAN .....	79
TEMA: KERJAYA.....	84
TEMA: INTEGRITI .....	89
TEMA: KESENIAN KEBUDAYAAN DAN ESTETIKA .....	96
TEMA: PENTADBIRAN DAN POLITIK.....	106
TEMA: PERINDUSTRIAN .....	113
TEMA: PELANCONGAN .....	123

## **TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

### **SOALAN 1 : MORFOLOGI**

<b>Kata Majmuk</b>	
i) guru kanan mata pelajaran	vi) taman tema air
ii) guru penolong kanan	vii) badan air
iii) guru cemerlang	viii) udara segar
iv) luncur angin	
v) sukan air	

### **SOALAN 2 : SINTAKSIS**

<b>Frasa Kerja</b>	<b>Frasa Sendi Nama</b>
i. direka khas	i. dengan simpanan minimum
ii. melantik PTPTN	ii. ke atas pendeposit
iii. menguruskan deposit	iii. di seluruh Malaysia
iv. memohon pinjaman Pendidikan	
v. membiayai pengajian	
vi. mempunyai akaun SSPN-i	
vii. ditetapkan oleh PTPTN	

### **SOALAN 3 : BAHASA MELAYU STANDARD**

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana ;	Ketika itu Kertala Sari memandang Laksamana.
Maka ia pun fikir dalam hatinya, “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu.Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”	Dalam hatinya dia berkata “Benarlah hulubalang di hadapannya ialah Laksamana yang disebut-sebut itu. Kalaulah demikian gaya Laksamana, memang wajarlah ayahandaku tewas kepada Laksamana kerana Laksamana memang seorang pahlawan yang sangat berilmu dan handal.”

Setelah sudah ia berfikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang bertunggu raja itu.	Setelah dia berfikir tentang perkara itu, Kertala Sari menlihat tempat orang ramai menghadap dan menunggu raja itu.
Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempat singgah itu, maka ia pun pergi ke atas bukit itu.	Setelah dilihatnya, Kertala Sari Kembali ke tempat tinggalnya lalu dia pergi ke atas bukit itu.
Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta.	Dia melihat dan berpendapat bahawa tempat itu sesuai untuk menyimpan harta.

#### SOALAN 4 : PENYUNTINGAN

Salah	Betul
1. jaga -	- Menjaga
2. senang	- mudah
3. dimudaratkan	- memudaratkan
4. dan	- tetapi
5. di gunakan	- digunakan
6. dapat	- boleh
7. bersesuai	- bersesuaian
8. kepada	- pada
9. baby	- bayi
10. disapukan	- disapu
11. bukan perlu	- tidak perlu

#### SOALAN 5 : PERIBAHASA

Peribahasa	Maksud Peribahasa
1. Suri teladan	Contoh terbaik
2. Bagaimana acuan, begitulah kuihnya	Seseorang anak itu akan mengikut perangai ibu bapanya.
3. Melentur buluh, biarlah dari rebungnya	mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi
4. Jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau	Biar di mana-mana pun tempatnya akan tetap baik juga

## SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Berdasarkan <b>Bahan 2</b> , maksud <i>posisi normal</i> ialah kedudukan biasa	2
ii	<p>Perbezaan tentang cara-cara mengurus kemarahan iaitu</p> <p>Bahan 1 :</p> <p>dengan bertenang, tarik nafas dalam-dalam dan kosongkan fikiran</p> <p>Bahan 2 :</p> <p>mengubah kedudukan badan. Sekiranya dia sedang marah dan ketika itu dia sedang berdiri, maka dia perlu duduk. Seandainya kemarahan semakin sukar dikawal, dia perlu berbaring untuk mengawal emosi.</p>	3
iii	<p>Punca-punca seseorang sukar mengawal kemarahan kerana...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- terlalu menurut emosi</li> <li>- rasa ego yang tinggi</li> <li>- sikap mementingkan diri</li> <li>- tidak tahu bertolak ansur</li> <li>- kurang ilmu kawal kemarahan</li> <li>- tidak sabar</li> </ul>	3
iv	<p>Cara-cara untuk membantu seseorang mengatasi masalah panas baran iaitu...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- belajar untuk memaafkan kesalahan orang lain</li> <li>- mendekatkan diri kepada Tuhan</li> <li>- merujuk rakan kepada kaunselor untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat</li> <li>- menghadiahkan buku pengurusan kemarahan dengan bijak</li> </ul>	4

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>Menaakuli kebesaran-Mu</i> bermaksud memikirkan ciptaan Tuhan	2
ii	Bukti-bukti kemasuhan alam sekitar ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemusnahan hutan</li> <li>- Pencemaran sungai</li> <li>- Kepupusan hidupan akuatik</li> <li>- kemasuhan tanam-tanaman</li> </ul>	3
iii	Punca pencemaran ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>- sikap manusia yang tidak bertanggungjawab</li> <li>- sikap manusia mementingkan diri dan bersifat materialistik</li> <li>- penguatkuasaan undang-undang yang longgar</li> <li>- hukuman ringan</li> <li>- kurang cakna akan kepentingan alam sekitar</li> </ul>	4
iv	Langkah-langkahnya ialah <ul style="list-style-type: none"> <li>- saya dan rakan membuang sampah dalam tong sampah yang disediakan</li> <li>- mengajar pengunjung lain untuk menjaga kebersihan</li> <li>- memberi cadangan kepada pihak pengurusan</li> </ul>	4

### SOALAN 8 : NOVEL

- i. Azraai bimbang dengan keselamatan Farisha memandangkan
- ada kes bunuh jurutera keselamatan sistem berhampiran apartmen Farisha
  - Azraai bertindak memasang retinal scanner di hadapan pintu rumah Farisha.

- ii. Berdasarkan kepada novel yang telah saya pelajari, terdapat beberapa sebab permulaan novel ini menarik minat pembaca.

### **DI SEBALIK DINARA**

- Pada peringkat permulaan pengarang memperkenalkan Farisha sebagai seorang jurutera keselamatan sistem. Cerita ini diteruskan dengan pertemuan Farisha dengan Aqram di Lapangan Terbang Senai Johor.  
Salah satu tujuan pengarang mengetengahkan pertemuan tersebut untuk memaparkan kecanggihan teknologi melalui jam tangan yang dipakai oleh Aqram. Jam tangan itu merupakan pusat kawalan periadi Aqram. Tentunya pemaparan teknologi canggih tersebut akan menarik perhatian pembaca.
- Selain itu permulaan ini dikatakan terus menarik perhatian pembaca dengan muslihat yang cuba dilakukan oleh Aqram. Aqram telah mencuri cawan minuman Farisha semasa mereka bersama-sama berada di dalam pesawat. Aqram berbuat demikian kerana Aqram dikatakan bekerjasama dengan Dr Maxi untuk mengkaji DNA Farisha. Keadaan ini tentunya akan menarik perhatian pembaca untuk mengetahui tentang permainan yang cuba dilakukan oleh Aqram.

### **SILIR DAKSINA**

- Peristiwa Haiqal yang teruja membaca manuskrip berkulit biru muda yang setebal 58 muka surat. Hatinya tersentuh dengan cerita yang ditulis oleh penulisnya Abdullah Kayan, nama yang pernah disebut uminya
  - Peristiwa ini menarik perhaian pembaca kerana pembaca akan tertanya-tanya tentang isi kandungan manuskrip tersebut dan tindakan Haiqal setelah membaca manuskrip tersebut.
- Peristiwa Haiqal menghabiskan waktu petangnya di gerai makanan rakan baiknya Ratna di pantai Batu Buruk.
  - Peristiwa ini menarik perhaian pembaca kerana pembaca tertanya-tanya tentang hubungannya dengan Ratna dan kesudahan hubungan mereka.

## **SOALAN 9 : RUMUSAN**

**Fokus 1 : Langkah-Langkah Menghadapi Wabak Penyakit**

**Fokus 2 : Kesan Penyakit Influenza**

## **PENDAHULUAN**

Rumusan membincangkan langkah-langkah menghadapi wabak penyakit dan kesan-kesan peningkatan penyakit influenza.

### **ISI FOKUS 1**

Bahan 1

1. Mereka yang bergejala dicadangkan berehat di rumah
2. Memakai pelitup muka
3. Tidak berada di tempat tumpuan awam, makan angin atau bertemu orang lain.

Bahan 2

1. Jangan hantar anak yang menghidap penyakit berjangkit ke pusat jagaan kanak-kanak.
2. Bersihkan permukaan lantai yang terkena cecair hidung dan mulut.
3. Gunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin.
4. Jangan berludah di merata-rata tempat.

### **FOKUS 2 : KESAN-KESAN PENYAKIT INFLUENZA**

1. Peningkatan kes di 10 buah negeri.
2. Peningkatan dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza,
3. Peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran.
4. Kemasukan pesakit pernafasan akut yang teruk,
5. Peningkatan bilangan jangkitan influenza di sekolah-sekolah

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, semua pihak perlu mengambil langkah mengelak penyebaran penyakit berjangkit agar kita kekal sihat.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: KESELAMATAN****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA  
[ 35 MARKAH]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

kata Nama Terbitan	Kata Kerja Terbitan
Pekerja, Kawasan, pembinaan, kejadian, pemandu, kemalangan, perjalanan, penyelamat	Dihempap, terbalik, dikenali, berkata, mengisi, terbabas, terbalik menghempap, menyebabkan

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Ayat Dasar	Pola Ayat Dasar
<u>1.</u> Jenayah penculikan kanak-kanak perlu ditangani secara drastik. <u>2.</u> Usaha drastik ini sangat penting. <u>3.</u> Keselamatan kanak-kanak ialah tanggungjawab semua pihak.	1. FN + FK  2. FN + FA  3. FN + FN

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

Salah	betul
1. Peruntukkan 2. kerana 3. melimpas 4. ditimbangkan 5. gangsterisme 6. penyalah gunaan 7. berbagai 8. disamping 9. di kalangan 10. mahu pun 11. adalah	1. Peruntukan 2. Supaya 3. melintas 4. dipertimbangkan 5. gengsterisme 6. penyalahgunaan 7. pelbagai 8. di samping 9. dalam kalangan 10. mahupun 11. ialah

#### **SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Setelah sudah ia berfikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu	Setelah Patih Gajah Mada berfikir, Patih Gajah Mada pun teringat akan Petala Bumi.
Maka Patih Gajah Mada pun menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah.	Patih Gajah Mada menyuruh orang-orangnya mencari isteri Petala Bumi untuk bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi ke Daha untuk mencuri, sama ada sudah pulang dari Daha atau belum.
Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.	Kemudian, orang Patih Gajah Mada pun berjumpa isteri Petala Bumi.

#### **SOALAN 5 : PERIBAHASA**

1. Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih
2. Bagai mencurah air ke daun keladi
3. Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

#### **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN** [ 35 MARKAH ]

#### **SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
1	Maksud <i>memandang enteng</i> : menganggap mudah/senang	2 markah
2	<p>Perbezaan cara mengelakkan diri drpd penipuan siber :</p> <p>Bahan 1</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- elakkan membuat transaksi kewangan ketika menggunakan WiFi umum</li> <li>- menggunakan talian telefon sendiri</li> </ul> <p>Bahan 2</p> <p>Jangan mengemas kini status yang menunjukkan anda kesunyian</p> <p>Jangan terlalu mudah menerima permohonan menjadi rakan di media sosial</p> <p>Tidak terpedaya dengan pujuk rayu rakan di media sosial</p> <p>Tidak mudah terpedaya dengan tawaran hadiah berbentuk wang</p> <p>Perlu berhati-hati sekiranya ada sebarang komunikasi melibatkan wang</p>	3 markah

3	<p>Punca masalah berterusan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. sikap masyarakat yang menganggap masalah ini tidak akan berlaku kepada mereka</li> <li>2. Sibuk dengan hal sendiri dan menganggap ini masalah orang lain</li> <li>3. Kurang cakna cara mengelakkan diri daripada tertipu</li> <li>4. Mangsa mudah terpedaya dan mempercayai kata orang lain</li> </ol> <p style="text-align: right;">Jawaban lain yang relevan diterima</p>	4 markah
4	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghubungi kenalan lama ini sama ada mesej yang diterima benar atau palsu</li> <li>2. Menyekat nombor pemberi mesej</li> <li>3. Melaporkan hal ini kepada pihak berkuasa jika mencurigakan</li> </ol> <p style="text-align: right;">Jawaban lain yang relevan diterima</p>	4 markah

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

<b>Soalan</b>	<b>Cadangan Jawaban</b>	<b>Markah</b>
i	Memintas kemaraan : Memotong/mematahkan/menyekat pergerakan	2 markah
ii	Usaha-usaha yang telah dilakukan untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara Bahan 1 : Merawat pesakit COVID-19 Bahan 2 : Memerangi musuh negara komunis	3 markah
iii	Kesan jika tanggungjawab ini tidak dipikul bersama : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masyarakat berpecah belah</li> <li>- Keamanan negara akan tergugat</li> <li>- Pelbagai kerosakan dan masalah akan berlaku kepada masyarakat</li> <li>- Masyarakat akan hidup dalam ketakutan</li> </ul>	3 markah
iv	Jika menerima mesej berbaur fitnah dan provokasi, saya akan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membuat laporan polis</li> <li>- Memadam dan membiarkan mesej tersebut/tidak menularkan mesej tersebut</li> <li>- Mengingatkan rakan maya lain agar berhati-hati dengan mesej tersebut</li> <li>- Mengenal pasti sumbernya dan memastikan kesahihannya</li> </ul>	4 markah

## SOALAN 8 : NOVEL

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	<p>Semasa mereka berada di rumah agam itu, Farisha sedang memikirkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan tawaran Dr. maxi itu.</li> <li>- untuk segera meninggalkan perbincangan dan rumah agam itu</li> </ul> <p>Rosman sedang memikirkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- ayat dalam kepalanya untuk bercerita tentang rencana yang pernah ditulis tentang Karl</li> </ul>	<b>4 markah</b>
ii	<p><b>DI SEBALIK DINARA</b></p> <p>Peristiwa pada permulaan cerita dan kepentingan peristiwa tersebut untuk anda meneruskan pembacaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– Aqram telah mencuri cawan minuman Farisha dalam penerbangan ke KLIA untuk menguji DNA Farisha. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ kepentingan peristiwa ini untuk saya meneruskan pembacaan ialah saya ingin mengetahui tujuan Aqram menguji DNA Farisha secara curi-curi dan keistimewaan Farisha sehingga diekori oleh Aqram</li> </ul> </li> <li>– Farisha tidak dapat masuk ke dalam rumah kerana rumahnya telah dipasang ‘retina scanner’ <ul style="list-style-type: none"> <li>○ kepentingan peristiwa ini untuk saya meneruskan pembacaan ialah ialah saya ingin mengetahui siapakah Shida dan apakah hubungannya dengan Farisha.</li> </ul> </li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Jawaban lain yang sesuai diterima</b></p>	<b>6 markah</b> <p>[2 markah]</p> <p>[2 markah]</p> <p>Pemarkahan ISI = 4 markah</p> <p>Isi– peristiwa [2 markah]</p> <p>Kepentingan peristiwa [2 markah]</p> <p>BAHASA = 2 markah (Secara holistik)</p>

**SILIR DAKSINA**

Peristiwa pada permulaan cerita dan kepentingan peristiwa tersebut untuk anda meneruskan pembacaan

- Peristiwa Haiqal yang teruja membaca manuskrip berkulit biru muda yang setebal 58 muka surat. Hatinya tersentuh dengan cerita yang ditulis oleh penulisnya Abdullah Kayan, nama yang pernah disebut uminya
  - o Peristiwa ini membuatkan saya tertanya-tanya tentang isi kandungan manuskrip tersebut dan apa tindakan Haiqal setelah membaca manuskrip tersebut.
- Peristiwa Haiqal menghabiskan waktu petangnya di gerai makanan rakan baiknya Ratna di pantai Batu Buruk.
  - o Peristiwa ini membuatkan saya tertanya-tanya tentang hubungannya dengan Ratna dan kesudahan hubungan mereka.

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[ 30 MARKAH ]**

**SOALAN 9 : RUMUSAN**

Pendahuluan :

Rumusan membincangkan **usaha menjaga keselamatan di kawasan air** dan **punca kemalangan.** [2m]

<b>Bahan 1</b>	<b>Bahan 2</b>
<p><b>Fokus 1 : usaha menjaga keselamatan di kawasan air</b></p> <p>Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan usaha sama Open Learning Global (M) Sdn Bhd mengambil inisiatif mewujudkan kursus Keselamatan Air secara dalam talian.</p> <p><b>Fokus 2: Punca kemalangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Langkah keselamatan yang secukupnya tidak diambil</li> <li>2. masyarakat kurang cakna akan keselamatan masing-masing</li> <li>3. kita kurang kesedaran tentang keselamatan diri,</li> <li>4. kurang kesedaran tentang hak sebagai pengguna,</li> <li>5. keperluan memakai jaket pelampung air, dan mengetahui teknik mendarat di tepi pantai.</li> </ul>	<p><b>Fokus 1: usaha menjaga keselamatan di kawasan air</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. memastikan cuaca bersesuaian sebelum melakukan rekreasi air</li> <li>2. membaca dan memahami setiap amaran dan panduan keselamatan yang tertera di papan tanda keselamatan air</li> <li>3. mematuhi langkah-langkah keselamatan ketika berada di air.</li> <li>4. Menjalankan aktiviti air di Kawasan tumpuan kawasan air</li> <li>5. Memastikan terdapat penyelamat keselamatan berhampiran.</li> </ol>
<p>Kesimpulan :</p> <p>Kesimpulannya, semua pihak perlu mengutamakan keselamatan di kawasan air agar tidak berlaku kejadian yang tidak diingini. [2m]</p> <p>Kesimpulannya, keselamatan di kawasan air hendaklah diberi perhatian supaya kehilangan nyawa dapat dielakkan [2m]</p>	

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: PERPADUAN****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA  
[ 35 MARKAH ]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

KATA GANDA	AKRONIM
Seolah-olah (seakan-akan, selaku, seperti) Angka-angka (bilangan atau jumlah sesuatu nombor)	Pawagam (Panggung wayang gambar) FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia)

**Seolah-olah** : Pahit-getir yang dilalui olehnya dalam kehidupan telah mengingatkannya *seolah-olah* dia perlu berusaha gigih untuk menempuh cabaran yang lebih mencabar.

**Angka-angka** : *Angka-angka* statistik yang terdapat di dalam surat khabar tersebut agak mengelirukan Amira untuk menyiapkan tugas Matematiknya.

**Pawagam** : Ayah akan membawa kami sekeluarga ke *pawagam* pada hujung minggu untuk menonton filem kegemaran kami.

**FINAS** : Bidang Industri Perfileman Malaysia haruslah berterima kasih kepada *FINAS* kerana jasa dan sumbangan dalam memajukan bidang tersebut sejak prakemerdekaan hingga sekarang.

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Ayat Petikan	Ayat terbitan yang gramatis
Atiqah seorang yang bijak dan sepupunya juga seorang yang bijak.	Atiqah dan sepupunya bijak / Atiqah dan sepupunya orang yang bijak
Atiqah akan belajar di England dan sepupunya belajar di England.	Atiqah dan sepupunya akan belajar di England
Abang telah menghadiahikan Atiqah sebuah jam tangan sebagai meraikan kejayaan Atiqah yang melanjutkan pelajaran ke England.	Atiqah telah dihadiahikan sebuah jam tangan oleh abang sebagai meraikan kejayaannya melanjutkan pelajaran ke England.
Orang tua Atiqah sangat gembira atas kejayaan Atiqah. Orang tua sepupu Atiqah sangat gembira atas kejayaan anak mereka.	Orang tua Atiqah dan sepupunya sangat gembira atas kejayaan anak mereka.

### **SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

#### **Bahan 1 (5 markah)**

<b>Soalan</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Jawapan</b>
(i)	memerlukan	diperlukan
(ii)	mempastikan	memastikan
(iii)	dibawa	membawa
(iv)	memperlebarkan	memperlebar
(v)	mempergunakan	menggunakan

#### **Bahan 2 ( 6 markah)**

<b>Soalan</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Jawapan</b>
(i)	ayah beli	dibeli oleh ayah
(ii)	kerajaan laksanakan	dilaksanakan oleh kerajaan
(iii)	dibuat oleh kamu	kamu buat

### **SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD (4M)**

<b>Bahasa Melayu Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati.	Sudah lama cerita tentang kematian tujuh orang pencuri tujuh bersaudara yang dititahkan oleh Seri Betara pergi ke Melaka telah didengari oleh Patih Gajah Mada.
Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya.	Oleh sebab itu, Patih Gajah Mada berasa sangat hairan.
“ Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku.	“Jikalau negeri Melaka itu menghadapi kesukaran dan rosak binasa, hatiku puas.”
Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.	Ada juga cerita daripada orang lain yang mengatakan bahawa Melaka pasti sudah kalah sekiranya tujuh orang pencuri bersaudara di Bukit Cina itu tidak mati.

## SOALAN 5 : PERIBAHASA

Peribahasa Dalam Petikan	Peribahasa Lain
Bagai aur dengan tebing	Bagai isi dengan kuku / sepantun kasau dengan hubungan
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
Muafakat membawa berkat	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN PETIKAN UMUM [ 35 MARKAH ]

### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM (12M)

No	Cadangan Jawaban	Markah
	<p>Maksud <i>menyemarakkan api perkauman</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>menyemai/membangkitkan benih kesukuan</i></li> <li>• <i>menyemarakkan benih kesukuan</i></li> <li>• <i>menyemai api perkauman</i></li> <li>• <i>meningkatkan benih kesukuan</i></li> </ul>	<p><b>2</b> <b>1</b> <b>1</b> <b>1</b></p>
	<p>Persamaan-persamaan usaha mengekalkan keharmonian negara ialah</p> <p><b>Bahan 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjunjung Perlembagaan Persekutuan</li> <li>- Semua pihak perlu memahami asal usul, menghormati serta menerima budaya, bahasa, agama dan cara hidup setiap bangsa.</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mahasiswa perlu menjadi penggerak dalam memperkasakan semangat integrasi nasional dalam mengukuhkan semangat perpaduan dan penyatuan erat masyarakat berbilang kaum di negara ini.</li> <li>- Mahasiswa perlu rasional dengan membuat penilaian bijak agar persengketaan yang berlaku tidak berlarutan lama.</li> <li>- mahasiswa tidak seharusnya terlalu taasub dalam sesuatu perkara terutamanya apabila timbul persengketaan yang melibatkan perbezaan fahaman serta pendapat.</li> </ul>	

	<p>Langkah-langkah yang dilaksanakan pelbagai pihak...</p> <p>Peranan masyarakat – amalan rumah terbuka setiap kaum, gotong royong di kawasan kejiranan. Penubuhan Rukun Tetangga.</p> <p>Peranan sekolah – aktiviti kurikulum seperti perkhemahan dan gotong royong</p> <p>Peranan pihak kerajaan – Penubuhan Sekolah Wawasan, Program Kenegaraan.</p>	<b>3</b>
	<p>Kriteria- kriteria ketika majlis rumah terbuka ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menyediakan makanan yang bersih, sesuai dan halal untuk para tetamu</li> <li>- memahami budaya kaum-kaum lain dengan tidak menyentuh isu-isu sensitif</li> <li>- berkomunikasi dengan para tetamu dengan bersopan santun</li> <li>- memberi layanan mesra tanpa membezakan kaum</li> <li>- kawasan tempat letak kereta yang luas dan sesuai</li> <li>- berpakaian sopan dan tidak mencolok mata</li> </ul>	<b>4</b>

### **SOALAN 7: PETIKAN SASTERA (13M)**

No	Cadangan Jawaban	Markah
	<p>Berdasarkan Bahan 2, maksud <i>mencalit sejarah hitam</i> ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mencatat / melakar peristiwa tragis / buruk</i></li> <li>• <i>Mencalit peristiwa tragis</i></li> <li>• <i>Mencatat sejarah hitam</i></li> </ul>	<b>2</b>
	<p>Kesan-kesan buruk yang diperoleh apabila semangat perpaduan tidak diamalkan oleh semua kaum ialah</p> <p><b>Bahan 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keharmonian negara pasti tergugat</li> <li>- Ekonomi negara pasti terkulai</li> <li>- Tragedi berdarah pasti berulang</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang</li> </ul>	<b>3</b>

	<p>mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan.</li> </ul>	
	<p>Pada pendapat saya, peranan-peranan pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- aktiviti perbincangan dalam kumpulan – murid-murid akan belajar nilai bekerjasama, tolong-menolong dan hormat-menghormati.</li> <li>- Program RIMUP – Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan</li> <li>- Program Sambutan Hari Raya, Hari Keluarga</li> <li>- Penglibatan murid berbilang kaum dalam kelab / persatuan dan badan-badan beruniform.</li> </ul>	<b>4</b>
	<p>Sebagai keluarga yang prihatin, langkah-langkah yang dapat saya sekeluarga lakukan untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk di kawasan kejiranan ialah ... [ 4 markah ]</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengadakan majlis kesyukuran dan menjemput penduduk di kawasan kejiranan supaya dapat berkenal-kenalan dengan jiran-jiran.</li> <li>- Melibatkan diri dan ahli keluarga dalam aktiviti-aktiviti kejiranan seperti gotong-royong, sukaneka, dan rukun tetangga.</li> <li>- Saling ziarah-menziarahi jiran-jiran di kawasan kejiranan.</li> <li>- Mengamalkan nilai prihatin, tolong-menolong dengan masalah jiran sekeliling.</li> <li>- Saling bertukar juadah dan makanan dengan jiran tetangga.</li> <li>- Saling bertegur sapa dan bertanya khabar ketika bersua dengan jiran.</li> </ul>	<b>4</b>

## **SOALAN 8 : NOVEL (10 MARKAH)**

i. Keistimewaan yang terdapat pada penetrator yang dicipta oleh Dr. Maxi ialah...

[ 4 markah ]

- Penetrator ini membantu Aqram untuk melemahkan WALL Farisha.
- Farisha perlu memegang penetrator selama lima belas minit.
- Ringan dan berbentuk silinder logam.
- Boleh berubah dan bertukar pelbagai bentuk / objek mengikut bayangan seseorang yang memegang penetrator.
- Cara menggunakan penetrator ialah seseorang perlu memikirkan sesuatu.

ii. Peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup oleh pembaca

### **DI SEBALIK DINARA**

1. Peristiwa Karl menyampaikan wasiat terakhir agar mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka. Aqram menyempurnakan permintaan terakhir abangnya itu di pantai Port Dickson.

Panduan :

- menunaikan amanah yang diberikan
- reda menerima kematian orang tersayang
- menguruskan sesuatu perkara dengan teratur

2. Peristiwa Azraai memasang keselamatan alat *retinal scanner* di rumah Farisha bagi memastikan keselamatannya daripada sekarang perkara yang tidak diingini. Apabila sampai di apartmen, Farisha mendapati kunci rumahnya telah diganti dengan sistem *retinal scanner* dan kad imbasnya tidak boleh digunakan lagi untuk membuka pintu rumah.

Panduan :

- sentiasa menyayangi setiap ahli keluarga dengan sepenuh hati.
- sentiasa bertanggungjawab atas setiap ahli keluarga.
- menjaga amanah yang diberikan.

3. Peristiwa Farisha mengetahui penyakit jantung yang dihidapi abangnya, Azraai dan kedudukannya sebagai anak angkat ketika datang ke rumah Azraai untuk makan malam. Azraai terpaksa memberitahu Farisha ialah anak angkat ibu bapanya lalu menyerahkan fail berisi butiran peribadi Farisha. Farisha amat sedih mendengar berita itu.

Panduan :

- tabah dalam menempuh pelbagai cabaran kehidupan.
- tidak bertindak mengikut perasaan.

4. Peristiwa Aqram mengambil bekas minuman Farisha semasa Farisha tertidur di dalam pesawat untuk melakukan ujian DNA bagi memastikan Farisha merupakan orang yang dicari.

Panduan :

- bijak menyelesaikan masalah.
- gigih melakukan tugas.

5. Peristiwa Farisha dan Rosman tidak tergesa-gesa menerima tawaran Aqram dan Soft Lab untuk projek mini bernilai RM1.5 juta. Sebaliknya, Farisha meminta pandangan Azraai, abangnya yang lebih berpengalaman.

Panduan :

- tidak terburu-buru dalam membuat keputusan.
- mendapatkan pandangan orang berpengalaman dalam membuat keputusan.

6. Peristiwa Farisha, Rosman dan Shida bertemu dan berbincang di Pejabat Secured Shell untuk meneliti kontrak projek mini yang ditawarkan oleh Soft Lab.

Panduan :

- bijak menyelesaikan masalah.
- tidak tergesa-gesa dalam membuat keputusan.
- mendapatkan pandangan orang lain dalam membuat keputusan.

7. Peristiwa penganjuran Simposium Keselamatan Sistem atau *The 3rd Malaysia Computer Security Symposium* yang berlangsung di Hotel Renaissance yang menggunakan sistem teknologi yang canggih seperti alat pengimbas, skrin sentuh dan robot bermula daripada pendaftaran, persediaan dewan hingga pengisian simposium.

Panduan :

- bijak menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi.
- sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan.
- bijak mencari atau mengakses maklumat.

8. Peristiwa Dr. Maxi dan Aqram yang berusaha mencari untuk mencari Farisha seperti yang diarahkan oleh Karl kerana hanya Farisha yang dapat menyelesaikan masalah Dinara.

Panduan :

- bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara.
- memenuhi amanah yang telah diberikan.

9. Peristiwa Farisha memaafkan segala perbuatan Karl dan menerima kenyataan bahawa Karl merupakan ayah kandungnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, Karl telah menanam pelbagai implan ke dalam tubuh Farisha tanpa menggunakan sebarang ubat pelali.

Panduan :

- tidak berdendam dan pemaaf

## SILIR DAKSINA

1. Peristiwa Haiqal menyimpan manuskrip yang diterima daripada See Hwa di dalam laci berkunci di biliknya agar tidak diketahui oleh uminya kerana umi tidak suka Haiqal menjelaki sejarah hidup ayahnya iaitu Abdullah bin Kayan.

Panduan :

- bijak menyembunyikan rahsia.

2. Peristiwa Penduduk Kampung Seri Purnama sentiasa bekerjasama untuk menjayakan setiap aktiviti dan acara yang dijalankan di kampung tersebut seperti majlis sambutan Hari kemerdekaan peringkat mukim

Panduan:

- semangat kerjasama dan muafakat semasa melaksanakan sesuatu perkara.

3. Peristiwa Haiqal telah menghidupkan kembali kumpulan zapin D' Purnama setelah sekian lama terkubur semenjak kematian ayahnya. Satu majlis persembahan tarian zapin akan diadakan dan Haiqal turut mengambil bahagian. Haiqal juga telah memaklumkan kepada walidnya tentang persembahan tarian zapin tersebut.

Panduan :

- kegigihan melaksanakan sesuatu perkara atas kejayaan.
- kebenaran ibu bapa penting dalam melakukan sesuatu perkara.

4. Peristiwa tentang Haiqal berasa gembira kerana uminya, walid dan adik tirinya telah datang ke Kampung Seri Purnama untuk menyaksikan persembahan tarian zapin. Haiqal bersyukur kerana kehadiran ibunya merupakan petanda bahawa ibunya merestui perjuangan diri dan ayahnya ke arah memartabatkan tarian zapin.

Panduan:

- Restu dan berkat ibu bapa penting dalam sesuatu perkara atau pekerjaan.
- Ibu bapa perlu menyokong segala impian anak-anak.

5. Peristiwa Haiqal Hakimi mencari surau untuk menunaikan soalat subuh sebaik sahaja sampai di stesen Batu Pahat pada pukul 5.30 pagi sebelum meneruskan perjalanan mencari Kampung Seri Purnama, Parit Raja,.

Panduan:

- Taat kepada perintah Tuhan lebih utama sebelum melakukan tugasannya yang lain.

## **BAHAGIAN C : RUMUSAN (30M)**

### **Pendahuluan :**

Rumusan membincangkan langkah-langkah memupuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar dan kebaikan-kebaikannya.

### **Isi-Isi Penting**

#### **Bahan 1: Petikan Umum**

**Fokus 1:** langkah-langkah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. **1 isi = 2m**

- Menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar
- Sistem persekolahan dan kurikulum yang sama
- Penghayatan dan rasa bangga menjadi warganegara Malaysia
- Memupuk dan menghayati semangat setia kawan, tolak ansur, toleransi di sekolah
- Penerapan nilai-nilai rohani dan budaya pelbagai kaum
- Penubuhan sekolah wawasan yang menggabungkan pelbagai aliran sekolah
- Melibatkan pelajar dengan pelbagai aktiviti kokurikulum.

**Fokus 2:** Kebaikan-kebaikan memupuk perpaduan kaum. **1 isi = 2m**

- Agar peristiwa 13 Mei tidak berulang
- menimbulkan sentimen perpaduan dan semangat bekerjasama dalam kalangan pelbagai kaum.
- perpaduan dan integrasi nasional dapat dicapai dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia
- melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera

#### **Bahan 2 : Gambar**

**Fokus 2 :** (Kebaikan-kebaikan memupuk perpaduan kaum. **1 isi = 2 m**

- Dapat mengelakkan semangat asabiah
- Dapat Membangunkan ekonomi negara.
- Dapat mengekalkan kestabilan politik.

### **Kesimpulan :**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah menggembungkan usaha memupuk perpaduan dalam semua kaum agar keharmonian rakyat kekal terpelihara (2m)

## **PEMARKAHAN RUMUSAN**

Pendahuluan : 2m

Hanya Isi tersurat sahaja : maksimum 8 isi = 16 m [Rujuk bahan 1 - (fokus 1 dan fokus 2) dan bahan 2 ( fokus 2 ) ]

Kesimpulan : 2m

Jumlah Isi = 20m

Bahasa = 10

Jumlah = 30/30m

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN****BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA  
[ 35 MARKAH ]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Akronim	Kata Ganda
- Kemas (Jabatan Kemajuan Masyarakat) - NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Nasional) - 3M (Kemahiran membaca, menulis dan mengira)	- bermacam-macam - kanak-kanak - kira-kira

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Ayat Majmuk	Ayat Tunggal
Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif pelajar KV Keningau dalam inovasi dan pengantarabangsaan sejak tahun 2016.	1. Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif pelajar KV Keningau, dalam inovasi sejak tahun 2016 2. Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif pelajar KV Keningau, dalam pengantarabangsaan sejak tahun 2016
Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang kreatif, inovatif dan berdedikasi yang memastikan kelangsungan kecemerlangan KV Keningau dalam bidang inovasi.	3. Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang kreatif 4. Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang inovatif 5. Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang berdedikasi 6. Tenaga pengajar memastikan kelangsungan kecemerlangan KV Keningau dalam bidang inovasi.

### **SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

#### **Petikan 1**

- |   |                                  |
|---|----------------------------------|
| 1. Berkiblat – berkiblatkan                       | (kesalahan pengimbuhan)          |
| 2. dipecahbelahkan - dipecah-belahkan             | (Kesalahan ejaan )               |
| 3. terpengaruh terhadap - terpengaruh dengan/oleh | (Kesalahan kata sendi)           |
| 4. di setiap hati sanubari - dalam setiap hati    | (Kesalahan kata sendi)           |
| 5. di mana jua - di mana-mana jua                 | (Kesalahan kata ganti tak tentu) |

#### **Petikan 2**

- |   |                                     |
|---|-------------------------------------|
| 1. adalah - ialah/merupakan             | (kesalahan penggunaan kata pemeri)  |
| 2. nilai - menilai                      | (kesalahan imbuhan)                 |
| 3. demi untuk mengekalkan – untuk       | (kesalahan penggunaan kata hubung)  |
| 4. penting sangat - sangat penting      | (kesalahan penggunaan kata penguat) |
| 5. mempastikan - memastikan             | (kesalahan pengimbuhan)             |
| 6. bertanggung jawab - bertanggungjawab | (kesalahan pemajmukan)              |

### **SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**

<b>Bahasa Melayu Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Setelah hari siang pun maka orang kaya-kaya itu pun datang mengadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu.	Setelah siang, maka orang kaya-kaya itu datang mengadap raja untuk mengadu tentang kecurian semalam.
Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah menyuruh orang berkawal tadi?”	Maka baginda pun hairan serta bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah disuruh orang berkawal tadi?”
Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik ada menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu.	Maka sembah Temenggung “Daulat tuanku Syah Slam, patik ada menyuruh orang berkawal pada malam tadi tetapi tiada seorang pun dalam kalangan mereka berjumpa dengan seseorang.
Patik hamba pun hairanlah akan penjurit itu.”	Patik berasa hairan dengan askar upahan itu”.

### **SOALAN 5 : PERIBAHASA**

- Bagaimana acuan begitulah kuihnya – Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
- Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau – Umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga.

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[ 35 MARKAH ]

### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud rangkai kata takkan pernah hilang ialah <i>tidak akan lenyap</i> .	2
ii	<p>Antara persamaan tokoh pejuang negara yang terdapat dalam petikan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kedua-duannya berjuang menentang penjajah British.</li> </ul> <p>Perbezaannya adalah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- dari segi tempat perjuangan iaitu Rentap berjuang di negeri Sarawak, manakala Dato' Bahaman berjuang di negeri Pahang.</li> </ul>	3
iii	<p>Pada pendapat saya, generasi muda boleh memupuk semula semangat juang dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- membaca kisah-kisah pejuang kemerdekaan</li> <li>- menonton video perjuangan mereka</li> <li>- generasi muda boleh mengunjungi tempat-tempat bersejarah seperti muzium</li> </ul>	3
iv	<p>Tindakan saya ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- saya akan menegur mereka</li> <li>- menjelaskan kesalahan mereka</li> <li>- Sekiranya mereka ingkar, saya akan melaporkannya kepada guru disiplin atau guru bertugas.</li> </ul>	4

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan jawaban	Markah
i	Orang/manusia yang bersifat jahat/ tidak baik / tidak senonoh/ terkutuk / keji	2
ii	<p>Berdasarkan <b>semua bahan</b>, kepentingan-kepentingan menyambut bulan kemerdekaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memperingati tokoh pejuang negara kita</li> <li>- meningkatkan semangat perpaduan pelbagai kaum/masyarakat/rakyat</li> <li>- menanamkan semangat patriotik pada diri mereka</li> <li>- meningkatkan semangat juang untuk negara</li> <li>- memupuk semangat cinta akan negara</li> <li>- membawa semangat jiwa merdeka</li> <li>- sanggup berkorban demi mempertahankan keharmonian negara</li> </ul>	4

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- meningkatkan jati diri.</li> </ul>	
iii	<p>Pada pendapat saya, kesan sekiranya generasi muda masa kini memandang remeh terhadap sambutan bulan kemerdekaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kurang kesedaran dan keinsafan terhadap nasib dan masa depan bangsa dan negara dalam kalangan mereka</li> <li>- kurang memberi sumbangan kepada pembangunan bangsanya</li> <li>- menganggap bahawa pembangunan, kemajuan dan masa depan bangsa dan negaranya bukan bidang yang menuntut perhatian mereka</li> <li>- kurangnya semangat patriotik dalam kalangan generasi muda</li> <li>- perpaduan dalam kalangan kaum tidak dapat diwujudkan</li> <li>- semangat cinta akan negara tidak dapat diwujudkan.</li> </ul>	3
iv	<p>Antara aktiviti yang menarik ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- larian merdeka</li> <li>- tayangan filem merdeka</li> <li>- gantung kain rentang</li> <li>- pertandingan menghias kelas dengan bertemakan kemerdekaan/pertandingan nyanyian lagu patriotik/main muzik tradisional/pertandingan reka fesyen tema kemerdekaan/pertandingan membaca pidato/syair/puisi/syarahan/sajak</li> <li>- lakonan semula adegan sejarah</li> <li>- berpakaian tradisional/</li> <li>- pameran kemerdekaan</li> </ul>	4

## SOALAN 8 : NOVEL

- i. Sebab-sebab Azraai terpaksa berbohong kepada doktor yang merawat adiknya
  1. Azraai sudah berjanji kepada arwah ibu dan ayahnya.
  2. Dia perlu patuh kepada surat amanah yang ditinggalkan bersama-sama Farisha.
  3. Semua mikrocip mesti kekal di dalam tubuh Farisha.
  4. Farisha mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.

- ii. Peristiwa yang menimbulkan kesedaran

### **Di Sebalik Dinara**

1. Peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam Karl. Ketika bertemu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa menjaga hubungan kekeluargaan agar sentiasa erat.
2. Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Azraai bekerjasama dengan ayah dan ibunya menjaga Farisha sejak Farisha berumur 2 tahun. Azraai turut memastikan semua mikrocip mesti kekal dalam tubuh Farisha dan Farisha mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan. Azraai turut menyerahkan fail yang mengandungi macam-macam surat arwah ayah tentang maklumat Farisha seperti dokumen permohonan dan sijil yang menunjukkan Farisha ialah anak angkat. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar menjaga sentiasa menjaga amanah yang diberikan oleh orang tua untuk menjaga adik-beradik.

### **Silir Daksina**

1. Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Tauke Ong dengan Ai Ling untuk membantu Haiqal ketika dia berada di Johor. Malahan, Haiqal juga dibenarkan tinggal di rumah mereka. Haiqal banyak mengetahui berkeraan bapanya melalui Tauke Ong dan Ai Ling. Ai Ling mengakui bahawa hubungannya dengan Abdullah bin Kayan amat rapat tetapi dia tidak layak untuk menggantikan tempat Haiqal Haqimi sebagai anak kandung. Haiqal Haqimi mengucapkan terima kasih kepada Ai Ling kerana telah membahagiakan ayahnya hingga ke akhir hayat. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa membantu orang lain yang berada dalam kesusahan.
2. Peristiwa kebijaksanaan mengenal potensi murid. Abdullah bin Kayan bijak mengenal potensi yang ada dalam diri See Hwa. Abdullah bin Kayan telah mengajar See Hwa cara mendeklamasi puisi yang betul. Cikgu Zam/ Abdullah bin Kayan meminta See Hwa datang ke rumahnya bersama-sama kakaknya untuk belajar cara mendeklamasi puisi. See Hwa telah memenangi pertandingan mendeklamasi puisi di sekolahnya. Cikgu Zam sudah menduga kejayaan See Hwa kerana persembahannya baik dan mengesankan. Peristiwa ini memberikan kesadaran kepada pembaca bahawa setiap orang mempunyai potensi yang boleh diketengahkan.

### **BAHAGIAN C : RUMUSAN [ 30 MARKAH ]**

#### **Pendahuluan :**

Rumusan membincangkan langkah-langkah menaikkan semangat patriotisme dan kebaikan semangat patriotisme.	2 markah
---	----------

**Fokus 1: Bahan 1 Langkah-langkah menaikkan semangat patriotisme**

1	kebudayaan seperti agama, bahasa dan lain-lain boleh menimbulkan semangat nasionalisme	2M
2	sejarah dan sivik mesti dijadikan sebagai landasan	2M

**Fokus 1: Bahan 2**

1	Ibu bapa membawa anak-anak mereka melawat ke tempat-tempat bersejarah.	2 markah
2	Ibu bapa membelikan anak-anak buku yang mengandungi isu-isu berkaitan patriotisme.	2 markah
3	Ibu bapa menghidupkan adat dan budaya dalam diri anak-anak	2 markah
4	Pihak sekolah menganjurkan sambutan kemerdekaan	2 markah

**Fokus 2 : Bahan 1 Kebaikan semangat patriotisme**

1	dapat melahirkan perasaan bersatu padu antara rakyat yang dijajah.	2 markah
2	membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing	2 markah
3	sebagai satu perjuangan bagi mempertahankan maruah dan mempertinggikan martabat serta kedaulatan negara.	2 markah
4	merupakan nadi kepada kebebasan, kemerdekaan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara.	2 markah
5	Patriotisme juga akan melahirkan rakyat yang akan berkhidmat dengan cekap, yakin dan jujur dalam tindakan mereka	2 markah
6	menjadikan seseorang itu berkhidmat demi negaranya dalam apa jua keadaan pun	2 markah
7	menjadi tonggak utama kepada pembangunan sesebuah negara.	2 markah
8	menjadi pendorong kepada setiap rakyat yang cintakan negaranya untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya.	2 markah

**Kesimpulan :**

Kesimpulannya, semua pihak mestilah membudayakan semangat patriotisme dalam diri supaya menjadi masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara. Atau Kesimpulannya, budaya semangat patriotisme hendaklah disemai dalam diri supaya masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara dapat dilahirkan.	2 markah
--	----------

**TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 MARKAH]****SOALAN 1 : MORFOLOGI [6 markah]**

Kata kerja + Bina Ayat	Markah
dikenali	1+1
menggariskan	1+1
mengurangkan	1+1
memulihara	1+1
menangani	1+1
memastikan	1+1
meningkatkan	1+1

**SOALAN 2 : SINTAKSIS [6 markah]**

Frasa	Ayat Penyata	Markah
Masalah kesihatan	Terdapat banyak punca yang menyebabkan <u>masalah kesihatan</u> mental di kalangan kanak-kanak.	
Darah tinggi	<u>Darah tinggi</u> ialah tahap tekanan darah yang meningkat lebih tinggi dari tahap biasa secara kronik.	1
Golongan kanak-kanak	<u>Golongan kanak-kanak</u> adalah antara golongan yang sangat suka makan makanan ringan	1
Makanan segera	Antara hidangan <u>makanan segera</u> ialah burger, keropok dan minuman ringan.	1
Restoran makanan segera	<u>Restoran makanan segera</u> yang mempunyai makanan yang sedap itu terletak di pinggir bandar.	1
Menu pilihan utama	<u>Menu pilihan utama</u> yang paling digemari oleh rakyat Malaysia untuk sarapan pagi ialah nasi lemak dan roti canai.	1

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN [11 markah]**

BAHAN 1		6 markah
tanggung jawab	tanggungjawab	1
cintakan alam sekitar	Cinta akan alam sekitar	1
Hasil kajian-kajian	Hasil-hasil kajian	1
Kebanyakkan	kebanyakkan	1
Adalah	ialah	1
Minima	minimum	1

<b>BAHAN 2</b>		<b>5 markah</b>
mengenalpasti	mengenal pasti	1
fizik	Fizik	1
memberikan tentang gambaran	memberikan gambaran	1
arahdaya	arah daya	1
menguffuk	mengufuk	1

#### **SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD [6 markah]**

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi.	Laksamana pun membahagikan kepada tiga bahagian, Laksamana hanya mengambil satu bahagian sahaja.
Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya.	Lalu, Laksamana membahagikan bahagian tadi kepada tiga bahagian pula; satu bahagian didermakan kepada fakir miskin dan satu bahagian diberikan kepada pegawai berpangkat rendah dan satu bahagian lagi diberikan kepada pengikut-pengikut Laksamana.
Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.	Akhirnya harta itu habis dan satu bahagian pun tidak diambil oleh Laksamana.

\* Pemberian markah secara impression.

#### **SOALAN 5 : PERIBAHASA [6 markah]**

<b>PERIBAHASA</b>	<b>6 markah</b>
Keras kepala	2
Ibarat mencurah air ke daun keladi	2
Sudah terhantuk baru terngadah	2

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 MARKAH]**

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM [12 markah]**

(i)	<p>Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud <i>untuk mencapai</i>.  <span style="float: right;">[2 markah]</span></p> <p>...bagi menjadi. [2m]</p>
(ii)	<p>Merujuk <b>Bahan 1</b> dan <b>Bahan 2</b>, nyatakan perbezaan usaha-usaha untuk menerapkan budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia.  <span style="float: right;">[3 markah]</span></p> <p>Bahan 1 :  ...penekanan dalam kalangan murid agar seiring dengan keperluan negara <i>untuk mencapai</i> negara maju dan menghadapi Revolusi Industri 4.0. [1m]</p> <p>Bahan 2 :  ...Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 turut menggariskan agenda bagi memperkasakan pembangunan teknologi tempatan dan pembudayaan STI.[1m]  ...pelbagai strategi dan usaha di dalam pelan tindakan STI yang komprehensif akan dilaksanakan bagi memastikan matlamat menjadi negara berteknologi tinggi tercapai. [1m]</p>
(iii)	<p>Revolusi Industri 4.0 bakal mengubah cara kehidupan manusia.</p> <p>Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku? [3 markah]</p> <p>...teknologi canggih mengambil tempat sebagai pekerja di tempat kerja. [1m]</p> <p>...kebergantungan manusia terhadap teknologi seperti telefon pintar. [1m]</p> <p>...semua sistem hidup bergantung kepada teknologi komputer.[1m]</p> <p style="text-align: right;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima.</i></p>
(iv)	<p>Kumpulan anda diminta untuk menyiapkan projek inovasi pada masa yang ditetapkan. Namun, projek tersebut tidak berjaya diselesaikan. Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan projek yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan projek tersebut dapat diselesaikan.</p> <p>...membuat perancangan projek dengan lebih teliti. [1m]</p> <p>...memastikan setiap ahli menyelesaikan tugas masing-masing. [1m]</p> <p>...membuat rujukan kepada pihak yang berpengalaman.[1m]</p> <p>...sentiasa belajar untuk menguasai teknologi terkini.[1m]</p> <p style="text-align: right;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima. [4 markah]</i></p>

**SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA [13 markah]**

(i)	<p>Berdasarkan <b>bahan 1</b>, berikan maksud <i>mewarnai kehidupan umat-Mu</i>. [2 markah]  <i>...mewarnai kehidupan umat-Mu</i> - melengkapi pelbagai aspek cara hidup manusia.  [2m]</p>
(ii)	<p>Berdasarkan <b>semua bahan</b>, nyatakan kepentingan-kepentingan amalan membaca dalam kalangan masyarakat ? [4 markah]</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menambah ilmu pengetahuan – maklumat isu semasa dan pengetahuan tentang kehidupan sehari-hari. [1m]</li> <li>- menambahkan perbendaharaan kata yang dimiliki – menemukan pelbagai jenis kata baharu. [1m]</li> <li>- membantu pelajar lulus dalam peperiksaan – dapat menambahkan pengetahuan tentang mata pelajaran tersebut. [1m]</li> <li>- dapat membantu memajukan negara – tokoh –tokoh yang mahir dalam bidang tersebut dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. [1m]</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima.</i></p>
(iii)	<p>Pada pendapat saya, faktor remaja kurang mengamalkan amalan membaca ialah [3 markah]</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- sikap malas pelajar – menganggap membaca membosankan. [1m]</li> <li>- lebih minat menonton televisyen – pelajar suka menonton rancangan hiburan yang kurang berfaedah. [1m]</li> <li>- pengaruh rakan sebaya – berkawan dengan rakan kurang membaca. [1m]</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima.</i></p>
(iv)	<p>Sebagai seorang pelajar, cara saya untuk memupuk semangat amalan membaca dalam diri sendiri ialah [4 markah]</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- pergi ke perpustakaan yang berdekatan – yang menawarkan buku pelbagai genre. [1m]</li> <li>- berkawan dengan ulat buku atau penulis buku. [1m]</li> <li>- masuk ke kedai buku – kedai buku menawarkan harga berpatutan dan baca sinopsis terdahulu sebelum membeli. [1m]</li> <li>- mengikuti kumpulan buku di media sosial. [1m]</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima.</i></p>

**SOALAN 8 : NOVEL [10 markah]**

i	<p>Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Farisha apabila masuk ke dalam pesawat.</p> <p>...menyimpan beg beroda di ruang simpanan. ...mengambil tempat. ...memasang tali pinggang keselamatan. ...terus memejamkan mata.</p>	4 markah 1 1 1 1
ii	<p>Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang boleh menarik perhatian pembaca dalam novel tersebut.</p> <p><b>DI SEBALIK DINARA</b></p> <p><b>Peristiwa :</b> Azraai memasang retinal scanner di rumah Farisha bagi memastikan keselamatannya daripada sebarang perkara yang tidak diingini.</p> <p><b>Sebab menarik perhatian :</b> sentiasa menyayangi setiap ahli keluarga dengan sepenuh hati.</p> <p><b>Peristiwa :</b> Peristiwa penganjuran Simposium Keselamatan Sistem atau The 3<sup>rd</sup> Malaysia Computer Security Symposium yang berlangsung di Hotel Renaissance yang menggunakan sistem teknologi yang canggih seperti alat pengimbas, skrin sentuh dan robot bemula daripada pendaftaran, persediaan dewan hingga pengisian simposium.</p> <p><b>Sebab menarik perhatian :</b> bijak menyeseuaikan diri dengan kemajuan teknologi dan sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan.</p> <p><b>Peristiwa :</b> Farisha yang mengetahui penyakit jantung yang dihadapi abangnya, Azraai dan kedudukannya sebagai anak angkat ketika datang ke rumah Azraai untuk makan malam.</p> <p><b>Sebab menarik perhatian :</b> tabah dalam menempuh pelbagai cabaran kehidupan dan tidak bertindak mengikut perasaan.</p> <p><b>Peristiwa :</b> Farisha dan Rosman tidak tergesa-gesa menerima tawaran Aqram dan Soft Lab untuk projek mini bernilai RM1.5 juta. Sebaliknya, Farisha meminta pandangan Azraai, abangnya yang lebih berpengalaman.</p>	<b>6 markah</b> 1 isi = 1m 1 huraihan = 1m

**Sebab menarik perhatian :** Tidak terburu-buru dalam membuat keputusan dan mendapatkan pandangan orang yang lebih berpengalaman.

**Peristiwa :** Farisha memaafkan segala perbuatan Karl dan menerima kenyataan bahawa Karl merupakan ayah kandungnya. Hal ini kerana Karl telah menanam pelbagai implan ke dalam tubuh Farisha tanpa menggunakan sebarang ubat pelali.

**Sebab menarik perhatian :** Tidak berdendam dan sanggup memaafkan kesalahan orang.

\* Jawapan lain yang relevan diterima.

#### **SILIR DAKSINA**

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

**[30 MARKAH]**

### **SOALAN 9 : RUMUSAN**

Bahan 1	Bahan 2
<p><b>Pendahuluan :</b></p> <p>Rumusan membincangkan manfaat/faedah inovasi dan kreativiti dalam kehidupan dan langkah untuk menyemai budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat/rakyat Malaysia. [2m]</p>	
<p><b>Fokus 1 :</b></p> <p>Faedah budaya inovasi dan kreativiti...</p> <p>1. dapat melahirkan generasi yang berfikiran kelas pertama dalam abad ke-21 ini untuk bersaing di peringkat global.</p> <p>2. sebagai penyelesaian masalah dalam kehidupan rutin seharian.</p>	<p><b>Fokus 1 :</b></p> <p>Faedah inovasi dalam kehidupan...</p> <p>1. Meningkatkan kualiti hidup.</p> <p>2. Mencipta pasaran baharu.</p> <p>3. Memelihara ekosistem dan alam sekitar.</p> <p>4. Mengurangkan risiko kebergantungan terhadap manusia.</p> <p>5. Selaras dengan sistem pendidikan.</p> <p>6. Meluaskan jangkauan produk.</p>
<p><b>Fokus 2 :</b></p> <p>Langkah untuk menyemai budaya inovasi dan kreativiti...</p> <p>1. Kerajaan telah menetapkan bahawa agenda transformasi negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti.</p> <p>2. Meningkatkan kualiti sistem pendidikan dan menjadikannya bertaraf dunia.</p> <p>3. Tema Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara telah dipilih sebagai galakan kepada guru menyuburkan inovasi dalam sekolah.</p> <p>4. Rancangan TV realiti dijadikan platform untuk menyemai budaya inovasi.</p>	<p>Kombinasi isi = Bahan 1 + Bahan 2 = <b>8 isi</b> (meliputi semua isi daripada <b>kedua-dua</b> bahan)</p> <p style="text-align: right;"><b>8 isi x 2 markah = 16 markah</b></p>

**Kesimpulan :**

Kesimpulannya, semua pihak perlu membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kehidupan agar melahirkan negara bangsa yang maju. [2m]

**MARKAH RUMUSAN**

Pendahuluan = 2m

Isi = 16m

Kesimpulan = 2m

Jumlah isi = 20m

Bahasa = 10m (secara impression)

**Jumlah markah = 30 markah**

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****SOALAN 1: MORFOLOGI [6 markah]**

kata adjektif terbitan sisipan	kata adjektif terbitan awalan	kata adjektif penggandaan berentak
Gemuruh Gemilang	Terpuji	sorak-sorai

**SOALAN 2 : SINTAKSIS [6 markah]**

Ayat pasif	Ayat aktif
Jika langkah yang berkesan tidak diambil oleh pihak yang terbabit, kita pasti akan berhadapan dengan pelbagai kesan negatif dalam jangka masa panjang.	Jika pihak yang terbabit tidak mengambil langkah yang berkesan, kita pasti akan berhadapan dengan pelbagai kesan negatif dalam jangka masa panjang.
Hutan simpan kekal tersebut akan diurus dan diklasifikasikan di bawah empat fungsi utama, iaitu sebagai hutan perlindungan, hutan berhasil, hutan lipur dan hutan penyelidikan dan pembelajaran.	Kerajaan akan mengurus dan mengklasifikasikan hutan simpanan kekal tersebut di bawah empat fungsi utama, iaitu sebagai hutan perlindungan, hutan berhasil, hutan lipur dan hutan penyelidikan dan pembelajaran.
Taman negara juga dilindungi oleh kerajaan supaya biodiversiti semula jadi kawasan berkenaan dipelihara dan dikekalkan.	Kerajaan juga melindungi taman negara supaya biodiversiti semula jadi kawasan berkenaan dipelihara dan dikekalkan.

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN [11 markah]**

SALAH	BETUL
Penguatkuasa	penguat kuasa
diketuai saya	saya ketuai
Siasat	siasatan
Sehubungan itu	Sehubungan dengan itu
mengingatkan kepada semua	mengingatkan semua
untuk	agar
Menyampaikan	menyalurkan
Sembarang	sebarang
Trajedi	tragedi
Terkenal	dikenali
Yang	bahawa

#### **SOALAN 4 : BAHASA STANDARD [4 markah]**

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta menyuruh berkata kepada Tun Perak.	Sultan telah bertitah kepada Seri Amerta untuk bertanyakan hal tersebut kepada Tun Perak.
Maka Tun Perak pun datang menghadap.	Tun Perak telah menghadap.
Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadu dirinya teraniaya oleh Tun Perak.	Seterusnya, Seri Amerta berkata kepada Tun Perak. “Orang ini telah mengatakan dirinya telah dianiaya oleh Tun Perak.
Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”	Mengapakah tuan hamba bersikap seperti itu?”

#### **SOALAN 5 : PERIBAHASA [ 6 markah ]**

- i. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
- ii. Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang
- iii. Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- iv. Di mana ada kemahuan di situ ada jalan

#### **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

#### **SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

	Rangkai kata <i>memberikan impak bermaksud mendatangkan/menghasilkan kesan/implikasi</i>	2 markah
	<p>Berdasarkan <b>bahan 1</b> dan <b>bahan 2</b>, perbezaan kelebihan tenaga boleh diperbaharu tersebut ialah</p> <p><b>Bahan 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tenaga solar digunakan untuk membekalkan tenaga elektrik ke pedalaman.</li> <li>• Penggunaan tenaga solar memberi impak kepada penurunan permintaan tenaga elektrik, sekali gus memberi keseimbangan ekonomi negara pada masa hadapan.</li> <li>• mampu menjanakan pendapatan dalam tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p>	3 markah

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelebihan tenaga ini termasuklah percuma.</li> <li>• Air dapat disimpan di dalam empangan dan sedia digunakan pada masa yang diperlukan. Tidak ada sisa buangan yang mencemarkan.</li> <li>• Tenaga ini boleh digunakan sebagai bahan api yang mengerakkan kenderaan.</li> </ul>	
	<p>Pada pendapat saya, kekurangan yang wujud pada tenaga mesra alam ini termasuklah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pemasangan awalnya agak tinggi. Pada masa ini, penjanaan elektrik dari tenaga alternatif masih agak mahal, misalnya panel solar.</li> <li>• Tenaga ini juga sukar disimpan dan dihantar secara meluas kerana harganya yang tinggi.</li> <li>• Tenaga boleh diperbaharu juga sangat bergantung pada faktor semula jadi yang tidak dapat diramalkan atau diatur. Sebagai contoh, sekiranya berlaku kemarau yang panjang, loji janakuasa hidroelektrik akan sukar menjana elektrik kerana arus air tidak sepantas biasa. Begitu juga dengan tenaga suria. Apabila cuaca mendung atau mendung, anda mungkin tidak mendapat cukup cahaya.</li> <li>• Oleh sebab tenaga ini masih baharu dan belum banyak digunakan, teknologi sokongan juga belum matang. Penyelidik masih berusaha mencipta teknologi yang lebih murah dan lebih efisien sehingga dapat digunakan oleh banyak orang.</li> </ul>	3 markah
	<p>Usaha-usaha yang dapat saya lakukan untuk memastikan bil elektrik di rumah saya dapat dikurangkan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan budaya penjimatan penggunaan elektrik di rumah</li> <li>• Memastikan penggunaan barang elektrik yang bersesuaian</li> <li>• Menggunakan barang elektrik dengan betul</li> <li>• Menghadkan penggunaan barang elektrik</li> <li>• Menggunakan barang elektrik jimat elektrik</li> </ul>	4 markah

## SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>pasti hilang</i> ialah <i>tentu lenyap</i> .	2
ii	Berdasarkan <b>semua bahan</b> , punca-punca pencemaran alam sekitar ialah - tindakan manusia yang jahil	4

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- perbuatan manusia yang tamak untuk meraih keuntungan</li> <li>- tidak mempunyai kesedaran sivik dalam diri</li> <li>- tidak menyedari akan kepentingan alam sekitar</li> </ul> <p style="text-align: center;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima</i></p>	
<b>iii</b>	<p>Pada pendapat saya, kepentingan-kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menjaga habitat flora dan fauna</li> <li>- ekosistem bumi akan terpelihara</li> <li>- mampu menarik kehadiran pelancong</li> <li>- mencegah penyakit</li> <li>- sebagai bekalan makanan kepada manusia</li> </ul> <p style="text-align: center;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima</i></p>	<b>4</b>
<b>iv</b>	<p>Sebagai seorang yang prihatin terhadap alam sekitar, tindakan saya dalam situasi ini ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- melaporkan kejadian ini kepada pihak berkuasa/Jabatan Alam Sekitar.</li> <li>- menyiarkan kesan buruk pembuangan sisa toksik ke dalam sungai di media sosial,</li> <li>- mengikuti program gotong-royong bersama penduduk kampung.</li> <li>- mengedarkan risalah tentang kepentingan sungai yang bersih dengan kerjasama NGO alam sekitar.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima</i></p>	

## SOALAN 8 : NOVEL

- i. Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Haiqal apabila dia tiba di stesen bas ialah
  - bertanya kepada seorang pengawal keselamatan tentang lokasi surau yang terdekat.
  - mengucapkan terima kasih.
  - naik ke atas mengikut petunjuk surau yang ditampal di tepi dinding anak tangga yang dipanjangnya.
  - menggosok gigi dan membasuh muka, dia mengambil wuduk.
  - menunaikan solat subuh bersama-sama jemaah yang lain.

*\*Maksimum 4 markah  
[4 markah]*

- ii. Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari, dua peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca dalam novel tersebut ialah

### DI SEBALIK DINARA

**Peristiwa :** Peristiwa apabila Farisha berada di rumah abangnya, Azraai. Farisha diberitahu bahawa abangnya menghidap penyakit jantung dan Farisha mengetahui bahawa dia hanyalah anak angkat.

**Sebab menyentuh perasaan :** Pembaca sedih akan nasib seorang anak angkat yang menganggap dirinya anak kandung selama ini.

**Peristiwa :** Peristiwa apabila Farisha mendapat tahu bahawa Karl sanggup menanam pelbagai implan dan memberikan pelbagai ubat ke dalam tubuhnya semasa Farisha masih bayi tanpa sebarang bius.

**Sebab menyentuh perasaan :** Pembaca marah atas tindakan seorang bapa yang sanggup bertindak kejam terhadap anak kandungnya sendiri.

**Peristiwa :** Peristiwa Farisha dapat berkomunikasi dengan Karl apabila dua batang jarum mudah lentur keluar dari kepala kerusi dan mula mencucuk kiri dan kanan tengkuk Farisha.

**Sebab menyentuh perasaan :** Pembaca teruja dengan kecanggihan sains dan teknologi yang ada dalam novel tersebut.

\* Jawapan lain yang relevan diterima.

### SILIR DAKSINA

**Peristiwa :** Peristiwa See Hwa bersetuju menggantikan Lazim yang terlibat dengan kemalangan jalan raya sebagai penari zapin dan berpasangan dengan Haiqal.

**Sebab menyentuh perasaan :** Pembaca gembira kerana persembahan yang dirancang dari awal berjalan lancar.

**Peristiwa :** Haiqal menziarahi pusara ayahnya dan membacakan surah Yasin dalam keadaan sebak.

**Sebab menyentuh perasaan :** Pembaca sedih kerana seorang anak tidak dapat berjumpa dengan ayah kandungnya semasa hidup.

**Peristiwa :** Haiqal tidak dibenarkan oleh Umi untuk melihat jenazah ayahnya di Kampung Seri Purnama buat kali terakhir.

**Sebab menyentuh perasaan :** Pembaca berasa simpati kerana seorang anak tidak pernah berjumpa ayah kandungnya sejak kecil sehinggalah ayahnya meninggal dunia.

\* Jawapan lain yang relevan diterima.

[ 6 markah ]

### BAHAGIAN C : RUMUSAN [ 30 MARKAH ]

#### Soalan 9 : Rumusan

Bahan 1	Bahan 2	Bahan 3
<b>Pendahuluan :</b>		
Rumusan membincangkan kepentingan alam sekitar, langkah menjaga alam sekitar dan punca berlakunya pencemaran alam sekitar. [2m]		
Rumusan membincangkan kepentingan alam sekitar dan punca berlakunya pencemaran alam sekitar. [1m]		
<b>Fokus 1</b>  Kepentingan menjaga alam sekitar...  1. Habitat flora dan fauna akan terpelihara. 2. Memastikan kesihatan manusia terjamin. 3. Dapat menarik pelancong sama ada domestik ataupun antarabangsa.	<b>Fokus 1</b>  Kepentingan menjaga alam sekitar...  1. Menjaga kebersihan diri. 2. Kawasan persekitaran kelihatan bersih dan rapi. 3. Memudahkan proses kitar semula. 4. Mencegah penyakit dan bau busuk dari sampah. 5. Menjaga ekosistem bumi. 6. Mencegah banjir.	<b>Fokus 3</b>  Punca berlakunya pencemaran alam sekitar...  1. Pencemaran asap kilang. 2. Penebangan pokok tanpa kawalan. 3. Kegiatan mengekplotasi hutan demi keuntungan. 4. Pembuangan sampah merata-rata.
<b>Fokus 2</b>  Langkah menjaga alam sekitar...  1. Pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar boleh dilaksanakan melalui kerjasama oleh pihak media	<p>Kombinasi isi = Bahan 1 + Bahan 2 + Bahan 3 = <b>8 isi</b> (meliputi semua isi daripada <b>kedua-dua</b> bahan)</p> <p><b>8 isi x 2 markah = 16 markah</b></p> <hr/> <p style="text-align: center;"><b>MARKAH RUMUSAN</b></p> <p style="text-align: center;">Pendahuluan = <b>2m</b></p>	

<p>massa.</p> <p>2. Melalui kempen alam sekitar.</p> <p>3. Penggunaan teknologi moden untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar adalah amat penting.</p>	<p><b>Isi = 16m</b></p> <p><b>Kesimpulan = 2m</b></p> <p><b>Jumlah isi = 20m</b></p> <p>Bahasa = <b>10m</b> (secara impression)</p> <p><b>Jumlah markah = 30 markah</b></p>
<p><b>Kesimpulan :</b></p> <p>Kesimpulannya, semua pihak perlu menjaga kebersihan alam sekitar agar khazanah alam kekal selamat. [2m]</p>	

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[ 35 MARKAH ]****SOALAN 1 : MORFOLOGI [6 markah]**

Kata Ganda	Ayat
agensi-agensi	<u>Agensi-agensi</u> kerajaan yang memikul tanggungjawab membasi kemiskinan hendaklah melaksanakan amanah itu dengan lebih berkesan.
bertahun-tahun	Sekalipun sudah <u>bertahun-tahun</u> peristiwa ngeri itu berlaku, tetapi dia sukar melupakannya.
bersungguh-sungguh	Jurujual itu <u>bersungguh-sungguh</u> benar cuba mempengaruhi kami agar membeli produk jualannya.

**SOALAN 2 : SINTAKSIS [6 markah]**

Ayat	Jenis ayat
Silalah duduk di kerusi tu sementara saya menyelesaikan kerja pemberian makanan kepada udang galah ni.	Ayat silaan
Lap dulu kerusi tu dengan kain buruk itu.	Ayat suruhan
Jangan susah-susah kerana saya	Ayat larangan
Usah kurang kerana boleh menjelaskan pertumbuhannya.	Ayat larangan
Haraplah suatu hari nanti kamu diiktiraf sebagai penternak yang berjaya.	Ayat permintaan
Ambil udang ni bawa balik ke rumah dan suruh isteri kamu masak.	Ayat suruhan

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN [9 markah]**

- (i) lonjakan – anjakan
- (ii) pro-aktif – proaktif
- (iii) prihatin – perhatian
- (iv) peladangan – perladangan
- (v) adalah – ialah
- (vi) makanisma – mekanisme

- (vii) Sejak dari – Sejak / Dari
- (viii) memperluaskan – memperluas / meluaskan
- (ix) usahawan tani-usahawan tani – usahawan-usahawan tani

**SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD [8 markah]**

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota.	Apabila tiba waktu malam Kertala Sari pun masuk ke dalam kota.
Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak.	Dia mendengar orang berkawal serta kedengaran bunyi lembing dan perisai seperti bunyi hujan menimpa atap.
Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara.	Kertala Sari pun melintasi para pengawal itu sambil membaca ilmu kesaktiannya lalu masuk ke dalam rumah Bendahara.
Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.	Dia mencuri barang-barang yang berharga lantas dibawanya pulang.
Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.	Sesudah hari siang maka Bendahara pun heboh mengatakan bahawa harta bendanya kena curi.

**SOALAN 5 : PERIBAHASA [6 markah]**

- (i) Bertangguh itu pencuri masa
- (ii) Untung sabut timbul, untung batu tenggelam
- (iii) Hangat-hangat tahi ayam / Melepaskan batuk di tangga

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[ 35 MARKAH ]

### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM [12 MARKAH]

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud <i>sumber pendapatan</i> . ....punca perolehan / kewangan / ekonomi.	2
ii	<p>Merujuk <b>Bahan 1</b> dan <b>Bahan 2</b>, nyatakan <b>persamaan dan perbezaan</b> antara kepentingan bidang akuakultur dengan bidang penternakan lembu.</p> <p>Persamaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>...meningkatkan ekonomi mereka</li> <li>...membuka peluang pekerjaan</li> </ul> <p>Perbezaan</p> <p>Bahan 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>...bekalan ikan akan mencukupi pembeli tidak akan terbeban dengan harga</li> <li>...meningkatkan taraf sosioekonomi mereka untuk bersaing</li> </ul> <p>Bahan 2 :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>...menjadi hab halal dunia</li> <li>...menampung keperluan pasaran tempatan.</li> </ul>	3
iii	<p>Kekurangan golongan muda menceburi bidang pertanian merugikan negara.</p> <p>Pada pendapat anda, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan muda hingga menghalang mereka untuk menceburi bidang pertanian?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>....kekurangan modal / sumber kewangan / ketiadaan kepakaran / ilmu</li> <li>...sistem birokrasi yang merumitkan</li> <li>...risiko yang tinggi / serangan penyakit atau serangga perosak</li> <li>...tanggapan negatif bahawa bidang pertanian tidak menguntungkan</li> </ul>	3
	<p>Encik Raul telah lama menceburi bidang penternakan. Lembu yang diternaknya untuk tujuan lembu pedaging, tenusu dan baka. Sungguhpun begitu, pasarannya hanya untuk dalam negara. Anda selaku anak saudaranya mahu memperluas pasaran produk ternakan beliau.</p> <p>Cadangkan langkah-langkah yang anda sarankan kepada Encik Rauf untuk memperluas produk ternakkannya ke peringkat antarabangsa.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>...mengekspor / menjual produk ternakan ke luar negara</li> <li>...menyertai karnival / ekspos pertanian peringkat antarabangsa</li> <li>...menjalinkan kerjasama dengan syarikat pertanian luar negara</li> <li>...menghebahkan kempen / iklan tentang produk di negara asing</li> <li>...membuka cawangan syarikat di luar negara.</li> </ul>	4

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA [12 MARKAH]

No	Cadangan Jawaban	Markah
	Berdasarkan <b>Bahan 2</b> , berikan maksud <i>melihat potensi</i> . ...memandang / melihat peluang	2
	Berdasarkan <b>semua bahan</b> , nyatakan kesan-kesan apabila seseorang itu rajin mengusahakan tanah terbiar. Kesan-kesan : Bahan 1 - Seseorang itu akan mengelak tanah-tanah diambil oleh penjajah. Bahan 2 - mengelak kebergantungan negara kepada bahan import dari negara lain. Bahan 3 - seseorang akan mendapat hasil berganda apabila mereka rajin mengusaha tanah terbiar.	3
	Tanah terbiar terutama di luar bandar jika tidak diusahakan merupakan satu kerugian kepada negara. Pada pendapat anda, mengapakah masih banyak tanah terbiar di luar bandar? ...Orang muda telah berhijrah ke bandar mencari pekerjaan menyebabkan tiada orang yang mengusakan tanah. ...Masyarakat luar bandar kurang maklumat / pengetahuan tentang bantuan dari agensi kerajaan. ...Masyarakat luar bandar tidak tahu menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan hasil tanah terbiar.	4
	Pada suatu petang, ketika anda dan keluarga sedang berkumpul di ruang tamu, bapa anda telah menceritakan niatnya untuk mengusahakan tanah terbiar peninggalan bapanya di kampung. Pelbagai cadangan telah diberikan oleh setiap ahli keluarga berkaitan projek yang akan dijalankan di tanah terbiar tersebut. Anda yang memerhatikan perbincangan tersebut telah mengutarakan pandangan untuk membina kolam ternakan udang galah di tanah terbiar tersebut. Nyatakan alasan-alasan anda berpendapat sedemikian. ...Permintaan yang tinggi di pasaran. ...Bekalan udang galah tidak mencukupi. ...Keuntungan yang berlipat ganda kerana harganya yang mahal. ...Penjagaan yang tidak rumit berbanding dengan tanaman. ...Hasil yang cepat.	4

### SOALAN 8 : NOVEL [10 MARKAH]

(i) Nyatakan ciri-ciri mikrocip yang tertanam dalam tubuh Farisha.

[4 markah]

**Ciri-ciri mikrocip yang tertanam dalam tubuh Farisha :**

...seperti membantu Karl menyalurkan pemikirannya kepada Farisha untuk melaksanakan

setiap tugas yang diarahkan olehnya.

...cip ini juga berfungsi untuk menerima isyarat dan mentafsirkannya kepada arahan.

...cip ini boleh menggerakkan anggota tubuh Farisha untuk bertindak balas.

...mikrocip ini mirip telepati yang membolehkan Karl berhubung dengan Farisha.

- (ii) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca. [6 markah]

### DI SEBALIK DINARA

**Peristiwa peleraian :** Peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam Karl. Ketika bertemu, Farisha hanya menerung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu.

**Sebab menarik minat :** ...kerana sikap Farisha yang masih ingin bertemu dan menziarahi ayahnya walaupun Karl telah melakukan pelbagai keburukan kepada dirinya ketika masih kecil.

**Peristiwa peleraian :** Peristiwa terbongkarnya rahsia tentang hubungan Karl dan Marilyn. Marilyn ialah seorang saintis yang membantu Karl membina Sistem Dinara. Kegilaan dan persaingan antara Marilyn dan Karl menyebabkan anak luar nikah mereka iaitu Farisha menjadi mangsa. Karl telah menanam berbagai-bagai implan dalam tubuh Farisha untuk menjadikannya kanak-kanak genius.

**Sebab menarik minat :** ...ketaasuhan terhadap sains dan teknologi menyebabkan Karl dan Medina telah bersaing antara satu sama lain dan menyebabkan Farisha membesar tanpa kasih sayang ibu bapa setelah dia diserahkan kepada keluarga angkat.

### SILIR DAKSINA

**Peristiwa peleraian :** Peristiwa Umi datang menyaksikan Haiqal membuat persembahan tarian zapin buat pertama kalinya. Haiqal terkejut apabila melihat Umi, adik tirinya Nur Asiyah dan Walid menyaksikan persembahannya di Kampung Seri Purnama. Keberadaan ahli keluarganya itu tentunya di luar jangkaan Haiqal yg tahu bahawa umi tidak pernah merestui tindakannya ke Kampung Seri Purnama di Johor sebelum ini.

**Sebab menarik minat :** Peristiwa ini menarik kerana menunjukkan kepada pembaca bahawa Umi telah memaafkan Haiqal atas keputusannya menjelaki sejarah ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan yg pada awalnya menimbulkan konflik antara mereka. Peristiwa ini juga menarik minat pembaca kerana menunjukkan hubungan antara seorang ibu dan anak tidak akan terpisah walaupun pernah wujud konflik.

**Peristiwa peleraian :** Peristiwa umi menziarahi pusara arwah Abdullah Bin Kayan dan umi mengakui kesilapannya memisahkan Haiqal dengan ayah kandungnya. Umi sedar bahawa darah ayahnya turut mengalir dalam tubuh Haiqal.

**Sebab menarik minat :**

Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana nilai sedia memaafkan perlu ada dalam diri setiap insan.

**Peristiwa peleraian :** Peristiwa Haiqal menghantar pesanan ringkas kepada Ong See Hwa untuk memberitahu bahawa dia akan mencari jejak Abdullah bin Kayan dan jika Ong See Hwa benar-benar Ai Ling, Haiqal juga akan menjekakinya. Ketika itu, Haiqal telah melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di Sarawak.

**Sebab menarik minat :** Peristiwa ini menarik minat pembaca untuk membuat andaian tentang hubungan dan perasaan sebenar antara Haiqal dan Ong See Hwa selama ini.

\* Jawapan lain yang relevan diterima.

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[30 MARKAH]**

**SOALAN 9 : RUMUSAN**

**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan potensi dan kekangan sektor pertanian di negara kita.

**Isi**

**Bahan 1 – Petikan : Fokus 1 (Potensi sektor pertanian)**

F1(1) : Antara potensi sektor pertanian di negara kita ialah sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk.

F1(2) : Selain itu, sektor ini juga membantu meningkatkan pendapatan dan ekonomi negara kita.

**Bahan 1 – Petikan : Fokus 2 (Kekangan sektor pertanian)**

F2(1) : Kekangan yang dihadapi sektor pertanian negara ialah kekurangan tenaga kerja mahir dan separa mahir

F2(2) : Di samping itu, golongan muda tidak berminat untuk mempelajari dan menceburti bidang pertanian.

F2(3) : Seterusnya, mereka lebih mementingkan keselesaan dan berminat untuk makan gaji.

F2(4) : Selanjutnya, usia petani yang semakin lanjut

**Bahan 2 – Pantun : Fokus 1 (Potensi sektor pertanian)**

F1(1) : Potensi sektor pertanian yang seterusnya adalah seperti memperoleh hasil yang lumayan

F1(2) : Tidak dinafikan juga, industri ini mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu dalam meningkatkan kemajuan sektor pertanian agar ekonomi negara meningkat.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****SOALAN 1 : MORFOLOGI [ 8 markah ]**

Kata hubung gabungan	Kata hubung pancangan
i. dan	i. yang
ii. atau	ii. untuk
	iii. lantaran

**SOALAN 2 : SINTAKSIS [ 6 markah ]**

Ayat	Pola Ayat Dasar
Banyak pihak tidak menyedari potensi industri desa	FN+FK
pembangunan industri desa sangat penting	FN+FA
pihak bertanggungjawab harus ke kawasan luar bandar	FN+FS

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN [ 11 markah ]**

1. merayakan – meraikan
2. Anti rasuah – Antirasuah
3. di mana – di manakah
4. intipan – kajian
5. melonjakkan – melonjak
6. Mesti kita membantu – Kita mesti membantu
7. memberi – memberikan
8. mengsyaki – mengesyaki
9. lalu – dan
10. perihatin - prihatin
11. seliaan – kawalan

#### **SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Standard</b>
Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu.	Setelah siang, para pembesar itu datang menghadap raja untuk memberitahu kejadian kecurian pada malam tadi.
Maka baginda pun hairan serta bertitah pada temenggung, “Hai Temenggung, tiidakkah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”	Baginda berasa hairan dan bertanya kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, kamu tidak menyuruh orang menjalankan tugas berkawal pada malam tadi?”
Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan perajurit itu.”	Temenggung berseambah dan berkata, “Daulat tuanku Syah Alam, patik ada menyuruh orang melakukan kawalan pada malam tadi tetapi tidak seorang pun dalam kalangan mereka berjumpa dengan pencuri ini. Patik berasa hairan akan pencuri itu.”

#### **SOALAN 5 : PERIBAHASA**

<b>Peribahasa</b>	<b>Peribahasa sama maksud</b>
menahan lukah di pergantingan	menangguk di air keruh
lupa daratan	lupa diri
sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	bersatu kita teguh, bercerai kita roboh

#### **SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

<b>No</b>	<b>Cadangan Jawaban</b>	<b>Markah</b>
<b>i</b>	<p>Maksud <i>input-input penting – sumber/maklumat / utama/berguna.</i></p> <p>Sumber utama/berguna [2m]            Input-input berguna [1m]            Perkara utama [0m]</p>	2
<b>ii</b>	<p>Isu dalam kedua-dua bahan ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Internet dapat dimanfaatkan sebagai platform untuk mengembangkan idea baharu</li> <li>- memulakan perniagaan dan memajukan perniagaan sedia ada</li> </ul>	3

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Internet membolehkan pencipta inovasi dan industri perniagaan</li> <li>- dari rumah memulakan perniagaan dalam talian tanpa melibatkan kos yang tinggi.</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea bisnes dapat dijelmakan dalam pelbagai bentuk dan keadaan tanpa mengira masa dan tempat.</li> <li>- Berfikir ketika memandu kenderaan adalah keadaan yang paling baik untuk mendapatkan idea bisnes</li> <li>- Paparan iklan luar di jalan raya dapat melahirkan idea untuk ditiru.</li> <li>- Mendengar ceramah oleh ahli perniagaan lain turut memberikan idea secara tidak langsung.</li> <li>- Menonton filem juga dapat mengilhamkan idea baharu yang berasas dan kreatif.</li> </ul>	
iii	<p>Cabaran atau rintangan yang dihadapi oleh golongan usahawan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- kawan dan anggota keluarga sendiri cabaran atau rintangan yang dihadapi oleh golongan</li> <li>- mereka menghadapi saingan sengit daripada usahawan-usahawan lain dalam bidang yang sama</li> <li>- mereka sukar mendapat sokongan daripada kawan</li> <li>- meletakkan seseorang usahawan dalam pelbagai risiko pada bila-bila masa</li> <li>- usahawan menghadapi kemungkinan produknya tidak laris di pasaran</li> <li>- produk yang baru dilancarkan kurang digemari oleh pelanggan sedia ada</li> </ul>	4
iv	<p>Tindakan-tindakan saya untuk memastikan permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan baik ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- saya akan mendekati kakak saya dan bertanya secara berhemah tentang rasional dia berbelanja secara dalam talian</li> <li>- saya akan memberikan pandangan secara rasional tentang kepentingan menyimpan wang untuk kegunaan pada masa hadapan</li> <li>- saya akan menasihati kakak agar menggunakan barang yang dibeli dalam talian tersebut terlebih dahulu sebelum membeli barang yang seterusnya untuk mengelakkan kerugian dan pembaziran</li> </ul>	4

## SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>menjamin keselamatan</i> ialah <i>menanggung kesejahteraan</i>	2
ii	<p>Isu yang diketengahkan dalam kedua-dua bahan tersebut.</p> <p><b>Bahan 1-</b> keadaan jaket kain kesayangan milik penulis.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Poketnya ada dua di sebelah kiri dan kanan.</li> <li>- Terdapat tali bermanik hitam yang membolehkan poket itu diperut.</li> <li>- Terdapat empat butang bulat berwarna perak dari atas hingga ke bawah jaket.</li> <li>- Rumah butangnya besar dan dijahit kemas.</li> <li>- Terdapat zip yang panjang yang membolehkan jaket itu dizip sampai ke pangkal leher.</li> <li>- Kolarinya tinggi dan lengannya boleh dilipat.</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b> -masalah yang dihadapi oleh Hakim</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaci-maki oleh orang kampung kerana kemasukan lori-lori ke reban ayamnya memburukkan lagi keadaan jalan yang tidak berturap.</li> <li>- Dikelilingi oleh hutang</li> <li>- Dieksplotasi oleh syarikat besar – Syarikat Raja</li> </ul>	3
	<p>Ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang untuk menjadi penguasa atau peniaga yang berjaya...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bidang perniagaan yang akan diceburi mereka.</li> <li>- Sesuatu usaha bergantung kepada peniaga kepada komitmen untuk mengatasi ancaman dan rintangan yang terpaksa dihadapi oleh mereka dalam perniagaan.</li> <li>- Seorang yang bertanggungjawab terhadap apa-apa yang berlaku.</li> <li>- Mempunyai kebijaksanaan dalam mencari peluang perniagaan baru dan meraih peluang.</li> <li>- Kreatif dan inovatif untuk memperoleh kelebihan persaingan dalam perniagaan mereka.</li> </ul>	3
	<p>Nasihat saya terhadap rakan saya agar melakukan amalan berjimat cermat dalam kehidupan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membeli barang-barang yang diperlukan sahaja.</li> <li>- Menyenaraikan barang-barang yang hendak dibeli.</li> <li>- Membawa bekal ke sekolah.</li> <li>- Menabung wang belanja yang diberi oleh ibu bapa.</li> <li>- Tidak terpengaruh dengan iklan barang berjenama/rakan yang gemar memberi barang mewah/berjenama</li> <li>- sentiasa merujuk orang yang pakar/berpengalaman/orang lebih tua dalam mengurus perbelanjaan</li> <li>- menetapkan hala tuju untuk menyimpan wang demi masa depan</li> </ul>	4

## **SOALAN : NOVEL**

i. Masalah yang dihadapi oleh bayi yang dibantu oleh Doktor Mohammad

- Bayi yang menghadapi kelahiran pramatang
- Bayi itu menghadapi kesukaran bernafas
- Bayi itu tidak diketahui tarikh konsepsi dengan pastinya
- Berat bayi tersebut kurang daripada 2.5 kg

(ii) Peristiwa yang dapat diteladani setelah membaca novel:

### **a. NOVEL DI SEBALIK DINARA**

- **Peristiwa** Azraai memasang alat keselamatan pada pintu rumah Farisha kerana risau akan keselamatan Farisha selepas berlaku kes pembunuhan di kawasan itu yang membabitkan mangsa yang sama pekerjaan dengan Farisha.

#### **Teladan :**

Tanggungjawab terhadap keselamatan ahli keluarga

Menyayangi ahli keluarga

- **Peristiwa** Karl yang merupakan saintis yang rajin serta banyak membuat kajian dan penyelidikan. Hal ini terbukti apabila Karl memenangi anugerah inovasi berkaitan ciptaan sainsnya.

#### **Teladan :**

bersikap rajin untuk mencapai kejayaan dalam hidup

Kreatif dalam menghasilkan ciptaan baharu

- **Peristiwa** Aqram yang bijak mengambil kesempatan semasa Farisha tertidur di dalam pesawat. Aqram telah mengambil bekas minuman Farisha secara curi-curi untuk menjalankan ujian DNA ke atas air liur Farisha untuk menentukan Farisha merupakan orang yang dicari.

#### **Teladan :**

Bijak dalam menyelesaikan tugas

- **Peristiwa** Farisha yang tabah menerima hakikat tentang identitinya yang sebenar sebagai anak angkat dalam keluarga Azraai serta kebenaran tentang ibu bapa kandungnya iaitu Karl dan Marilyn.

#### **Teladan :**

Tabah dalam menghadapi cabaran hidup

### **b. NOVEL SILIR DAKSINA**

- **Peristiwa** Tauke Lim bekerja kuat untuk mencari nafkah demi keluarga, iaitu pada waktu pagi dia menoreh getah dan pada waktu petang pula dia meraih hasil tani penduduk kampung untuk dijual di pekan.

#### **Teladan :**

Rajin mencari rezeki demi keluarga

- **Peristiwa** Haiqal yang mengambil keputusan untuk menjelaki bekas kehidupan ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan selepas dia membaca manuskrip yang diterimanya daripada Ong See Hwa.

**Teladan :**

Kasih sayang anak terhadap ayah kandung

- **Peristiwa** Cikgu Zam yang telah mengajar Ai Ling mendeklamasikan sajak. Cikgu Zam meminta Ai Ling bersama-sama kakaknya ke rumah Cikgu Zam setiap petang untuk berlatih cara mendeklamasikan sajak. Ai Ling telah memenangi pertandingan deklamasi sajak di sekolahnya.

**Teladan :**

Kegigihan dalam berlatih demi kejayaan

- **Peristiwa** keberanian Haiqal bertanya kepada umi tentang rancangannya ke Johor. Pada mulanya, uminya mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan memberikan wang kepadanya, namun begitu Haiqal tidak membatalkan keputusannya. Sebaliknya dia meneruskan rancangannya untuk pergi ke Johor.

**Teladan :**

Berani dalam mengambil keputusan dan tindakan / Tetap pendirian

- **Peristiwa** Tauke Lim menjaga amanah yang ditinggalkan oleh Abdullah Kayan dan menyerahkan segala harta tersebut kepada Haqial seperti buku akaun bank dan segala urusan ladang kelapa sawit.

**Teladan :**

Bertanggungjawab atas tugas yang telah diamanahkan

## SOALAN 8: RUMUSAN

P	JAWAPAN	M
	Rumusan membincangkan (FOKUS1) kebaikan-kebaikan/kepentingan-kepentingan/kelebihan-kelebihan/faedah-faedah ekonomi digital dan (FOKUS 2) risiko ekonomi digital.	2

### FOKUS 1 (Manfaat-manfaat ekonomi digital)

ISI	JAWAPAN	M
S1	Enjin pertumbuhan baharu ekonomi Malaysia	2
S2	Dapat menjana pendapatan tambahan kepada mana-mana pihak	2
S3	Urusan jual beli menjadi amat mudah	2
S4	Dapat menjimatkan masa para pembeli	2
S5	Memudahkan urusan perniagaan pada skala yang lebih besar	2
S6	Pembelian barang dari mana-mana negara di dunia tanpa perlu berada di negara tersebut	2
S7	Ekonomi digital menyerlahkan lagi gaya baharu dalam kehidupan generasi muda	2
S8	sebanyak 60 000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan buat rakyat Malaysia	2
S9	KDNK Malaysia melalui PKS pada masa hadapan boleh ditingkatkan kepada 80 peratus	2
S1 0	Ekonomi digital berjaya menjadi pemangkin perniagaan bagi usahawan luar bandar	2

### FOKUS 2 (RISIKO)

ISI	JAWAPAN	M
1	Penjual terdedah kepada masalah penipuan akaun bank dan nombor telefon.	2
2	Pembeli terdedah kepada penipuan/barangan yang dijual kurang berkualiti/ penipuan bayaran.	2
3	Identiti pembeli terdedah.	

## KESIMPULAN

K	JAWAPAN	M
	Kesimpulannya, Semua pihak hendaklah memanfaatkan ekonomi digital agar ekonomi negara berkembang seiring dengan negara maju.	2
	Kesimpulannya, Semua pihak hendaklah memanfaatkan ekonomi digital	1
	Kesimpulannya, <u>kita</u> hendaklah memanfaatkan ekonomi digital agar ekonomi negara berkembang seiring dengan negara maju.	0

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**

### **BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

#### **SOALAN 1 - MORFOLOGI**

<b>Kata majmuk</b>	<b>Kata tunggal</b>
kerjasama	negara
hak cipta	sejarah
tanggungjawab	institusi
	penting
	pihak
	arus
	masa
	bahan
	maklumat
	fakta
	cara
	Konsep

Contoh ayat :

*Kata majmuk:*

1. Malaysia bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan negara-negara jiran bagi memastikan ekonomi negara terus mampan.
2. Hak cipta sesuatu produk perlu diwartakan agar tidak merugikan banyak pihak yang mengusahakannya.
3. Tanggungjawab dalam mendidik anak-anak tidak seharusnya dipandang ringan kerana pembentukan akhlak yang baik bermula dari rumah.

*Kata tunggal:*

1. Rakyat seharusnya mempunyai jati diri yang tinggi agar negara dapat dipertahankan daripada ancaman musuh.
2. Sejarah perlu dipelajari agar mampu menerbitkan rasa cinta kepada negara terutama dalam kalangan generasi muda.
3. Pelbagai institusi terutama di bawah naungan pihak kerajaan telah bekerjasama dalam menjayakan kempen kesedaran tentang gejala rasuah dalam kalangan kakitangan awam.

[6 markah]

## SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, tukarkan **ayat terbitan** yang bergaris kepada **ayat tunggal** yang lengkap.

Ayat Terbitan	Ayat tunggal	Catatan
Sejarah geologi, arkeologi dan sejarah manusia moden ialah sebahagian daripada warisan ketamadunan bangsa Malaysia	Sejarah geologi ialah sebahagian daripada warisan ketamadunan bangsa Malaysia  Arkeologi moden ialah sebahagian daripada warisan ketamadunan bangsa Malaysia  Sejarah manusia moden ialah sebahagian daripada warisan ketamadunan bangsa Malaysia	<b>Pengguguran frasa predikat</b>
Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau persendirian	Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah kerajaan Persekutuan.  Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah kerajaan negeri.  Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah persendirian	<b>Pengguguran frasa subjek</b>

[6 markah]

## SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

### Petikan 1

1. penempatan - petempatan
2. Perjumpaan - penemuan
3. banyak orang-orang – banyak orang / orang-orang
4. perang larut - Perang Larut
5. terhasil - tercetus
6. pelombongan - perlombongan

[6 markah]

### Petikan 2

1. traditional – tradisional
2. ke 19 – ke-19
3. Berapa – Beberapa
4. berpatah-alik – berulang-alik
5. dia – beliau

[5 markah]

#### SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Bahasa Klasik	Bahasa Standard
Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari.	Tidak lama kemudian, Laksamana datang dengan membawa alat sulit dan keris Kertala Sari.
Maka sembah Bendahara, “Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh.	Oleh itu, Bendahara memohon sembah, “Ini, tuanku, bukti yang paling tepat/benar.
Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu.	Pada pendapat patik, jika selain Laksamana, tidak ada yang akan dapat membunuh askar/pencuri itu.
Janganlah membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.”	Jangankan membunuhnya, menatap matanya pun tidak mampu”.
Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.	Mereka semua tunduk malu lalu beredar.

[6 markah]

#### SOALAN 5 : PERIBAHASA

1. Seperti cendawan tumbuh selepas hujan
2. tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain
3. tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan

[6 markah]

#### BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

35 MARKAH

#### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Rangkai kata <i>menyemarakkan perkembangan</i> bermaksud... - membangkitkan/meningkatkan pertumbuhan/kemajuan	2
ii	Berdasarkan <b>Bahan 1</b> dan <b>Bahan 2</b> , persamaan dan perbezaan antara seni kraf telepuk dengan batik ialah... - Persamaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Kedua-dua karya seni ini merupakan karya seni yang unik dalam bidang tekstil.</li> </ul> - Perbezaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>o Telepuk merupakan seni tekstil yang menghias kain dengan serbuk berwarna emas manakala batik ialah satu seni tekstil yang menggunakan terapan lilin cair dan mencelup warna.</li> <li>o Kain yang digunakan untuk ditelepuk ialah kain jenis halus dan padat tenunannya manakala batik menggunakan kain benang kapas berwarna putih.</li> </ul>	3

	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bentuk motif telepuk ialah motif bunga manakala batik ialah motif organik dan geometri.</li> </ul>	
iii	<p>Pada pendapat saya, kepentingan memartabatkan industri kraf tangan tempatan ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ supaya seni kraf tangan tempatan mampu bersaing dalam pasaran</li> <li>○ dapat menjana pendapatan kepada pengusaha kraftangan tempatan</li> <li>○ supaya seni kraf tangan tempatan tidak hilang ditelan zaman</li> <li>○ generasi akan datang dapat mengetahui seni kraf tangan tempatan yang diwarisi turun-temurun</li> <li>○ memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat</li> <li>○ membentuk masyarakat yang kreatif, inovatif serta mempunyai semangat daya yang tinggi.</li> </ul>	3
iv	<p>Jika saya dilantik sebagai pengurus karnival tersebut, langkah-langkah yang boleh diambil untuk menarik orang ramai datang ke karnival yang dianjurkan ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyediakan kelas seni kraf tangan tempatan secara percuma semasa karnival agar dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk mencuba dan mempelajari seni kraf tangan tempatan secara percuma.</li> <li>○ Menyediakan hadiah cabutan bertuah bagi pengunjung yang bertuah untuk menarik lebih ramai pengunjung datang ke karnival.</li> <li>○ Memberikan cenderahati sebagai menghargai penyertaan orang ramai yang hadir ke karnival tersebut.</li> <li>○ Menyediakan tapak karnival yang selesa dan lengkap dengan kemudahan seperti tandas, tempat berehat dan gerai makanan.</li> </ul>	4

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Berdasarkan <b>Bahan 2</b> , rangkai kata <i>mekar kembali</i> bermaksud... - Maksud <i>mekar kembali</i> ialah dihidupkan semula.	2
ii	Berdasarkan <b>semua bahan</b> , mengapakah khazanah warisan bangsa wajar dipertahankan oleh setiap lapisan masyarakat? - menunjukkan identiti bangsa yang mempunyai jati diri. - boleh disaksikan oleh generasi muda. - sebagai citra ( gambaran ) sesuatu bangsa.	3
iii	Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabarannya dalam usaha menyemai minat generasi muda terhadap warisan bangsa?	4

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Teknologi terkini yang lebih menghiburkan dengan memperkenalkan media sosial dan permainan atas talian yang lebih disukai oleh generasi muda.</li> <li>- Kebanyakan pengamal warisan tradisional merupakan golongan veteran dengan tenaga pengajar yang terbatas dan adakalanya tidak sempat menurunkan ilmu kepada generasi muda.</li> <li>- Promosi terhadap warisan seni budaya kurang mendapat sambutan hingga terpaksa bersaing dengan konsert atau promosi budaya luar yang lebih disukai golongan muda.</li> <li>- Kurangan galakan daripada pihak ibu bapa</li> <li>- Tiada pendedahan tentang budaya oleh ibu bapa, pihak sekolah atau kerajaan.</li> </ul>	
iv	<p>Sebagai seorang rakan, langkah-langkah yang boleh saya lakukan untuk membantu rakan anda menguasai rentak tarian zapin tersebut ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengajaknya menyertai kursus jangka pendek berkaitan tarian zapin agar sama-sama mengasah bakat dan belajar menari zapin daripada tenaga pengajar yang pakar.'</li> <li>- membawanya menghadiri festival atau karnival kebudayaan bagi menambahkan pengetahuan tentang warisan budaya Malaysia terutama tarian tradisional.</li> <li>- mengajaknya menyertai pertandingan atau membuat persembahan tarian zapin agar memberikan pengalaman sebenar menari tarian zapin secara langsung di hadapan khayalak.</li> <li>- mengajaknya melawat muzium untuk mengetahui tentang sejarah warisan bangsa terutama berkaitan dengan tarian tradisional.</li> <li>- Mengajaknya menjadi ahli persatuan tarian tradisional</li> </ul>	4

## SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Berdasarkan petikan, Azraai memasang *retinal scanner* pada pintu rumah Farisha kerana...
- Farisha ialah adiknya
  - Azraai sayang akan adiknya Farisha
  - Untuk menjaga keselamatan adiknya
  - Terdapat kes pembunuhan berhampiran dengan rumah Farisha

[4 markah]

(ii). Peristiwa-peristiwa dalam novel yang memberi keinsafan kepada pembaca:

### **DI SEBALIK DINARA**

- **Peristiwa** Farisha ditanam dengan implan dan dimasukkan pelbagai jenis ubat oleh ayah kandungnya, Karl tanpa diberi ubat bius supaya Farisha menjadi anak yang genius.
- **Peristiwa** Marilyn sanggup membunuh anaknya Farisha kerana tidak mahu melihat anaknya menderita oleh kegilaan Karl itu.
  - Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana ibu bapa sepatutnya menjaga, menyayangi serta melindungi anak dan bukannya menganiaya anak untuk kepentingan sendiri.
- **Peristiwa** pertemuan antara Farisha dengan ayah kandungnya, Karl yang semakin tenat di rumah agam. Walaupun Farisha telah dianiaya semasa kecil oleh ayahnya, tetapi Farisha tetap memaafkan Karl.
  - Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca supaya kita sedia memaafkan kesalahan orang lain.
- **Peristiwa** Karl yang taksub dengan teknologi sains sehingga sanggup mensahbotaj Medina dengan melakukan uji kaji dan memasukan minda seorang banduan ke dalam pemikiran Medina hingga menyebabkan Medina menjadi separuh gila.
  - Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana ketaksuban yang mengabaikan sifat kemanusiaan akhirnya akan mendatangkan dendam dan kerugian kepada diri sendiri.

[6 markah]

### **SILIR DAKSINA**

- Peristiwa Abdullah Kayan menumpahkan sepenuh kasih sayang terhadap See Hwa dan menulis manuskrip untuk mencerahkan perasaan rindu terhadap anaknya, Haiqal. Abdullah Kayan menumpangkan See Hwa ke sekolah. Apabila melihat See Hwa, dia terbayang-bayang akan anaknya, Haiqal segak berpakaian sekolah. Abdullah Kayan tidak dapat menemui anaknya itu sehingga dia meninggal dunia.
  - Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca tentang perasaan sebenar seorang ayah yang terlalu merindui anak-anaknya.
- Peristiwa Tauke Ong dan Ai Ling yang membantu Haiqal ketika dia berada di Johor. Haiqal banyak mengetahui berkenaan bapanya melalui Tauke Ong dan Ai Ling. Ai Ling mengakui bahawa hubungannya dengan Abdullah bin Kayan amat rapat tetapi dia tidak layak untuk menggantikan tempat Haiqal Haqimi sebagai anak kandung. Haiqal Haqimi mengucapkan terima kasih kepada Ai Ling kerana telah membahagikan ayahnya hingga ke akhir hayat.
  - Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa membantu orang lain yang berada dalam kesusahan.
- Peristiwa Abdullah bin Kayan bijak mengenal potensi yang ada dalam diri See Hwa. Abdullah bin Kayan telah mengajar See Hwa cara mendeklamasi puisi yang betul.

Cikgu Zam/Abdullah bin Kayan meminta See Hwa datang ke rumahnya bersama-sama kakaknya untuk belajar cara mendeklamasikan puisi. See Hwa telah memenangi pertandingan mendeklamasi puisi di sekolahnya.

- Peristiwa ini memberikan kesadaran kepada pembaca bahawa setiap orang mempunyai potensi yang boleh diketengahkan.

[6 markah]

## **BAHAGIAN C : RUMUSAN** [ 30 Markah ]

### **SOALAN 9 : RUMUSAN**

#### **Pendahuluan : 2m**

Rumusan membincangkan (FOKUS 1) usaha/cara/langkah dan (FOKUS 2) kepentingan/faedah/manfaat mengekalkan warisan budaya.

**Isi : 8 isi x 2m = 16 m**

#### **Bahan 1 – Petikan**

##### **Isi Fokus 1 : Usaha/ Cara/ Langkah mengekalkan warisan budaya**

1. Media massa juga perlu memperkenalkan warisan seni budaya setiap bangsa dari semasa ke semasa.
2. Warisan seni budaya setiap bangsa perlu diasimilasikan dengan teknologi maklumat.

##### **Isi Fokus 2 : Kepentingan/ faedah/ manfaat mengekalkan warisan budaya**

1. Melambangkan identiti bangsa di sesebuah negara.
2. Keunikan yang dimiliki oleh satu-satu bangsa jelas terpancar dan dapat dikenal pasti dengan jelasnya.
3. Mencerminkan corak hidup setiap bangsa yang berbeza antara satu dengan lain.
4. Dapat menarik minat bangsa lain untuk menghayati dan mendalaminya.
5. Menjadi pemangkin kemajuan industri pelancongan sehingga mendorong pelancong luar negara untuk melawat ke negara kita.

#### **Bahan 2 – Grafik**

##### **Isi Fokus 1 : Usaha/ Cara/ Langkah mengekalkan warisan budaya**

1. Generasi muda haruslah mengenali asal-usul sendiri.
2. Mengadakan kempen, ceramah, wawancara serta pameran untuk menghidupkan warisan budaya.
3. Pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan berbalas pantun dan tarian tradisional untuk mengembangkan budaya ini.
4. Menggalakkan pameran artifak atau sejarah kebudayaan warisan pelbagai kaum di Malaysia.
5. Media massa tempatan perlu sentiasa menyiar tayangan yang berkaitan dengan budaya kita dengan lebih kerap dan meluas.

#### **Kesimpulan: 2m**

Kesimpulannya, semua/pelbagai pihak haruslah berusaha mempertahankan warisan budaya agar terus diwarisi oleh generasi akan datang. 2m

Kesimpulannya semua pihak haruslah berusaha mempertahankan warisan budaya. 1m

Kesimpulannya, kita haruslah berusaha mempertahankan warisan budaya agar terus diwarisi oleh generasi akan datang. 0m

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: SUKAN DAN REKREASI****BAHAGIAN A : SISTEM BAHASA DAN APLIKASI BAHASA****[ 35 MARKAH ]****SOALAN 1: MORFOLOGI**

<b>Kata terbitan awalan ( pilih jawapan)</b>	<b>Bina ayat</b>
i. menjadi	
ii. membina	
iii. mengambil	
<b>Kata terbitan apitan( pilih jawapan)</b>	<b>Bina ayat</b>
i. melahirkan	
ii. memainkan	
iii. diselamatkan	
iv. mengekalkan	
v. menganjurkan	
vi. diselaraskan	

(8 Markah)

**SOALAN 2: SINTAKSIS**

	<b>Ayat susunan biasa</b>	<b>Ayat bersusunan songsang</b>
1	Zaman remaja bukanlah masa untuk berseronok semata-mata	Bukanlah masa untuk berseronok semata-mata zaman remaja
2	Zaman remaja mestilah diisi dengan usaha menimba ilmu pengetahuan.	Mestilah diisi dengan usaha menimba ilmu pengetahuan zaman remaja.
3	Jiwa yang kosong tidak ada rawatan kecuali dengan mendekatkan diri kepada Tuhan.	Kecuali dengan mendekatkan diri kepada Tuhan jiwa yang kosong tidak ada rawatan

(6 markah)

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
bena	bina
hidup	kehidupan
tomografi	Topografi
Pertimbangkan	Pertimbangan
turun temurun	turun-temurun
dipengaruhi	Mempengaruhi

(6 markah)

<b>Salah</b>	<b>Betul</b>
Taraf	Tahap
dapat	boleh
apabila	kerana
tikus gigit	digigit oleh tikus
terbuka	terdedah

(5 markah)

#### SOALAN 4 : BAHASA STANDARD

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Standard</b>
Setelah itu, maka Inderaputra melihat laku yang demikian itu	Setelah itu, Inderaputra melihat perkara yang berlaku itu.
Maka tuan puteri pun membukakan pakaianya lalu bergosokkan bedak dan langir.	Tuan puteri membukakan pakaianya lalu menyapu bedak dan langir.
Maka segala bidadari pun bergosokkan juga seraya turun berenang mandi bersebur-semburan.	Semua bidadari turut menyapu bedak dan langir kemudian turun berenang dan mandi sambil sembur-menyembur.
Hatta maka segala kelakuan puteri itu pun habislah dilihat oleh Inderaputra dan bidadari pun selam-menyelam ketujuhnya itu sambil berpantun dan berseloka.	Segala kelakuan puteri itu diperhatikan oleh Inderaputra dan semua tujuh orang bidadari mandi-manda sambil berpantun dan berseloka

(4 markah)

#### SOALAN 5 : PERIBAHASA

<b>Peribahasa (Pilih 2 sahaja)</b>	<b>Ayat</b>
Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis	Setiap sen yang kita miliki hendaklah dibelanjakan dengan berhati-hati untuk perkara-perkara yang berfaedah sahaja kerana <i>ingat sebelum kena, jimat sementara belum habis</i> .
Sediakan payung sebelum hujan	Puan Alia menasihati anak-anaknya supaya berjimat-cermat dan menyimpan wang untuk kegunaan pada masa hadapan, seperti kata bidalan <i>sediakan payung sebelum hujan</i> .
Melentur buluh biarlah daripada rebungnya	Anak-anak perlu diajar untuk tidak membuang sampah merata-rata tempat sejak kecil lagi kerana <i>melentur buluh biarlah dari rebungnya</i> .

(6 markah)

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[ 35 MARKAH ]**

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

i.	Berdasarkan <b>Bahan 1</b> , berikan maksud penyatuan masyarakat - perpaduan rakyat/ummah.	2 markah
ii.	Merujuk <b>Bahan 1</b> dan <b>Bahan 2</b> , apakah perbezaan manfaat bersukan Bahan 1 - Menyatukan rakyat - menghapuskan tembok politik perkauman dan agama. Bahan 2 - melahirkan masyarakat yang sihat - boleh mendisiplinkan diri - menggunakan masa lapang secara bermanfaat	3 markah
iii.	Usaha yang boleh diambil - Menyediakan kemudahan untuk masyarakat bersukan - Iklan-iklan kebaikan bersukan - Bantuan membeli peralatan sukan - Potongan cukai kepada setiap pembelian alatan sukan  Jawaban lain yang sesuai diterima	3 markah
iv.	Sebagai guru yang prihatin, cara saya untuk membantu menyelesaikan masalah ini termasuklah... - Motivasi kepada ibu bapa - Memberi contoh atlet yang berjaya dan berjaya dalam akademik - Memberi ganjaran kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berjaya mengharumkan nama baik negara dalam didang sukan. - Beritahu kepentingan aktiviti sukan dan kurikulum - Sediakan kelengkapan untuk melakukan aktiviti kurikulum agar ibu bapa tidak terbebani  Jawaban lain yang sesuai diterima	4 markah

**Soalan 7: Petikan Sastera**

i. Maksud <i>piala remaja</i> ialah <i>kehidupan anak/generasi muda</i>	2 markah
ii. Sifat-sifat remaja sesetengah remaja masa kini :	3 markah
<p>Bahan 1            Remaja yang mengisi masa mereka sama ada dengan perkara-perkara yang melalaikan seperti mengejar cinta atau perkara yang dituntut iaitu menuntut ilmu</p> <p>Bahan 2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Remaja sudah tidak takut akan Tuhan</li> <li>- Remaja tidak menghormati apa-apa dan siapa-siapa sahaja</li> </ul>	
(iii) Pada pendapat saya, aktiviti yang boleh dilakukan oleh remaja untuk mengisi masa	4 markah
<p>Lapang ialah ...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkunjung ke perpustakaan untuk mengulang kaji atau membaca buku</li> <li>- Menyertai kem-kem motivasi</li> <li>- Menyertai latihan kemahiran yang dianjurkan oleh mana-mana pihak</li> <li>- Mengadakan kerja khidmat masyarakat di kawasan tempat tinggal</li> <li>- Melakukan kerja sambilan bagi menambah pendapatan sendiri</li> <li>- Meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dengan mengikuti kelas tuisyen</li> <li>- Melakukan hobi/aktiviti yang digemari</li> </ul>	
(iv) Usaha-usaha saya untuk menyelesaikan masalah di sekolah tersebut ...	4 markah
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menasihati rakan guru untuk menggalakkan murid mengamalkan budaya memberi salam kepada guru dan rakan</li> <li>- guru menyambut murid dengan senyuman dan menghulurkan salam</li> <li>- memberikan Anugerah Murid Contoh kepada murid yang memiliki sahsiah terpuji setiap bulan</li> <li>- mengadakan kem/ceramah untuk membina akhlak murid</li> <li>- Sentiasa mendekati murid yang bermasalah supaya dapat membantu mengubah sikap murid</li> <li>- Memohon bantuan guru kaunseling</li> </ul>	

### **SOALAN 8: NOVEL [10 MARKAH]**

(i) Keadaan Farisha seperti yang digambarkan oleh Shida...

- Kelakuan Farisha yang agak aneh ketika mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya.
- Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa.
- Dia hanya duduk diam di dalam kereta.
- Shida tidak tahu sama ada dia jaga atau terlena kerana dia mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar, sesuatu yang jarang dilakukannya.
- Bibirnya kelihatan pucat tetapi Shida tidak berani hendak menegur.

[4 markah]

(ii). Dua peristiwa yang tidak wajar dicontohi.

#### **DI SEBALIK DINARA**

- **Peristiwa Karl** yang menjadikan anak kandungnya, Farisha sebagai bahan uji kaji dengan memasukkan pelbagai implan dan suntikan pada badan Farisha bagi menjadikannya genius demi meneruskan kepandaian Karl dalam sains.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan seorang ayah yang mempergunakan anak kandung demi kepentingan sendiri.
- Peristiwa Dr Maxi tetap ingin meneruskan uji kaji terhadap Shida walaupun keadaan Shida semakin teruk dan kemungkinan otaknya akan rosak sekiranya ingatan tidak dipadamkan. Dr. Maxi tidak mengendahkan nasihat Aqram untuk memadam ingatan Shida walaupun sedar akan kesan yang menimpa Shida.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan tidak berperikemanusian akan menghancurkan masa depan seseorang.
- Peristiwa Medina yang sanggup mengupah Farid dan Amin untuk menculik Farisha untuk berjumpa dengannya dan menyatakan dia amat menyayanginya. Namun, tujuan sebenar Medina adalah untuk membala dendamnya pada Karl.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seseorang sanggup **melakukan kesalahan jenayah untuk mencapai matlamat yang diinginkan**.
- Peristiwa Farisha terpaksa diserahkan kepada keluarga angkat disebabkan pertelingkahan antara kedua ibu bapanya iaitu Karl dan Medina untuk menjadi seorang saintis yang paling terkemuka sehinggaakan membahayakan nyawa Farisha. Medina hampir membunuh Farisha kerana tidak sanggup melihat Farisha diseksa oleh Karl.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana anak menjadi mangsa perpisahan ibu bapa.

## **SILIR DAKSINA**

- Peristiwa umi tidak membenarkan Haiqal pergi ke kampung arwah ayahnya di Batu Pahat malahan uminya mengugut bahawa dia tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal jika Haiqal ke Batu Pahat.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sikap seorang ibu yang memutuskan hubungan seorang anak dengan ayahnya.
- Peristiwa Haiqal bertengkar dengan uminya apabila uminya tidak membenarkan dia ke kampung arwah ayahnya.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana tindakan menderhaka terhadap ibu ialah dosa besar.
- Peristiwa ketika Haiqal, Pak Cik Bakar dan beberapa orang kampung berlatih tarian zapin di balai raya, tiada anak muda yang menyaksikan latihan itu. Mereka lebih gemar bersidai di tepi jalan atau duduk di atas motosikal.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seni budaya yang menjadi warisan bangsa akan pupus dan dilupakan.
- Peristiwa Cikgu Amirulnizam merahsiakan penyakit yang dihidapinya daripada semua orang termasuk orang yang rapat dengannya seperti Tauke Lim, Ai Ling dan Pak Cik Bakar.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana akan mengecewakan banyak pihak dan menyebabkan mereka berasa menyesal kerana tidak melakukan sesuatu untuk menyelamatkan orang yang disayangi.
- Peristiwa Tauke Ong yang terpaksa merantau dari Ipoh ke Batu Pahat, Johor kerana semua tanah mendiang bapanya habis digadaikan oleh abangnya kerana hutang kepada ‘tai long’. Abangnya suka bermain judi.
  - Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana budaya berjudi meninggalkan banyak kesan negatif bukan sahaja kepada diri malah keluarga turut menghadapi masalah.

( 6 markah)

## **Bahagian C : Rumusan**

**[30 Markah]**

### **Pendahuluan**

Rumusan membincangkan (FOKUS 1) langkah meningkatkan aktiviti rekreasi dan 2m (FOKUS 2) kebaikan berekreasi.

### **Fokus 1 : Langkah meningkatkan aktiviti rekreasi**

#### **Bahan 1**

- kerajaan membina lebih banyak infrastruktur seperti pusat sukan tertutup dan taman rekreasi 2m
- Ibu bapa boleh mengajak anak-anak untuk melakukan aktiviti riadah pada hujung minggu atau cuti umum 2m

#### **Bahan 2**

- Ibu bapa mengajak anak-anak beriadah seperti berkelah di tepi pantai dan 2m

- ke taman rekreasi
- Pihak sekolah boleh memasukkan aktiviti riadah dalam program perkhemahan pelajar. 2m
  - Media massa memaparkan kebaikan aktiviti riadah. 2m
  - Kementerian Kesihatan mengeluarkan risalah tentang kebaikan aktiviti riadah. 2m

**Fokus 2 : Kebaikan berekreasi**

- Terapi fizikal semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda. 2m
- Mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka 2m
- Mendidik remaja untuk lebih terbuka dari segi minda dan pergaulan 2m
- Menyihatkan badan dan mengelakkan daripada penyakit berbahaya. 2m
- Menjauhkan diri daripada gejala sosial yang tidak sihat. 2m
- Membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan 2m
- Mendedahkan remaja kepada aspek kerohanian 2m
- Membantu perkembangan psikologi remaja 2m

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama menggalakkan aktiviti berekreasi dalam kalangan remaja agar generasi remaja yang sihat dapat dilahirkan 2m

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA : PENDIDIKAN**
**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**  
**[35 MARKAH]**
**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Kata Nama Terbitan	Kata Kerja Terbitan
- kerajaan - pemain - pelancongan	- diperlukan - memberikan - meningkatkan - memikul - membantu

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Menukar ayat tunggal kepada ayat majmuk

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
Peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa. Peningkatan influenza dikesan menerusi pola aktiviti influenza.	Peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa <b>dan</b> pola aktiviti influenza.
Analisis ini melibatkan pesakit influenza. Analisis ini dikesan di seluruh dunia.	Analisis <b>yang</b> melibatkan pesakit influenza ini dikesan di seluruh dunia.
Laporan pengawasan influenza dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan. Laporan pengawasan influenza dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan.	Laporan pengawasan influenza dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan <b>dan</b> Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN****Petikan 1**

	SALAH	BETUL
1	mengetatkan	mengeratkan
2	di dalam	Dalam
3	demi untuk	demi/untuk
4	sesama	Bersama
5	walaubagaimanapun	walau bagaimanapun
6	adalah	Ialah

## Petikan 2

	<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
<b>1</b>	akan kita mulakan	kita akan mulakan
<b>2</b>	bolasepak	bola sepak
<b>3</b>	semua kamu	kamu semua
<b>4</b>	mempastikan	memastikan
<b>5</b>	teguh	waja

## SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Berapa lamanya hatta hari pun malamlah.	Tidak beberapa lama selepas itu, malam pun tiba.
Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota.	Kertala Sari menyiapkan dirinya kemudian masuk ke kota.
Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya.	Dia masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya.
Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri.	Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan nasi bersama isterinya.
Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu.	Kertala Sari masuk ke dalam rumah dan makan bersama-sama saudagar itu.
Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itupun masuk tidur.	Saudagar itu masuk tidur setelah hari lewat malam.

## SOALAN 5 : PERIBAHASA

<b>Peribahasa</b>	<b>Peribahasa lain sama maksud</b>
i. Masuk telinga kanan keluar telinga kiri	Mencurah air ke daun keladi / mencurah garam ke laut
ii. Nasi sudah menjadi bubur	Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
iii. ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi	Bagaimana acuan begitulah kuihnya

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[ 35 markah ]

### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Rangkai kata <i>dengan berkesan bermaksud secara efektif.</i>	2
ii	Punca murid-murid lemah dalam akademik : <ul style="list-style-type: none"> <li>– tidak memberikan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran</li> <li>– tidak pernah membawa peralatan yang diperlukan untuk belajar</li> <li>– kehilangan bahan yang diberi terlebih awal</li> <li>– bagi pelajar golongan lemah pula, kedudukan secara berkumpulan dalam empat orang atau lebih, kebiasaannya akan mengundang masalah.</li> <li>– tidak mempunyai kesedaran tentang tujuan mereka hadir ke sekolah.</li> <li>– tidur sewaktu guru memberikan penerangan.</li> </ul>	3
iii	Langkah-langkah untuk menangani masalah kelemahan murid dalam akademik : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mengadakan kelas bimbingan</li> <li>• Kaunselor mengadakan program motivasi kepada murid</li> <li>• Pihak sekolah menganjurkan program khas meningkatkan prestasi</li> <li>• Persatuan ibu bapa menganjurkan program keibubapaan</li> <li>• Ibu bapa berbincang dengan guru dalam perjumpaan rasmi</li> </ul>	3
iv	Aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan untuk membantu rakan-rakan saya... <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan menghafal nota</li> <li>• Soal jawab lisan cara menjawab soalan</li> <li>• Belajar secara kumpulan kecil</li> <li>• belajar melalui set soalan dan jawapan contoh</li> <li>• menonton video pembelajaran bersama-sama</li> </ul>	4

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>menghanyutkan kenangan</i> ialah <i>membiarkan memori silam</i> .	2
ii	Persamaan punca-punca yang menyebabkan seseorang itu mengalami masalah tekanan emosi <ul style="list-style-type: none"> <li>– kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada orang yang dikasihi</li> <li>– orang yang dikasihi tidak menyapa atau menjenguk mereka</li> </ul>	3

	<ul style="list-style-type: none"> <li>– orang yang dikasih sibuk mengejar pangkat, harta dan wang sehingga mengabaikan mereka.</li> </ul>	
iii	<p>Pada pendapat saya, manfaat menjaga hubungan kasih sayang antara anggota keluarga ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– dapat mewujudkan suasana kekeluargaan yang harmoni</li> <li>– dapat melahirkan keluarga penyayang</li> <li>– masalah keruntuhan akhlak anak-anak dapat dielakkan</li> <li>– dapat memupuk budaya hormat-menghormati dalam kalangan anggota keluarga.</li> </ul>	4
iv	<p>Untuk menunjukkan keprihatinan saya, saya akan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– mendekati wanita tua itu lalu menyapanya secara sopan santun</li> <li>– saya akan mengajak wanita itu bercakap dan cuba memahami masalah yang dihadapinya.</li> <li>– Saya juga tidak akan menolak pemikiran dan perasaannya yang tidak realistik, sebaliknya berusaha untuk berkongsi pendapat dan perasaan saya bersama-sama dengan wanita tua itu.</li> <li>– saya akan menasihati wanita tua itu secara berhemah dengan memujuknya untuk berjumpa dengan ahli psikologi atau psikiatri.</li> </ul>	4

### SOALAN 8 : NOVEL

1. Persiapan yang dilakukan untuk melangsungkan majlis pelancaran Malam Sekampung Puisi.
  - Balai raya dicat baharu
  - Ruang-ruang pameran di dalam balai raya juga sudah disiapkan
  - Pelbagai buku sastera lama yang turut akan dipamerkan di situ
  - Puisi-puisi yang akan dibacakan pada malam itu juga akan turut dipaparkan di ruang khas
  - Gambar serta profil penulis karya sastera tersohor tanah air juga akan dipamerkan
2. Nilai tanggungjawab yang dapat diperoleh melalui novel tersebut.

### DI SEBALIK DINARA

- **Tanggungjawab dalam menjaga keselamatan ahli keluarga**
1. Peristiwa Azraai memasang keselamatan alat *retinal scanner* di rumah Farisha bagi memastikan keselamatannya daripada sekarang perkara yang tidak diingini. Apabila sampai di apartmen, Farisha mendapati kunci rumahnya telah diganti dengan sistem *retinal scanner* dan kad imbasnya tidak boleh digunakan lagi untuk membuka pintu rumah.

- **Tanggungjawab dalam menjaga amanah yang diberikan**
- 2. Peristiwa Azraai memegang amanah ibu bapa Farisha untuk memastikan semua mikroscip dalam tubuh Farisha terus kekal dan memastikan keselamatan Farisha sehingga Farisha diperlukan untuk berkhidmat di Syarikat Soft Lab.

  - **Tanggungjawab pekerja untuk mematuhi arahan ketua**
  - 3. Peristiwa Aqram yang bertanggungjawab sebagai pekerja dengan mematuhi arahan ketuanya, iaitu Dr. Maxi dan Karl. Aqram mula menjelaki Farisha dengan mengekorinya di Lapangan Terbang Senai sehingga mereka menaiki kapal terbang yang sama ke Kuala Lumpur.

    - **Tanggungjawab menjalankan penyelidikan sains dan teknologi**
    - 4. Karl, Marilyn/Medina, Dr. Maxi dan kakitangan Soft Lab bertanggungjawab menjalankan uji kaji dan penyelidikan. Akhirnya, Karl telah berjaya mencipta manusia prototaip iaitu Alia dan Aqram.

## **SILIR DAKSINA**

- **Tanggungjawab menguruskan dan menjaga aset sahabat**
- 1. Tauke Ong melaksanakan tanggungjawab dalam menguruskan dan menjaga aset Cikgu Abdullah Kayan sebelum diserahkan kepada anaknya. Tauke Ong memberitahu Haiqal bahawa dia telah diamanahkan oleh arwah ayah Haiqal untuk mengerjakan tanah-tanahnya yang ditanami kelapa sawit. Tauke Ong mahu menyerahkan hasil kutipan jualan kelapa sawit kepada Haiqal. Wang tersebut telah disimpan dalam buku simpanan bank yang dibuka atas nama Haiqal Hakimi.

  - **Tanggungjawab mengekalkan budaya tradisi**
  - 2. Abdullah bin Kayan / Amirulnizam / Cikgu Zam bertanggungjawab menghidupkan semula kumpulan D'Purnama dan mempopularkan kembali tarian zapin jincat dalam kalangan anak muda di kampungnya. Cikgu Zam telah berjaya mengharumkan nama Kampung Seri Purnama dengan kegiatan seni dan sastera melalui penubuhan Akademi Sastera Rakyat (Aksara).

    - **Tanggungjawab menjayakan sesuatu program**
    - 3. Penduduk Kampung Seri Purnama saling membantu bagi menjayakan sambutan hari kemerdekaan dan persembahan zapin D'Purnama pada malam tersebut di peringkat mukim dan dipilih untuk menjadi tuan rumah. Semua masyarakat kampung menjalankan tanggungjawab masing-masing; memasang balai, serata, sistem pembesar suara, persiapan tempat, persiapan pentas, dan jamuan.

## **BAHAGIAN C : RUMUSAN** **[30 markah]**

### **Pendahuluan**

Rumusan membincangkan peranan-peranan bahasa Melayu dan kelebihan-kelebihan penggunaan bahasa Melayu kepada masyarakat.

### **Bahan 1 : Petikan Umum**

#### *Fokus 1 : Peranan Bahasa Melayu*

1. Bahasa Melayu menjadi salah satu asas jati diri rakyat dan negara
2. Bahasa Melayu menjadi unsur perpaduan rakyat berbilang keturunan
3. Bahasa Melayu menjadi alat perhubungan yang menggerakkan jentera pentadbiran negara
4. Bahasa Melayu berperanan menjadi wasilah penyampaian ilmu kepada rakyat

#### *Fokus 2 : Kelebihan-kelebihan penggunaan bahasa Melayu*

5. Mengukuhkan dan memantapkan kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara.
6. Membawa kesan yang positif terhadap pembelajaran dan penguasaan pelajar.
7. Kelemahan pelajar, terutama di luar bandar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik akan dapat dibaiki.
8. Jurang perbezaan dari segi pencapaian antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar akan menjadi kecil.
9. Jurang sosioekonomi yang timbul daripadanya pada jangka masa panjang akan dapat disekat dan dirapatkan.
10. Memberikan kesan psikologi yang positif terhadap pelajar dan pengguna bahasa Melayu.
11. Lebih banyak ilmuwan, pakar, dan profesional dalam pelbagai bidang yang menguasai ilmu dalam bahasa Melayu dapat dilahirkan.
12. Menjadi pembina dan pemantap tamadun bangsa.
13. Memperkaya korpus dalam bahasa Melayu.

### **Bahan 2 : Grafik**

#### *Fokus 1 : Peranan Bahasa Melayu*

1. Menegakkan identiti dan jati diri rakyat Malaysia
2. Fungsinya sebagai bahasa perpaduan dalam negara berbilang kaum

### Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlu menyedari akan kepentingan bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu pengetahuan agar martabat bahasa Melayu tinggi di mata dunia.

## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA  
[ 35 MARKAH ]****SOALAN 1 : MORFOLOGI (kata kerja)**

- |                |                 |
|----------------|-----------------|
| 1. Merupakan   | 5. Menyampaikan |
| 2. Mengukuhkan | 6. Meletakkan   |
| 3. Berfungsi   | 7. Terpelihara  |
| 4. Menggunakan | 8. dilestarikan |

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Ayat	Jenis ayat
Tahukah anda bahawa terdapat lebih kurang tujuh ribu bahasa masih dituturkan di seluruh dunia pada masa ini?	Ayat tanya
Wah, hebat!	Ayat seruan
Bahasa Melayu telah didaulatkan dan berdaulat semenjak dua ribu tahun dahulu apabila wujudnya pelbagai kerajaan Melayu awal.	Ayat penyata

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN****Petikan 1**

No.	Salah	Betul
1	menaikkan	kenaikan
2	Menolak	menghimpit
3	Dipaksa	terpaksa
4	Dari	daripada
5	Sehubungan itu	Sehubungan dengan itu
6	Dapur belanja	Belanja dapur

**Petikan 2**

No.	Salah	Betul
1	lalu	sementara
2	tidak	bukan
3	akan dapat	dapat
4	demi	dengan
5	meningkatkan	dingkatkan

#### SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Hatta beberapa hari maka segala harta orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja.	Dalam beberapa hari, semua harta maka orang kaya dan saudagar itu habis dicuri. Keadaan ini menyebabkan mereka menghadap raja.
Maka raja pun tiada terkata-kata lagi. Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”	Raja tidak dapat berkata apa-apa. Laksamana menyembah raja dan berkata, “Pada anggapan patik, pada malam itu datang pula pencuri itu ke istana kita ini.”
Maka titah raja. “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”	Raja bertitah kepada Laksamana “Apa tindakan kita supaya pencuri itu tiada boleh masuk ke istana ini?”

#### SOALAN 5 : PERIBAHASA

1. bagai api dalam sekam
2. bagai aur dengan tebing
3. ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semuanya

#### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>memaparkan realiti</i> merupakan <i>menunjukkan perkara sebenar</i>	2
	Perbezaan pengertian sastera menurut penulis  <b>Perbezaan bahan 1 dan bahan 2 :</b> <b>Bahan 1 :</b> Sastera mempunyai pelbagai peranan dalam masyarakat bergantung cara kita mentafsirkannya. <b>Bahan 2 :</b> Sastera ialah ciptaan seni yang disampaikan dengan bahasa yang indah	3
iii	Peranan pihak sekolah untuk menimbulkan kesedaran...  mewujudkan kelas elektif Kesusasteraan Melayu mengadakan pertandingan kesusasteraan seperti deklamasi sajak pameran kesusasteraan. Kempen kepentingan kesusasteraan dalam kehidupan	3
	Langkah-langkah yang dapat anda lakukan untuk membantu rakan anda. <ul style="list-style-type: none"><li>- bertanya dengan guru</li><li>- Mencari maklumat dalam Internet</li><li>- Menghubungi Dewan Bahasa dan pustaka</li><li>- Mencari maklumat dalam majalah sastera.</li></ul>	4

## SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Berdasarkan <b>Bahan 1</b> , maksud <i>kesan positif</i> ialah impak/ implikasi/ akibat baik	2
ii	Berdasarkan <b>semua bahan</b> , perubahan positif watak yang terdapat dalam bahan ialah.. <ul style="list-style-type: none"> <li>- rajin membantu keluarga</li> <li>- rasa hormat kepada orang tua</li> <li>- tebus maruah bangsa</li> <li>- bela nasib bangsa</li> <li>- tentang petualang negara</li> </ul>	3
iii	Pada pendapat saya, cara remaja dapat menunjukkan perasaan cinta akan negara ialah. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyertai program yang dapat menyuburkan semangat cinta akan negara seperti sambutan bulan kemerdekaan.</li> <li>- Mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala negatif agar tidak menjadi beban kepada negara.</li> <li>- Menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang</li> <li>- Berlajar bersungguh-sungguh agar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan negara</li> <li>- Melibatkan diri dalam pertandingan di peringkat antarabangsa / mengharumkan nama negara di pentas dunia</li> </ul>	4
	Sebagai seorang kakak, tindakan yang akan saya lakukan agar adik saya akan menyertai kem tersebut ialah saya akan... <ul style="list-style-type: none"> <li>- menerangkan kebaikan yang akan diperoleh selepas menyertai kem tersebut</li> <li>- memberikan kata-kata semangat</li> <li>- meminta ibu bapa/ rakan baik / guru adik memujuk adik</li> <li>- berjanji untuk memberikan hadiah setelah adik tamat kem</li> </ul>	

## SOALAN 8 : NOVEL

(i). Skop kerja yang Farisha perlu lakukan adalah untuk...

- menggodam tiga kelompok Komputer Soft Lab [1m] yang merupakan infrastruktur kepada sistem pengkomputeran awam [1m]
- Setiap kelompok ada 120 pelayan fizikal. [1m]
- Mungkin memerlukan masa selama tiga bulan untuk menyiapkan projek itu.

[4 markah]

(ii). Dua peristiwa yang boleh membawa keinsafan kepada pembaca.

### **DI SEBALIK DINARA**

1. Peristiwa Farisha ditanam dengan implan dan dimasukkan berbagai jenis ubat semasa dia masih bayi tanpa bius oleh ayah kandungnya, Karl. Karl sanggup berbuat demikian untuk menjadikan Farisha genius. Marilyn telah sanggup membunuh anaknya kerana tidak mahu anaknya menderita oleh kegilaan Karl untuk menjadi saintis paling hebat. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana ibu bapa sepatutnya melindungi anak-anak dan bukannya menganiayai anak kandung mereka sendiri.
2. Peristiwa Medina yang sanggup mencipta teknologi untuk mengesan Farisha demi melunaskan dendamnya terhadap Karl. Karl pernah mensabotaj Medina sehingga separuh gila. Medina telah membawa Farisha ke Soft Lab untuk berhubung dengan Karl dan akhirnya semua kejahanan Karl terbongkar. Peristiwa ini membawa keinsafan kepada pembaca bahawa dendam yang berpanjangan akan membawa kehancuran dalam kehidupan.
3. Peristiwa Azraai dan keluarganya yang mengambil Farisha sebagai anak angkat dan menjaga Farisha seperti anak kandung sendiri. Farisha amat bersyukur kerana dibesarkan dalam keluarga Islam. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca bahawa setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya.

### **NOVEL SILIR DAKSINA**

1. Peristiwa Haiqal yang tidak dapat menziarahi jenazah arwah ayahnya untuk kali terakhir. Umi melarang Haiqal untuk menziarahi jenazah arwah ayahnya kerana Haiqal sedang menduduki peperiksaan UPSR. Akhirnya, Haiqal menduduki peperiksaan sambil menangis. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca bahawa kita tidak berhak memutuskan pertalian kasih sayang antara anak dan orang tuanya.
2. Peristiwa Ratna yang kecewa dengan kegalangannya dalam peperiksaan SPM. Sebagai rakan baik, Haiqal memujuk Ratna dan menjelaskan bahawa kejayaan bukan hanya daripada kejayaan dalam akademik sahaja. Ratna masih boleh berjaya dalam bidang lain. Akhirnya, Ratna menceburkan diri dalam bidang perniagaan hingga berjaya mengambil alih perniagaan gerai makan ibunya. Peristiwa ini membawa keinsafan kepada pembaca supaya tidak mudah berputus asa / menjadi sahabat yang sedia membantu apabila diperlukan.
3. Peristiwa Tauke Ong yang gigih bekerja bagi menyara keluarganya. Dia mengambil upah sebagai penoreh getah pada waktu pagi dan memungut hasil-hasil tani penduduk kampung pada waktu pentang untuk dijual di pekan. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca supaya gigih dalam mencari rezeki/sumber pendapatan.

## **SOALAN 9 : RUMUSAN**

Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan amalan membaca dan punca-punca masyarakat kurang membaca.

### **Bahan 1 – Petikan**

Fokus 1 – kebaikan-kebaikan membaca

- tujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan
- mengisi masa lapang.
- sebagai bahan hiburan bagi mendapatkan motivasi serta untuk tujuan pendidikan.

Fokus 2 – punca-punca masyarakat membaca

- kerana bahan bacaan masyarakat kini tidak lagi terhad kepada buku fizikal.
- Generasi Y dan netizen lebih gemar mengakses bahan bacaan melalui Internet.
- buku perpustakaan yang kurang dipinjam atau digunakan disebabkan kekinian maklumat atau kandungan.

### **Bahan 2 - Grafik**

Fokus 1 – kebaikan-kebaikan membaca

- mengetahui berita dan isu semasa
- menambah perbendaharaan kata
- meningkatkan pencapaian bahasa
- meningkatkan ekonomi negara

### **Kesimpulan :**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah memupuk amalan membaca agar melahirkan generasi celik ilmu.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## TEMA : KERJAYA

### BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [ 35 MARKAH ]

#### SOALAN 1 : MORFOLOGI

Kata sendi nama	Kata hubung
kepada, daripada, dengan, di, oleh, dalam	Kerana, dan, yang, semasa, apabila, atau, serta

#### SOALAN 2 : SINTAKSIS

Ayat	Jenis ayat majmuk
Selain filem <b>yang</b> ditayangkan di pawagam <b>atau</b> di kaca televisyen, satu daripada bentuk persembahan karya seni <b>yang</b> kekal popular ialah pementasan teater.	Ayat majmuk campuran
Komitmen <b>dan</b> disiplin merupakan kunci utama kepada kelancaran perancangan sesebuah produksi.	Ayat majmuk gabungan
Penting juga difahami <b>bahawa</b> sesebuah pementasan teater memerlukan himpunan kelompok tenaga profesional <b>yang</b> berkepakaran dalam pelbagai perkara.	Ayat majmuk pancangan

#### SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan 1

Salah	Betul
berhidup	hidup
pada	kepada
stress	stres
terpecah	terganggu
penagihan	ketagihan
anti-sosial	antisosial

Petikan 2

Salah	Betul
sejak daripada	sejak
memasukkan	melibatkan
Dipersetujui	Disetujui
adalah	Ialah
kompoun	kompaun

#### SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota.	Setelah hari malam, Kertala Sari pun masuk ke dalam kota.
Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemerentak.	Dia mendapat tahu bahawa ada orang berkawal dan mendengar bunyi lembing perisai gemerentak.
Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara.	Kemudian, Kertala Sari pun membacakan buku ramalannya dan berjalan di tengah orang ramai lalu masuk ke rumah Bendahara.
Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.	Kertala Sari mencuri kesemua harta dan membawa harta tersebut balik ke rumahnya.
Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.	Setelah hari siang, Bendahara pun riuh memberitahu bahawa hartanya telah dicuri orang.

#### SOALAN 5 : PERIBAHASA

Bil.	Peribahasa	Peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud
(i)	Seperti isi dengan kuku	Bagai dakwat dengan kertas
(ii)	Malas berdayung perahu hanyut	Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
(iii)	Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit	Sehari selembar benang lama-lama menjadi kain

#### BAHAGIAN B : PEMAHAMAN [ 35 MARKAH ]

#### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No Soalan	Cadangan Jawaban	Markah
i.	Maksud <i>memantapkan kawalan minda</i> : menstabilkan/ meneguhkan tindakan fikiran/idea.	2
ii.	Perbezaan ciri remaja yang dapat diklasifikasikan sebagai modal insan yang berkualiti ialah  Bahan 1: mempunyai pengetahuan yang tinggi dan luas – memiliki ketahanan fizikal dan mental.	3

	Bahan 2: memiliki sifat ketekunan – mempunyai tekad dan azam yang kuat serta usaha yang bersungguh-sungguh bagi merealisasikan matlamat tersebut – memantapkan kawalan minda yang positif.	
iii	<p>Peranan ibu bapa untuk melahirkan modal insan yang berkualiti ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memberikan didikan agama yang secukupnya agar mereka sentiasa menunjukkan sahsiah yang baik.</li> <li>• menyemaikan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak sejak mereka kecil agar mereka bijak mengawal diri.</li> <li>• memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada mereka agar mereka menjadi insan yang mengenang jasa dan menghargai kasih sayang ibu bapa.</li> <li>• membina institusi kekeluargaan yang bahagia agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan gembira serta tidak terlibat dalam masalah sosial.</li> </ul> <p><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	3
iv	<p>Tindakan-tindakan yang akan saya ambil sebagai persediaan bagi pencalonan anugerah tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjaga tingkah laku dan disiplin</li> <li>• memastikan setiap peraturan dan undang-undang sekolah</li> <li>• dipatuhi.</li> <li>• menyiapkan setiap tugasan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.</li> <li>• belajar dengan bersungguh-sungguh</li> <li>• sentiasa mentaati guru-guru, ibu bapa dan tidak meninggalkan</li> <li>• suruhan agama.</li> <li>• bergaul mesra dan bersikap baik hati sesama rakan</li> <li>• tidak sesekali bersikap bongkak dan sompong</li> </ul> <p><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	4

## SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Soalan		Cadangan Jawapan	Markah
7	i	Maksud <i>tangga gading</i> ialah universiti / pusat pengajian tinggi	2
	ii	<ul style="list-style-type: none"> <li>- secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah.</li> <li>- kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu</li> <li>- tekun belajar ketika muda, agar berjaya menempuh hidup.</li> </ul>	3
	iii	<p>Nasihat ibu bapa penting kepada anak-anak kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- ibu bapa bimbang dan prihatin akan anak-anak</li> <li>- sebagai peringatan agar anak-anak tidak terpesong</li> <li>- sebagai panduan anak-anak dalam kehidupan sehari-hari</li> <li>- sebagai tanda kasih sayang dan perhatian ibu bapa</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	4
	iv	<p>Pendekatan berkesan yang akan saya gunakan untuk memastikan kedua-dua murid itu menuruti nasihat saya ialah...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menegur perbuatan mereka secara berhemah untuk bertujuan memperbaiki kesilapan yang dilakukan</li> <li>- membawa mereka berbincang dengan baik untuk menjelaskan masalah mereka</li> <li>- menunjukkan contoh teladan dengan baik sebelum meminta mereka memungut sampah itu</li> <li>- menjelaskan kesan buruk kepada alam sekitar / tindakan disiplin</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	4

## SOALAN 8 : NOVEL

8	i	<p>Antara kejutan peristiwa yang dialami oleh Haiqal pada hari tersebut ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lazim tidak dapat menari kerana terlibat dalam kemalangan</li> <li>- Haiqal perlu memujuk See Hwa untuk menggantikan Lazim</li> <li>- kebolehan Ong See Hwa menari tarian zapin</li> <li>- Kehadiran umi, walid dan adik tirinya untuk menyaksikan persembahannya</li> </ul>	
			1
			1
			1
			1

	ii	<p><b>Kepincangan masyarakat - Disebalik Dinara</b></p> <p>❖ <b>Masyarakat yang taasub dengan teknologi</b></p> <p>Karl terlalu taasub dengan teknologi sehingga sanggup memperjudikan nasib anak sendiri yang masih kecil dengan menanam pelbagai implan dan suntikan ke dalam tubuh anaknya yang masih bayi semata-mata untuk menjadikan Farisha genius demi kepentingan Karl dalam Sains.</p> <p><b>Kepincangan masyarakat – Silir Daksina</b></p> <p>❖ <b>Masyarakat yang mementingkan diri sendiri</b></p> <p>Umi sanggup menghalang bekas suaminya untuk bertemu dengan anaknya Haiqal. Umi juga menghalang Haiqal untuk menatap wajah arwah ayahnya buat kali terakhir dengan alasan Haiqal sedang menduduki peperiksaan UPSR.</p> <p style="text-align: right;"><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	1	1
--	----	---	---	---

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

### Pendahuluan

Rumusan membincangkan faktor-faktor pemilihan kerjaya dan persediaan-persediaan untuk memilih kerjaya.

### **Bahan 1 [Fokus 1: Faktor-faktor pemilihan kerjaya]**

1. pekerjaan yang dapat menjamin masa hadapan yang cerah
2. menjanjikan pendapatan yang lebih lumayan
3. pengaruh atau terikut-ikut dengan rakan sebaya
4. berdasarkan kebolehan dan keupayaan yang dimiliki murid tersebut.

### **Bahan 1 [Fokus 2: Pesediaan-persediaan memilih kerjaya]**

1. remaja perlu memastikan kerjaya ialah pilihan sendiri, bukan kerana dessakan ataupun paksaan orang lain.
2. mengenal pasti kekuatan, kelemahan, minat dan kemahiran seseorang.
3. bersedia untuk berhadapan tekanan kerja mengikut masa yang telah ditetapkan.
4. berani menghadapi risiko.
5. remaja perlu meluangkan masa dengan menghadiri pameran kerjaya yang diadakan oleh pelbagai pihak.
6. mereka boleh menyertai program mentor kerjaya

### **Bahan 2 [Fokus 1: Faktor-faktor pemilihan kerjaya]**

1. memilih pekerjaan yang dominan dengan minat dan personaliti.
2. minat peribadi yang sudah lama wujud.
3. pekerjaan yang berprestij tinggi.
4. kelayakan akademik seiring dengan keperluan kerjaya

### Penutup

Kesimpulannya, remaja perlu menyediakan diri dalam pemilihan kerjaya agar menjadi modal insan berguna kepada negara.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA : INTEGRITI**

### **SOALAN 1 : MORFOLOGI**

<b>Bil</b>	<b>Kata Sendi</b>	<b>Kata Hubung</b>
1.	Kepada	ketika
2.	Ke	serta
3.		dan
4		yang
5.		kerana

### **SOALAN 2 : SINTAKSIS**

**Tukarkan ayat terbitan yang bergaris kepada ayat dasar**

	<b>Ayat Terbitan</b>	<b>Ayat Dasar</b>
a.	Pengurusan masa bermaksud pembahagian masa yang diatur dengan betul	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pengurusan masa bermaksud pembahagian masa</li><li>- Pembahagian masa diatur dengan betul</li></ul>
b.	Remaja dapat memanfaatkan masa bersama keluarga tersayang untuk memupuk sikap kasih sayang dalam keluarga.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Remaja dapat memanfaatkan masa bersama keluarga tersayang.</li><li>- Masa bersama keluarga tersayang dapat memupuk sikap kasih sayang dalam keluarga.</li></ul>
c.	Aktiviti riadah dan senaman juga mampu menjanakan kesihatan optimum.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Aktiviti riadah juga mampu menjanakan kesihatan optimum</li><li>- Senaman juga mampu menjanakan kesihatan optimum</li></ul>

### SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

	<b>Bahan 1</b>		<b>Bahan 2</b>	
<b>Bil</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
1.	telur bulat	bulat telur	adalah	ialah
2.	60an	60-an	petempatan	penempatan
3.	Colestrol	kolesterol	letrik	elektrik
4.	amalan pemakanan	amalan memakan	kursus	khusus
5.	mereka alami	dialami oleh mereka		

### SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

<b>Bahasa Klasik</b>	<b>Bahasa Melayu Standard</b>
Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta, tiada seorang pun yang tinggal.	Semua pemilik harta yang dicuri itu berkumpul untuk menuntut barang kepunyaan masing-masing.
Maka kata seorang, “Ini harta patik, tuanku.”	Seorang daripada mereka berkata, “ Ini harta patik, tuanku.”
Maka seorang, “Ini pun ia harta patik tuanku.”	Seorang lagi berkata, “Ini pun harta patik tuanku.”
Kata seorang, “ Ini tuanku benda patik.” Kata seorang, “Ini bantal patik tuanku.”	Seorang berkata, “ Ini barang patik.” Seorang lagi berkata, “ Ini bantal patik tuanku.”

### SOALAN 5 : PERIBAHASA

- hendak seribu daya, tak nak seribu dalih
- bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- memerah otak, mati akal

## SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
I	Frasa <i>memberikan impak</i> bermaksud mendatangkan kesan/akibat/implikasi	2
ii	<p>Persamaan tentang integriti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Amanah merupakan satu daripada integriti.</li> <li>- Seseorang yang tidak mengamalkan integriti/sikap amanah boleh menyebabkan maruah dirinya dipandang rendah.</li> </ul> <p>Perbezaan tentang integriti...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Bahan 1</b> menerangkan sikap masyarakat yang tidak berintegriti memberi kesan negatif kepada negara manakala</li> <li>- <b>bahan 2</b> membincangkan sebab-sebab masyarakat perlu bersikap amanah.</li> </ul>	3
iii	<p>Punca-punca yang menyebabkan masyarakat pada hari ini tidak berintegriti...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- sikap tamat dan ego menyebabkan mereka hilang pertimbangan dalam mencari cara untuk mendapatkan kekayaan.</li> <li>- kurang penerapan agama dan nilai-nilai murni dalam diri.</li> <li>- sikap masyarakat sekeliling yang takut untuk melaporkan kerana takut akan tindak balas yang diterima.</li> </ul>	3
iv	<p>Cara-cara saya dapat membantu negara agar semua rakyat dapat mengamalkan sikap berintegriti ketika melaksanakan tugas mereka ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menyemai dan mempraktikkan nilai integriti dalam diri ahli keluarga.</li> <li>- melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat perbuatan salah laku pegawai yang melaksanakan tugas.</li> <li>- menyebarkan dakwah akan pentingnya mengamalkan sikap integriti ketika bekerja</li> </ul>	4

## SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
I	<p>Berdasarkan Bahan 2, maksud <i>mencalit sejarah hitam</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-<i>Mencatat / melakar peristiwa tragis / buruk</i></li> <li>-<i>Mencalit peristiwa tragis</i></li> <li>-<i>Mencatat sejarah hitam</i></li> </ul>	2 1 1 1
II	<p>Kesan-kesan buruk yang diperoleh apabila semangat perpaduan tidak diamalkan oleh semua kaum ialah</p> <p><b>Bahan 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keharmonian negara pasti tergugat</li> <li>- Ekonomi negara pasti terkulai</li> <li>- Tragedi berdarah pasti berulang</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Segala prasangka buruk akan menyebabkan meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.</li> <li>- Darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan.</li> </ul>	3
III	<p>Peranan-peranan pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti perbincangan dalam kumpulan – murid-murid akan belajar nilai bekerjasama, tolong-menolong, dan hormat-menghormati.</li> <li>- Program RIMUP – Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan</li> <li>- Program Sambutan Hari Raya, Hari Keluarga</li> <li>- Penglibatan murid berbilang kaum dalam aktiviti kokurikulum</li> </ul>	4
IV	<p>Sebagai keluarga yang prihatin, langkah-langkah yang dapat saya sekeluarga lakukan untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk di kawasan kejiranian ialah ...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengadakan majlis dan menjemput penduduk di kawasan kejiranian supaya dapat berkenal-kenalan dengan jiran-jiran.</li> <li>- Melibatkan diri dan ahli keluarga dalam aktiviti-aktiviti kejiranian seperti gotong-royong, sukaneka, dan rukun tetangga.</li> <li>- Saling menziarahi jiran-jiran di kawasan kejiranian.</li> </ul>	4

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan nilai prihatin, tolong-menolong dengan masalah jiran sekeliling.</li> <li>- Saling bertukar juadah dan makanan dengan jiran tetangga.</li> <li>- Saling bertegur sapa dan bertanya khabar ketika bersua dengan jiran.</li> </ul>	
--	---	--

### SOALAN 8 : NOVEL

i. Punca-punca Farisha perlu menggodam sistem Dinara :

- penceroboh telah berjaya memasukkan virus bom jangka yang akan memusnahkan dan menghancurkan sistem Dinara.
- kelemahan sistem Dinara perlu ditutup segera sebelum virus itu menjangkiti semua alatan yang digunakan oleh pelanggan syarikat telekomunikasi.

ii. Konflik yang dihadapi oleh watak utama dan cara watak tersebut menyelesaiannya:

### DI SEBALIK DINARA

	Konflik	Cara Penyelesaiannya
1.	Konflik berlaku apabila farisha mengetahui yang dirinya hanyalah anak angkat kepada keluarga Azraai. Farisha berasa sangat sedih dan menangis semalam	Farisha tabah menghadapi situasi tersebut. Dia meminta Azraai bercerita lebih lanjut tentang ibu bapa kandungnya
2.	Farisha berkonflik dengan ibunya, Medina/Marilyn apabila dia mengetahui bahawa ibunya itu cuba membunuhnya semasa kecil	Farisha melarang Marilyn mendekatinya atau memeluknya ketika mereka berdua berada di dalam kereta. Farisha turut memalingkan muka apabila Marilyn mengucupnya pada bahagian pipi.

## DI SILIR DAKSINA

	<b>Konflik</b>	<b>Cara Penyelesaiannya</b>
1.	Haiqal menyuarakan hasratnya untuk ke Johor kepada ibunya. Ibunya membantah hasrat Haiqal kerana tiada sesiapa yang dikenali di situ dan mngugut untuk tidak memberikan wang perbelanjaan kepada Haiqal	Haiqal tetap berkeras untuk pergi ke Johor setelah mendapat kebenaran daripada walid yang berjanji untuk memasukkan wang ke dalam akaunnya.
2.	Cabaran untuk meneruskan kesenian zapin di kampung Sri Purnama. Haiqal tidak pandai menari tarian zapin,	Dia telah mempelajari tarian tersebut daripada penduduk Kampung Sri Purnama . kawannya Lazim dan Ong See Hwa turut mengajar Haiqal menari.
3.	Cabaran untuk merapatkan hubungan antara Haiqal dengan ibunya setelah berlakunya perselisihan faham antara mereka.	Haiqal menghubungi walidnya dan memberitahu bahawa dia akan mengadakan persembahan zapin di kampung Sri Purnama. Ibunya telah datang bersama-sama dengan walid dan adiknya Nurul Asiyah untuk menyaksikan persembahan zapin daripada Haikal.

## **BAHAGIAN C : RUMUSAN**

### **Pendahuluan.**

Rumusan membincangkan **kesan-kesan rasuah** dan **punca-puncanya**.

### **Fokus 1 : Kesan Rasuah**

#### **Bahan 1**

- Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita
- memburukkan taraf kemiskinan rakyat

#### **Bahan 2**

- tidak layak untuk kenaikan pangkat.
- tidak layak menerima Anugerah Pekerja Cemerlang
- tidak layak dipertimbangkan untuk Pingat Perkhidmatan Cemerlang
- tidak layak dibayar imbuhan dan bayaran khas pada tahun semasa dikenakan hukuman

### **Fokus 2 : Punca Rasuah**

#### **Bahan 1**

- sikap segelintir masyarakat yang ingin mengejar kemewahan hidup.
- didikan dan penghayatan terhadap nilai-nilai dan peraturan agama yang senipis kulit bawang.
- kegagalan pegawai penyelia memantau pekerja-pekerja di bawah tanggungjawabnya.
- sikap hidup yang suka bermegah-megah.
- kelemahan kepemimpinan dalam sesuatu institusi yang berkaitan.
- pemahaman bahawa perbuatan itu bukan satu kesalahan tetapi lebih merupakan ganjaran atas bantuan atau perkhidmatan yang diberikan.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, rasuah hendaklah dibanteras supaya kesejahteraan negara dapat direalisasikan

## **SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## **TEMA : KESENIAN KEBUDAYAAN DAN ESTETIKA**

### **BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 1 : 10 markah

Soalan 2 : 8 markah

Soalan 3 : 6 markah

Soalan 4 : 5 markah

Soalan 5 : 6 markah

#### **SOALAN 1 : MORFOLOGI**

# 1 kata = 1 markah

# 1 ayat = 1 markah

<b>Kata Nama Am</b>	<b>Kata Nama Khas</b>
orang	1. manusia (sbg peribadi) 2. salah satu manusia (ganti diri ketiga yg umum) 3. diri manusia 4. penjodoh bilangan bagi manusia. 5. pengikut, anak buah. 6. Manusia yg berasal dr sesuatu daerah tertentu. 7. bangsa, kaum, suku.
air	1. cecair yg terbentuk drpd dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen (dlm keadaan yg murni tidak mempunyai warna, bau atau rasa). 2. kumpulan cecair (spt yg terdapat di dlm sungai, tasik, laut, dsb). 3. cecair yg terdapat dlm buah-buahan, perahan, jus. 4. minuman 5. cecair yg rupanya spt air. 6. campuran air atau sesuatu cecair dgn bahan(-bahan) lain
kawasan	1. tempat terbuka atau lapangan (baik kecil ataupun sangat luas). 2. lingkungan sesuatu keluasan yg termasuk di dlm sesuatu pemerintahan atau kekuasaan, daerah (sesuatu kerajaan, pemerintahan dll), wilayah. 3. daerah atau wilayah yg sama keadaan buminya atau hawanya (hasilnya, kegiatan ekonominya, dll).
telaga	1. perigi, sumur. 2. tasik, danau. 3. ark balung, kolam.
tanah	1. lapisan bumi yg di atas sekali. 2. keadaan bumi di sesuatu tempat. 3. bahagian permukaan bumi yg diberi bersempadan.

	4. Negeri, daerah, wilayah. 5. bahan-bahan bumi (pasir, batu, dll) sbg campuran dgn bahan yg lain. 6. warna dasar (pd kain dll).
tujuh	bilangan enam ditambah satu (7)
ketinggian	1. perihal tinggi, taraf (keadaan dsb) yg tinggi. 2. (tempat dll) yg tinggi duduknya (letaknya). 3. terlalu tinggi.
Air Terjun Telaga Tujuh	Salah satu air terjun di Negeri Kedah
Langkawi	Kawasan bebas cukai
Kedah	Salah satu negeri di Malaysia
Gunung Machinchang	Gunung permulaan Air Terjun Telaga Tujuh

#### Bina Ayat: Kata Nama Am

1.	orang	Lima <i>orang</i> pengganas telah ditembak mati oleh pasukan keselamatan.
2.	air	Banjir berlaku di kampung itu apabila <i>air</i> sungai melimpahi tebingnya.
3.	kawasan	<i>Kawasan</i> seluas seribu hektar telah disediakan untuk projek-projek perindustrian itu.
4.	telaga	Air <i>telaga</i> telah digunakan oleh manusia sejak zaman dahulu lagi.
5.	tanah	Setiap penduduk yang tinggal di kampung itu telah diberi <i>tanah</i> seluas lima ekar untuk bercucuk tanam.
6.	tujuh	Seramai <i>tujuh</i> orang pelajar di sekolah tersebut telah berjaya melanjutkan pelajaran ke matrikulasi.
7.	ketinggian	Pendidikan dapat membawa kepada kejayaan dan <i>ketinggian</i> kedudukan seseorang dalam masyarakat.

#### Bina Ayat: Kata Nama Khas

1.	Air Terjun Telaga Tujuh	Salah satu air terjun yang tercantik di Negeri Kedah ialah <i>Air Terjun Telaga Tujuh</i> .
2.	Langkawi	<i>Langkawi</i> merupakan salah satu tempat pelancongan yang popular di Malaysia.
3.	Kedah	Air Terjun Telaga Tujuh yang menarik ramai pelancong adalah terletak di Negeri <i>Kedah</i> .

4.	Gunung Machinchang	Kawasan puncak <i>Gunung Machinchang</i> telah membentuk tujuh buah air terjun yang berbeza.
----	--------------------	--

[10 markah]

## SOALAN 2 : SINTAKSIS

Ayat Majmuk	Ayat Tunggal
Skrip drama berbeza daripada novel dan cerpen	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Skrip drama berbeza daripada novel.</li> <li>- Skrip drama berbeza daripada cerpen.</li> </ul>
Dalam skrip drama pula, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang situasi atau latar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dalam skrip drama pula, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang situasi.</li> <li>- Dalam skrip drama pula, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang latar.</li> </ul>
Skrip drama boleh digerakkan oleh dialog manakala pemikiran pengarang dapat disampaikan melalui dialog watak-watak dalam drama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Skrip drama boleh digerakkan oleh dialog.</li> <li>- Pemikiran pengarang dapat disampaikan melalui dialog watak-watak dalam drama.</li> </ul>

**1 ayat 1 markah [6 markah]**

## SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Salah	Betul
ringkasnya	singkatannya
adalah	Ialah
diadakan	Ditubuhkan
sukarelawan	Kesukarelawan
meujudkan	mewujudkan
Saling sayang-menayangi	Saling menyayangi
di	ke
menyertai	menjadi

[8 markah]

## **SOALAN 4 : BAHASA STANDARD**

❖ 1 ayat 1 markah

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
“Hai Temenggung, suruh segala saudagar berkawal pada kampungnya!”.	“Hai, Temenggung! Suruh semua peniaga berjaga atau mengawas kampungnya.”
Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar.	Sesudah itu, Temenggung pun memerintahkan orangnya menyampaikan cerita kepada orang kaya-kaya dan peniaga.
Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu.	Kertala Sari pun membaca kitabnya lalu berjalan di tengah orang yang banyak itu.
Setelah hari pun siang, orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja dan mengadukan halnya kecurian semalam itu.	Setelah hari pun siang, orang kaya-kaya itu pun datang menemui raja dan mengemukakan halnya tentang kecurian semalam itu.
Baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung.	Baginda pun berasa hairan serta bertitah kepada Temenggung.

[5 markah]

## **SOALAN 5 : PERIBAHASA**

❖ 1 peribahasa 2 markah

- (i) lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang
  - (ii) seperti kera mendapat bunga
  - (iii) bapa borek anak rintik / bagaimana acuan begitulah kuihnya

[6 markah]

## **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

## **SOALAN 6 : PETIKAN UMUM [12 MARKAH]**

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>hilang ditelan zaman...</i>	2
	- lenyap mengikut peredaran masa	2m
	- hilang mengikut peredaran masa	1m
	- lenyap mengikut peredaran zaman	1m

ii	<p>Persamaan buku resipi yang dihasilkan daripada Bahan 1 dan Bahan 2...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- diilhamkan oleh kerabat diraja.</li> <li>- buku yang dihasilkan bertujuan sebagai warisan untuk generasi akan datang.</li> </ul> <p>*satu daripada isi di atas</p> <p>Perbezaan buku resipi yang dihasilkan...</p> <p>Bahan 1</p> <p>Resipi yang terdapat dalam buku mengenai cara membuat kuih-muih tradisional yang berasal dari negeri Pahang.</p> <p>Bahan 2</p> <p>Resipi yang terdapat dalam buku mengenai cara memasak lauk-pauk tradisional yang berasal dari negeri Melaka.</p>	3
iii	<p>Sebab-sebab masakan dan makanan tradisional semakin dilupakan dan jarang ditemui...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Kesukaran mendapatkan bahan mentah untuk membuat kuih dan masakan tradisional.</li> <li><input type="checkbox"/> Tiada resipi standard yang diturunkan oleh nenek moyang semasa menyediakan masakan.</li> <li><input type="checkbox"/> Penyediaan masakan tradisional biasanya mengambil masa yang panjang.</li> <li><input type="checkbox"/> Kesibukan bekerja sehingga tiada masa untuk memasak.</li> <li><input type="checkbox"/> Pengaruh daripada makanan segera dan makanan barat.</li> <li><input type="checkbox"/> Peralatan yang digunakan dalam penyediaan masakan tradisional sukar diperoleh.</li> <li><input type="checkbox"/> Kebanyakan generasi muda tiada kemahiran atau malas untuk mempelajari masakan tradisional.</li> </ul>	<p>* isi cukup - 3 isi [3 markah] <i>Jawapan lain yang relevan diterima</i></p>
iv	<p>Sebagai generasi muda, cara saya untuk mempopularkan semula masakan dan makanan tradisional....</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Membuat promosi atau memperkenalkan masakan dan kuih tradisional melalui media sosial seperti Facebook, Youtube dan Instagram supaya orang luar negara dapat mengenali keisimewaan masakan tradisional.</li> <li><input type="checkbox"/> Mempelajari cara pembuatan masakan dan kuih tradisional menggunakan resipi asli daripada orang yang berpengalaman untuk mengekalkan keenakan masakan.</li> </ul>	<p>* isi cukup - 4 isi [4 markah] <i>Jawapan lain yang relevan diterima</i></p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Memulakan atau menjalankan perniagaan menjual masakan dan kuih-muih tradisional secara dalam talian untuk meluaskan rangkaian pelanggan daripada seluruh pelosok negara.</li> <li><input type="checkbox"/> Bekerjasama dengan pihak yang menganjurkan apa-apa festival atau pesta yang berkaitan makanan tradisional untuk memperkenalkan makanan dan kuih-muih tersebut kepada pengunjung.</li> <li><input type="checkbox"/> Menyertai pertandingan memasak makanan dan kuih tradisional untuk memperkenalkan resipi turun-temurun kepada orang ramai.</li> </ul>	
--	--	--

### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA [12 MARKAH]

no	Cadangan Jawaban	Markah
I	Rangkai kata <i>senja usia</i> bermaksud <i>umur tua / lanjut umur</i>	2
II	<p>i. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, perbezaan-perbezaan antara bonda dan sang tua ialah ;</p> <p>Bahan 1</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bonda berpesan supaya menjaga perintah agama</li> <li>- Bonda berpesan supaya menjaga bahasa ibunda</li> </ul> <p>Bahan 2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sang tua berpesan supaya mengentalkan jiwa / meneguhkan hati</li> <li>- Sang tua berpesan jangan mudah mengalah</li> <li>- Sang tua berpesan supaya terus bangkit apabila terjatuh</li> <li>- Kelemahan bukan penghalang untuk berjaya</li> </ul>	3
III	<p>ii. Persiapan yang perlu dilakukan oleh remaja yang ingin hidup di perantauan ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mencari tempat tinggal yang sesuai.</li> <li>- menyediakan wang yang mencukupi.</li> <li>- menguasai pelbagai bahasa agar mudah berkomunikasi dengan masyarakat setempat.</li> <li>- mendapatkan maklumat tentang budaya tempat tersebut.</li> <li>- mencari kawan baharu.</li> <li>- membiasakan diri hidup berdikari.</li> <li>- belajar berbelanja secara berhemat</li> <li>- bijak merancang kewangan.</li> <li>- berhubung dengan kawan, kenalan atau saudara-mara yang berada di tempat yang akan dikunjungi.</li> </ul>	4
IV	Sebagai rakan serumah, tindakan yang akan saya lakukan agar rakan saya berubah sikap...	4

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menasihati/menegur rakan agar rakan sedar akan perbuatannya yang salah</li> <li>- Menerangkan keburukan sikap rakan yang cenderung terjerumus ke dalam kancang gejala sosial</li> <li>- Membawa rakan menjalankan perintah Tuhan / membawa ke majlis/gereja/kuil</li> <li>- Menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakan</li> <li>- Mengambil berat masalah rakan supaya rakan tidak melepaskan tekanan di tempat yang salah</li> <li>- Membawa rakan berjumpa dengan kaunselor/orang lebih pakar</li> <li>- Memberitahu ibu bapa/keluarga rakan tentang perubahan sikap rakan</li> </ul>	
--	---	--

[4 markah]

### SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Faktor yang menyebabkan along tetap bertekad untuk ke kampung arwah ayahnya walaupun dilarang oleh uminya:
- Memenuhi harapan arwah ayahnya yang menginginkannya ke sana.
  - Along perlu mengetahui banyak perkara yang ada di sana.
  - Arwah ayahnya meninggalkan sesuatu untuknya di sana.
  - Ingin mengetahui punca arwah ayahnya meninggal.
- (ii) Berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari, peristiwa yang dapat dikaitkan dengan kepincangan masyarakat.

### DI SEBALIK DINARA

#### 1. Masyarakat yang taksub terhadap teknologi.

Karl menanam implan dan memasukkan pelbagai suntikan ke dalam tubuh anaknya yang masih kecil demi kepentingannya dalam bidang sains.

#### 2. Masyarakat yang sanggup menculik anak sendiri.

Medinah / Marilyn sanggup mengupah Farid dan Amin untuk menculik Farisha demi membalas dendam terhadap Karl.

#### 3. Masyarakat yang kejam

Karl telah menyeksa Rusmina sehingga cacat hanya kerana Rusmina tidak mahu meninggalkan agama Islam.

**4. Masyarakat yang mempergunakan orang lain.**

Dr. Maxi tidak memadam ingatan Shida selama 5 minit dia berhubung dengan Karl hingga menyebabkan fikiran Shida bercampur aduk dengan ingatan Karl.

**5. Masyarakat yang berdendam**

Medina berdendam terhadap Karl yang telah mensabotajnya sehingga hampir gila.

**6. Masyarakat yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan**

Karl tidak percaya akan kewujudan Tuhan sehingga sanggup menyeka isterinya Rusmina apabila isterinya tidak mengikut arahan Karl untuk meninggalkan agama Islam.

### **NOVEL SILIR DAKSINA**

**1. Masyarakat yang mementingkan diri**

Rafiqah menghalang Haiqal untuk pulang ke kampung arwah ayahnya di Kampung Seri Purnama untuk menjelaki bekas kehidupan arwah ayahnya.

**2. Masyarakat yang berjudi**

Tauke Lim terpaksa berhijrah ke tempat lain bersama keluarganya kerana harta peninggalan ayahnya habis dijual oleh abangnya yang gila judi untuk membayar pinjaman daripada ceti haram.

**3. Masyarakat yang pendendam**

Rafiqah tidak membenarkan Haiqal menjelaki sejarah hidup ayahnya kerana dendamnya terhadap bekas suaminya.

**4. Masyarakat yang menghadapi penceraian**

Perceraian antara Rafiqah dan Abdullah Kayan menyebabkan Haiqal kehilangan kasih sayang seorang ayah kandung.

### **BAHAGIAN C : RUMUSAN [30 MARKAH]**

**Markah penuh 30 dibahagi kepada :**

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]**

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas

- perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, tiada markah isi diberikan.

Bahagian	Bilangan Isi Calom	Bilangan Isi Diterima	Markah
(i) Pengenalan	1	1	2
(ii) Bilangan Isi Bahan 1 (Fokus 1- usaha)	2	2/10	4
(iii) Bilangan Isi Bahan 1 (Fokus 2- kepentingan)	6	5/6	10
(ii) Bilangan Isi Bahan 2 (Fokus 1- usaha)	2	1/2	2
(iv) Kesimpulan	1	1	2
<b>Jumlah</b>			<b>20</b>

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Cemerlang	15 – 20	8 – 10	- kesinambungan yang baik - struktur ayat/tatabahasa baik - kosa kata luas - tanda bacaan/ejaan betul
Baik	9 – 14	5 - 7	- kesinambungan isi masih baik - struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - kosa kata masih memuaskan - tanda bacaan/ejaan masih memuaskan
Sederhana	5 – 8	3 – 4	- pada keseluruhannya dalam masih serba kekurangan/masih tidak memuaskan
Lemah	1-4	1-2	- pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

**Nota :**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

**Soalan 1 : Rumusan**

**Pengenalan [2 Fokus]****[2 markah]**

Rumusan membincangkan **usaha-usaha untuk memartabatkan seni dan budaya dan kepentingan menghargainya.** 2

Rumusan membincangkan **usaha-usaha untuk memartabatkan seni dalam kalangan masyarakat.** 1

**Isi-isi Penting [2-16 markah]****Isi Bahan 1 (Petikan) – Fokus 1**

(kepentingan seni dan budaya kepada masyarakat)

1. Pencapaian, kualiti dan kemudahan untuk kegiatan kesenian perlu diberikan penekanan.
2. Seni mampu menjana kehidupan lebih berkualiti.
3. Sesebuah masyarakat pasti mampu menjelmakan modal insan yang berhemah dan bertamadun.
4. Supaya generasi hari ini lebih berupaya menghadapi realiti dunia pekerjaan.
5. Seni budaya yang disertai individu secara tidak langsung mempamerkan elemen nilai murni.

**Isi Bahan 1 (Petikan) – Fokus 2**

(usaha-usaha untuk memartabatkan seni dan budaya)

1. Seni perlu dibimbing, dipupuk dan dirancang melalui program asuhan, bimbingan serta latihan.
2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat perancangan selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berkaitan memperkayakan kebudayaan, kesenian dan warisan.
3. Pelbagai program sudah dilaksanakan di sekolah.
4. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melaksanakan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) dengan mengambil inisiatif menyediakan latihan seni budaya.

**Isi Bahan 2 (Grafik) – Fokus 1**

(Kepentingan menghargai warisan kesenian tradisional)

1. Melambangkan identiti sesebuah negara
2. Memupuk perpaduan negara
3. Mengembangkan sektor pelancongan

4. Mengekalkan kesinambungan tamadun negara

**Kesimpulan [2 markah]**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama memartabatkan seni dan budaya agar generasi akan datang dapat mewarisinya.. 2

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bekerjasama memartabatkan seni dan budaya negara kita. 1

Kesimpulannya, kita haruslah berusaha memartabatkan seni dan budaaya.. 0

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

**TEMA : PENTADBIRAN DAN POLITIK**

**SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

**[35 MARKAH]**

**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

<b>Kata hubung</b>	<b>Kata sendi nama</b>
--------------------	------------------------

Dan, yang, bahawa, kerana, apabila, untuk	kepada , dalam , akan , di, dengan, oleh
--	--

## SOALAN 2 : SINTAKSIS

i.	Subjek	Malaysia
	Predikat	merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan.
ii.	Subjek	Semua bangsa
	Predikat	dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan prinsip-prinsip jitu untuk perpaduan.
iii	Subjek	Masyarakat Malaysia
	Predikat	hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan.
iv.	Subjek	Masyarakat pelbagai kaum
	Predikat	boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi.

## SOALAN 3 : PENYUNTINGAN [11 markah]

### Kesalahan Bahasa

	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
1.	berputih-mata	berputih mata
2.	lampau	lalu
3.	daripada	dari
4.	dikenalkan	dikenali
5.	taman	laman
6.	daerah barat daya	daerah Barat Daya
7.	mengpos	mengepos
8.	kepada-Nya	kepadanya

9.	kuriar	kurier
10.	di dalam	dalam
11.	bernama	penama

#### SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD [4 markah]

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi.	Laksamana membahagikan harta kepada tiga bahagian dan Laksamana cuma mengambil satu bahagian harta.
Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya.	Satu bahagian yang diambil dibahagikan kepada tiga bahagian; satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian didermakan kepada pegawai yang tidak ada jawatan, manakala satu bahagian didermakan kepada pengikutnya.
Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.	Semua harta yang diserahkan telah habis dibahagikan.; Laksamana tidak mengambil apa-apa harta

#### SOALAN 5 : PERIBAHASA [6 markah]

Peribahasa	Peribahasa Sama Maksud
muafakat membawa berkat	bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat
bagai aur dengan tebing	ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
ibarat telur sesangkak, pecah sebijji, pecah semuanya	kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

#### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

No	Cadangan Jawaban	Markah
i.	Maksud <i>meruntuhkan reputasi ialah .....</i> Menjejaskan nama baik	2
ii	Persamaan orang yang tidak berintegriti :	3

	<p>orang yang tidak berintegriti cenderung untuk melanggar peraturan dan undang-undang</p> <p>Perbezaan :</p> <p>Bahan 1</p> <p>berpendapat bahawa tiada hukuman yang dikenakan terhadap salah laku</p> <p>sentiasa mencari peluang untuk melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi</p> <p>Bahan 2</p> <p>tidak lagi berasa malu untuk melakukan rasuah malah juga tidak takut akan dihukum, mengkhianati amanah, mungkir janji, mementingkan diri sendiri, bersikap kurang ajar dan tidak menghormati orang lain.</p>	
iii	<p>Amalan-amalan tidak berintegriti dalam bidang pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meniru dalam peperiksaan</li> <li>• Kelewatan guru masuk ke dalam kelas tanpa alasan yang munasabah</li> <li>• Ketidakhadiran ke sekolah yang terlalu kerap</li> <li>• Pelajar tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan</li> <li>• Melakukan plagiat</li> </ul>	3
iv	<p>Saya boleh membantu Amzari dengan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menasihati Amzari supaya memikirkan kesan tindakannya</li> <li>• Membawa Amzari bertemu dengan ibunya untuk membincangkan masalah yang dihadapinya</li> <li>• Menjadi pendengar setia Amzari untuk mendengar luahan perasaannya</li> <li>• Membawanya berjumpa kaunselor sekolah untuk mendapatkan khidmat nasihat</li> <li>• Mendoakan Amzari supaya dibukakan hatinya agar lebih bijak apabila membuat tindakan</li> </ul>	4

#### SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>cekal dan waja</i> .....Tabah dan bersemangat	2
ii	Berdasarkan semua bahan, bahasa Melayu berfungsi sebagai	3

	<p>Bahan 1 :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bahasa rasmi</li> <li>• bahasa kebangsaan yang digunakan secara rasmi</li> <li>• bahasa pertuturan utama</li> </ul> <p>Bahan 2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• bahasa Melayu merupakan maruah bangsa Malaysia yang mesti dipertahankan kedudukannya agar terus kukuh dan teguh.</li> <li>• Bahasa Melayu bahasa minda/ilmu</li> </ul>	
iii	<p>Pada pandangan saya, DBP berperanan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperkembangkan bakat sastera, khusus bahasa kebangsaan kepada rakyat di Malaysia</li> <li>• Membakukan ejaan dan sebutan serta membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan</li> <li>• Mengadakan pelbagai aktiviti bahasa yang melibatkan sektor awam dan swasta</li> <li>• Memantau penggunaan bahasa yang betul dalam media perdana</li> <li>• Menerbitkan pelbagai bahan bacaan bahasa Melayu yang berkualiti</li> <li>• Mengadakan usaha kolaboratif dengan pihak media dan pengusaha filem tempatan</li> </ul>	4
iv	<p>Sebagai guru bahasa Melayu, saya akan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan murid-murid menyertai program-program yang dianjurkan oleh sekolah seperti Minggu Bahasa Melayu Memastikan semua murid menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan di sekolah tanpa mengira bangsa</li> <li>• Mengadakan kelas tuisyen secara percuma- membantu murid-murid yang lemah</li> <li>• Menggunakan teknik yang menarik dan sesuai dengan tahap pencapaian murid.</li> <li>• Memastikan Kelab Bahasa Melayu memainkan peranan membantu murid yang lemah melalui aktiviti yang dijalankan</li> </ul>	4

### SOALAN 8 : NOVEL

(i) Ciri-ciri manuskrip yang diterima oleh Haiqal

- Manuskrip itu setebal lima puluh lapan muka surat
- Manuskrip itu berkulit biru muda
- Kertasnya sudah berwarna kekuning-kuningan

(ii) Peristiwa yang menimbulkan kesedaran

## DI SEBALIK DINARA

### SILIR DAKSINA

Peristiwa Haiqal Hakimi mencari surau untuk menunaikan solat subuh . Haiqal mencari surau sebaik sahaja sampai di stesen Batu Pahat pada pukul 5.30 pagi. Dia ingin menunaikan solat terlebih dahulu sebelum meneruskan perjalanan menjelak kesan kehidupan arwah ayahnya di Kampung Seri Purnama. Peristiwa ini memberi kesedaran kepada pembaca bahawa ajaran agama perlu kita laksanakan dengan sempurna.

### SOALAN 9 : RUMUSAN

#### *Pendahuluan*

Rumusan membincangkan ciri-ciri pengucap yang baik dan kepentingan pengucapan awam.

Fokus 1 – ciri-ciri pengucap yang baik

Bahan 1

- menyampaikan maklumat mengikut fokus acara
- mempunyai pengetahuan tentang perkara yang hendak disampaikan
- peka dengan latar belakang dan situasi semasa hadirin
- menggunakan kepelbagaiant intonasi suara,
- bijak mengawal kelajuan suara
- sentiasa melibatkan hadirin dalam pengucapan mereka.

Bahan 2

- Berpengetahuan
- Berkeyakinan
- Berkemahiran berucap
- Berperwatakan baik

Fokus 2 – kebaikan/kelebihan/kepentingan pengucapan awam

Bahan 1

- dapat melahirkan individu yang dapat menjadi pemimpin masa hadapan
- dapat memudahkan remaja untuk mencari pekerjaan suatu hari nanti
- dapat mencungkil bakat dan potensi remaja untuk menjadi remaja yang cemerlang.
- dapat memastikan sama ada seseorang murid itu benar-benar cemerlang atau tidak dalam bidang bahasa
- memberikan skil penyampaian komunikasi yang berkesan melalui teknik-teknik tertentu
- memberikan keyakinan apabila berkomunikasi dengan khalayak

**Penutup:**

Kesimpulannya, semua murid perlulah menguasai aspek kemahiran pengucapan awam bagi melahirkan generasi minda kelas pertama.

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## TEMA: PERINDUSTRIAN

### BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

**[35 markah]**

#### **SOALAN 1: MORFOLOGI**

<b>Kata Adjektif</b>	<b>Bina Ayat</b>
<p>i) <b>canggih</b> (moden dan kompleks (alat), sotisfikated/hebat, menarik, moden)</p> <p>ii) <b>cepat</b> (laju, deras, kencang, pantas/terdahulu/segera)</p> <p>iii) <b>palsu</b> (tidak benar (tulen), tiruan)</p>	<p>i) Halim dan pasukannya berjaya menghasilkan satu prototaip yang <u>canggih</u> untuk produk baharu syarikatnya.</p> <p>ii) Kerja-kerja mencetak bahan seminar itu perlu dilakukan dengan <u>cepat</u> kerana masa tinggal sehari sahaja sebelum seminar berlangsung.</p> <p>iii) Penyebaran maklumat <u>palsu</u> melalui media sosial sukar ditangani oleh kerajaan kerana budaya infodemik semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat.</p>

<b>Kata Kerja</b>	<b>Bina Ayat</b>
<p><b>memudahkan</b> - (menjadikan mudah, menyenangkan)</p> <p><b>menyebarkan</b> - (menghamburkan, menyerakkan)</p> <p><b>melalui</b> - (mengikuti, melintasi, menempuh / dengan perantaraan, menerusi/perjalanan-masa)</p> <p><b>menjadi</b> - (untuk dikenali, diiktiraf / bekerja-memegang jawatan / bertukar atau beralih kepada sesuatu keadaan/berjaya seperti yang diharap-harapkan/menjelma)</p> <p><b>menyelidik</b> (memeriksa sesuatu yang belum jelas, menyiasat untuk mendapat</p>	<p>i) Pengawal keselamatan pasar raya besar itu memacakkan papan tanda khas bagi <u>memudahkan</u> pelanggan mereka membeli produk keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS).</p> <p>ii) Murid-murid dilarang <u>menyebarkan</u> soalan peperiksaan kepada rakan-rakan yang tidak hadir pada hari peperiksaan.</p> <p>iii) Kaedah utama virus Covid-19 menjangkiti seseorang ialah <u>melalui</u> sedutan cecair yang keluar dari</p>

<p>keterangan/mempelajari - sungguh - sungguh/mengintip)</p> <p><b>Bertanggungjawab</b> ( berkewajiban / memikul tanggungjawab)</p> <p><b>dikongsikan</b> - (dibahagikan kepada beberapa orang)</p> <p><b>menerusi</b> - (langsung, melantas, menembus/ perantaraan, melalui)</p> <p><b>mengelakkan</b> - (menjauhkan, menghindarkan, menyingkirkan sesuatu daripada bahaya)</p>	<p>hidung atau mulut ketika individu yang dijangkiti batuk atau bersin.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iv) Mukanya <u>menjadi</u> kemerah-merahan apabila berjemur lama di bawah terik matahari.</li> <li>v) Mahasiswa perlu <u>menyelidik</u> bahan yang diperoleh daripada kerja lapangan untuk menghasilkan dapatan kajian yang menyeluruh dan meyakinkan.</li> <li>vi) Mazlan tidak membahayakan dirinya dengan berlumba motosikal haram kerana dia faham perbuatan tersebut melambangkan rakyat yang tidak bertanggungjawab.</li> <li>vii) Terdapat beberapa pendekatan <u>dikongsikan</u> oleh Cikgu Shaari sebagai panduan kepada murid untuk melengkapkan latihan membina ayat.</li> <li>viii) Buku cerita yang baik ialah buku yang dapat merangsang pemikiran pembaca <u>menerusi</u> penceritaannya.</li> <li>ix) Aktiviti beriadah dapat menyihatkan tubuh badan dan <u>mengelakkan</u> seseorang daripada serangan penyakit.</li> </ul>
--	--

**SOALAN 2 : SINTAKSIS [6 markah]**

<b>Ayat</b>	<b>Ayat majmuk</b>
<p>Malaysia merupakan pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia.</p> <p>Malaysia amat menekankan pengeluaran biodiesel sawit.</p>	<p>Malaysia merupakan pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia <b><u>yang</u></b> amat menekankan pengeluaran biodiesel sawit. [2m]</p>
<p>Langkah ini merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan.</p> <p>Kerajaan mempelbagaikan penggunaan minyak sawit.</p> <p>Kerajaan merangsang peningkatan harga minyak sawit.</p>	<p>Langkah ini merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan <b><u>untuk</u></b> mempelbagaikan penggunaan minyak sawit <b><u>dan</u></b> merangsang peningkatan harga minyak sawit. [2m]</p>
<p>Harga kelapa sawit mengalami kejatuhan.</p> <p>Berlakunya kelembapan pasaran minyak sayuran dunia.</p>	<p>Harga kelapa sawit mengalami kejatuhan <b><u>kerana</u></b> berlakunya kelembapan pasaran minyak sayuran dunia. [2m]</p>

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN [9 markah]**

<b>SALAH</b>	<b>BETUL</b>
<b>ruang</b>	peluang
<b>Berbagai</b>	Berbagai-bagi/Pelbagai
<b>senam robik</b>	senamrobik
<b>menyedia</b>	menyediakan
<b>baris</b>	buah
<b>kounter</b>	kaunter
<b>pemeriksa</b>	pemeriksaan
<b>Tata cara</b>	Tatacara
<b>Kaunselling</b>	Kaunseling

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD [6 markah]**

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-juta dan orang banyak dicurinya.	Kertala Sari yang datang dari Daha, membawa banyak harta berupa emas dan perak, pakaian dan wang berpuluhan-juta yang telah dicurinya daripada banyak orang.
Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”	Setelah Kertala Sari pulang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana perginya bapaku kerana tidak kelihatan/ aku tidak melihatnya?”
Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”	Apabila ibunya mendengar pertanyaan anaknya itu, ibunya menangis lalu berkata, “Hai anakku, bapamu sudah mati dibunuh oleh seorang berbangsa Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

**SOALAN 5 : PERIBAHASA [6 markah]**

- Di mana ada kemahuan, di situ ada Jalan / hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- bertangguh itu pencuri masa.
- pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang. / kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN [35 markah]

### SOALAN 6: PETIKAN UMUM [12 MARKAH]

No	Cadangan jawaban	Markah
i	<p>Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud <i>sinonim dengan imej</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Maksud sinonim dengan imej ialah.. sama/serupa seperti gambaran /cerminan/ bayangan.</li> </ul>	2
ii	<p>Berdasarkan <b>Bahan 1</b> dan <b>Bahan 2</b>, nyatakan <b>persamaan dan perbezaan</b> antara perusahaan kek lapis Sarawak dan perusahaan batik.</p> <p><b>Persamaan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-sebagai cenderamata untuk diberikan kepada sanak saudara dan sahabat handai.</li> <li>- dijadikan cenderamata kepada sesiapa sahaja sama ada di dalam maupun di luar negara.</li> </ul> <p><b>Perbezaan :</b></p> <p><b>Bahan 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- sebahagian daripada ikon pelancongan Bumi Kenyalang</li> <li>-Perusahaan ini juga mendapat perhatian daripada kerajaan negeri Sarawak yang memberikan bantuan modal kepada pengusaha yang berminat untuk mengusahakannya.</li> <li>-Pengusaha kek lapis Sarawak mestilah menghasilkan produk yang memenuhi piawaian dari segi kualiti, pembungkusan, dan pelabelan untuk menarik minat pelanggan.</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- teknologi baharu seperti penggunaan mesin dan bantuan komputer untuk menghasilkan batik yang lebih menarik dan berkualiti diperkenalkan.</li> <li>- Para pengusaha batik tempatan perlu lebih kreatif dalam menghasilkan batik yang lebih menarik dan lebih bermutu bagi memastikan batik tempatan mampu bersaing dengan batik dari negara-negara lain.</li> <li>- Perusahaan industri kecil dan sederhana yang diusahakan di kawasan luar bandar atau desa membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan jika diusahakan secara konsisten dan terancang.</li> </ul>	3
iii	<p>Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat setempat untuk mengusahakan sumber bahan mentah yang ada bagi menjana pendapatan dalam industri desa?</p> <p>Langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat setempat untuk mengusahakan sumber bahan mentah yang ada bagi menjana pendapatan dalam industri desa....</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menganjurkan kursus atau bengkel dengan menjemput pihak yang berkepakaran sebagai pembimbing untuk mengeksplorasi sumber alam yang ada di kawasan setempat + sumber boleh dijadikan bahan mentah untuk memulakan sesuatu perusahaan.</li> </ul>	3

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mengambil inisiatif untuk menubuhkan persatuan penduduk bagi memasarkan dan mempromosikan hasil produk tempatan agar pasaran lebih luas + pasaran hasil produk tidak statik dalam kawasan desa sahaja.</li> </ul>	
	<p>Sebagai salah seorang penduduk di kawasan perkampungan nelayan, Pak Ali sering kali menghadapi masalah apabila tiba musim tengkujuh menyebabkan sumber pendapatan keluarga yang diperolah hasil daripada perusahaan ikan keringnya terjejas. Hal ini juga turut menyebabkan Pak Ali dan keluarganya hampir hilang punca pendapatan untuk menampung kehidupan sehari-hari.</p> <p>Sebagai seorang pegawai dari Jabatan Perikanan, cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh Pak Ali untuk mengubah nasib keluarganya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- membantu Pak Ali mendapatkan modal untuk mengusahakan ternakan ikan air tawar dalam kolam + boleh menjana pendapatan kerana hasil ternakan yang tidak dipengaruhi oleh perubahan cuaca.</li> <li>- mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan seperti penghasilan kerepek ubi kayu atau kerepek pisang + memulakan penanaman ubi kayu atau pokok pisang sebagai kerja sambilan jika tidak turun ke laut menangkap ikan sebagai sumber bahan mentah.</li> </ul>	<b>4</b>

**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA [13 markah]**

No	Cadangan Jawaban	Markah
----	------------------	--------

i	Berdasarkan <b>Bahan 1</b> , maksud rangkai kata <i>menyumbangkan dana – memberikan / mendermakan wang</i>	
ii	<p>Merujuk <b>Bahan 1</b> dan <b>Bahan 2</b>, nyatakan perbezaan sikap doktor ketika merawat pesakit mereka.</p> <p><b>Bahan 1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- tidak prihatin terhadap orang lain</li> <li>- lebih mementingkan ganjaran material</li> <li>- mengenang budi orang yang pernah membantu</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bersikap baik hati terhadap orang lain</li> <li>- prihatin akan masalah yang dihadapi oleh orang lain</li> <li>- bertanggungjawab dalam menjalankan tugas</li> </ul>	
	<p>(ii) Ciri-ciri seorang seorang doktor yang baik:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● mempunyai ilmu dan cekap dalam menjalankan tugas.</li> <li>● mempunyai emosi yang stabil dan berkebolehan membuat keputusan pada waktu kecemasan,</li> <li>● mempunyai sikap belas kasihan / simpati terhadap pesakit.</li> <li>● menjelaskan maklumat dalam bahasa yang mudah difahami oleh pesakit.</li> <li>● bersedia untuk berunding dengan orang lain sekiranya terdapat perkara yang tidak diketahui/difahami.</li> <li>● bersikap sabar dan tabah apabila berhadapan dengan pelbagai kerentenan pesakit dan rakan petugas.</li> </ul>	4
	<p>Langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menaik taraf dunia perubatan di negara ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kementerian Pendidikan Malaysia harus mengadakan program peningkatan penguasaan ilmu sains dalam kalangan pelajar sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajar dalam bidang perubatan.</li> <li>● Kementerian Kesihatan Malaysia harus mengadakan kursus kepakaran untuk melatih doktor-doktor.</li> <li>● Pihak kerajaan harus menghantar doktor-doktor tempatan ke negara-negara maju untuk mendalami</li> </ul>	4

	ilmu kepakaran dalam bidang perubatan.	
--	--	--

### **SOALAN 8 – NOVEL [10 markah]**

( i ) Berdasarkan petikan novel,

- Azraai telah menukarkan sistem keselamatan apartmen Farisha dengan memasang *retinal scanner* [2m]
- menyambungkan intercom apartmen Farisha dengan rumahnya demi memperketat kawalan keselamatan adiknya. [2m]

**[4 markah]**

( ii ) Dua **peristiwa menarik** kepada pembaca pada **bahagian permulaan** dan **sebabnya** ialah... **[6 markah]**

#### **DI SEBALIK DINARA**

-Peristiwa Aqram berusaha mendapatkan bukti kukuh untuk memastikan Farisha merupakan orang yang memang dicari. Aqram telah mengambil cawan yang mempunyai kesan air liur Farisha untuk ujian DNA.

**Sebab:** Menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca tujuan Arqam mengambil bekas minuman Farisha di dalam pesawat.

-Peristiwa Aqram telah memakai jam tangan yang menjadi pusat kawalan elektroniknya.

**Sebab:** Memaparkan kecanggihan sains dan teknologi.

-Peristiwa Azraai memasang ‘*retinal scanner*’ dan menyambung intercom apartmen Farisha dengan rumahnya.

**Sebab:** Peristiwa ini menarik kerana menggambarkan tanggungjawab seorang abang tentang keselamatan adik atau ahli keluarga.

-Peristiwa Dr. Maxi telah menyerahkan ‘*penetrator*’ iaitu satu silinder logam sepanjang 6 cm yang digunakan untuk melemahkan WALL yang ada pada diri Farisha.

**Sebab:** Peristiwa ini menarik kerana pembaca diperkenalkan dengan pelbagai alat ciptaan moden yang belum diketahui.

**SOALAN 9: RUMUSAN [30 markah]**

Rumusan membincangkan **faktor/sebab tarikan pelancongan di Malaysia, kepentingan/kemaslahatan/faedah sektor pelancongan dan cara/langkah/pelan untuk menyemarakkan pelancongan domestik.**

**Bahan 1= Fokus 1: faktor/sebab tarikan pelancongan di Malaysia**

1. destinasi pelancongan berasaskan tempat-tempat menarik yang diwartakan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*
2. tarikan pelancongan berasaskan sukan dapat direalisasikan melalui penganjuran sukan antarabangsa
3. keindahan alam sekitar yang menarik dengan keunikan dan keindahan alam semula jadi
4. banyak lokasi lain yang dilengkapi pelbagai prasarana amat sesuai dijadikan destinasi pelancongan keluarga untuk pelancong domestik
5. keunikan kebudayaan masyarakat majmuk

**Bahan 1= Fokus 2: kepentingan/kemaslahatan/faedah sektor pelancongan**

1. mewujudkan peningkatan ekonomi yang amat ketara kerana kadar pengaliran wang masuk semakin meningkat
2. keuntungan yang diperoleh akan menjadi dana kerajaan untuk membaik pulih infrastruktur dan perkhidmatan awam negara
3. meningkatkan taraf hidup marhaen tempatan
4. membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada para penduduk

**Bahan 2 = Fokus 3: cara/langkah/pelan untuk menyemarakkan pelancongan domestik**

1. kerajaan mengadakan Kempen Cuti-cutি Malaysia
2. kerajaan mengadakan kerjasama dengan persatuan hotel dalam menawarkan rebat dan e-baucar
3. kerajaan mendapat kerjasama bersama daripada syarikat penerbangan tempatan

dengan menawarkan diskaun dan rebat

4. kerajaan mendapat kerjasama bersama daripada syarikat pengangkutan dan pihak swasta
5. diskaun ditawarkan untuk pembelian produk kraf di outlet karyaneka

**Kesimpulannya**, semua pihak **haruslah** bekerjasama untuk memajukan **sektor pelancongan di Malaysia agar** pelbagai kebaikan dapat dinikmati bersama.

**[MARKAH ISI: 20 markah + MARKAH BAHASA: 10 markah]**

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**

**TEMA: PELANCONGAN****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA  
[ 35 MARKAH ]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

<b>Kata Kerja Pasif</b>	<b>Kata Akronim</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- diisyiharkan</li> <li>- diambil</li> <li>- diurus</li> <li>- dijaga</li> <li>- diberi</li> <li>- dikatakan</li> </ul>	<p>NGO - badan bukan kerajaan        KeKKWa - Kementerian Kebudayaan,        Kesenian dan Warisan        KTM - Keretapi Tanah Melayu</p>

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

<b>Frasa</b>	<b>Jenis Frasa</b>
<u>Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih</u>	<b>Frasa Nama</b>
<u>pada tahun 2013</u>	<b>Frasa Sendi Nama</b>
<u>amat istimewa</u>	<b>Frasa Adjektif</b>
<u>Dalam kalangan golongan kurang berasib baik</u>	<b>Frasa Sendi Nama</b>
<u>kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri</u>	<b>Frasa Nama</b>
<u>belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing.</u>	<b>Frasa Kerja</b>

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

	<b>Kesalahan</b>	<b>Pembetulan</b>
i.	Sejak dari	Sejak / Dari
ii.	adalah	ialah
iii.	bebanan	beban
iv.	kehidupan	hidup
v.	samaada	sama ada
vi.	atau pun	ataupun
vii.	kebanyakkan	kebanyakkan
viii.	ambil	mengambil
ix.	optimistic	optimistik
x.	menjadi	menjadikan
xi.	mengundang	mendatangkan / membawa

**SOALAN 4 : BAHASA STANDARD**

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu.	Setelah berfikir, Patih Gajah Mada pun teringat kepada Petala Bumi.
Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah.	Patih Gajah Mada dengan pantas menyuruh untuk bertanyakan isteri Petala Bumi sama ada anaknya yang bernama Kertala Sari sudah kembali dari Daha.
Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.	Orang suruhan Patih Gajah Mada pergi menemui isteri Petala Bumi.
Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-juta dan orang banyak dicurinya.	Setelah Kertala kembali dari negeri Daha, dia memperoleh banyak harta seperti emas, perak, pakaian, dan wang berpuluhan-juta serta banyak orang bawahan dibawanya kembali.

**SOALAN 5 : PERIBAHASA**

Peribahasa	Maksud Peribahasa
Masa itu emas	Masa itu sangat berharga.
Bertangguh itu pencuri masa	Melakukan kerja secara <b>bertangguh</b> akan merugikan diri sendiri
Di mana ada kemahanan di situ ada jalan .	Jika mempunyai cita-cita seseorang akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[ 35 MARKAH ]**

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Maksud <i>langkah konservasi</i> ialah usaha/tindakan memelihara/menjaga	2
ii	<p>Perbezaan faktor bagi kesan negatif ekopelancongan..</p> <p><b>Bahan 1</b>            Faktor luaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permintaan yang tinggi menyebabkan jumlah kunjungan pelancong melebihi kapasiti muatan.</li> <li>• Aktiviti rekreasi manusia telah menyumbang kepada kelunturan karang</li> </ul> <p><b>Bahan 2</b>            Faktor dalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Strategi pengurusan pengunjung tidak berfungsi dengan baik.</li> <li>• Keadaan infrastruktur dan kegiatan ekopelancongan tidak diurus dengan lestari</li> <li>• Kaedah pengurusan yang tidak cekap untuk melindungi alam sekitar</li> </ul>	3
iii	<p>Ekopelancongan dapat memberikan faedah dari sudut sosial kepada penduduk tempatan..</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat tempatan</li> <li>• peningkatan kemudahan infrastruktur dan komunikasi setempat</li> <li>• dapat menggalakkan komuniti setempat menghargai aset budaya dan sumber semula jadi</li> <li>• dapat mewujudkan kerjasama dalam kalangan masyarakat setempat dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	3
iv	<p>Strategi yang akan saya lakukan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti ekopelancongan di tempat saya ialah..</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah baik kemudahan sedia ada</li> <li>• Menjadikan tapak pelancongan sebagai dusun buah-buahan dan tapak menanam pelbagai spesies bunga</li> <li>• Melengkapkan diri, ahli keluarga dan pekerja dengan pelbagai ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang perkhidmatan pelancongan dan pertanian.</li> <li>• Melibatkan diri dalam aktiviti pertanian, dan penternakan.</li> </ul> <p style="text-align: right;"><i>Jawaban lain yang relevan diterima</i></p>	4

**SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA**

No	Cadangan Jawaban	Markah
i	Berdasarkan <b>bahan 2</b> , maksud <i>penyumbang utama</i> ialah ...sumber/pemacu penting	2
ii	Berdasarkan <b>Bahan 1 dan Bahan 2</b> , kepentingan-kepentingan pelancongan mampan kepada alam sekitar termasuklah  <b>Bahan 1</b> memastikan sumber alam lestari. memastikan penjagaan alam sekitar. memastikan pembangunan sosial seimbang dan harmoni. memastikan pembangunan fizikal dipelihara dan dipulihara  <b>Bahan 2</b> situasi menang-menang, pusat pelancongan dibina & khazanah negara dipelihara.	4
iii	Pada pendapat saya, faktor-faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku termasuklah..  <ul style="list-style-type: none"> <li>- terlalu rakus mengejar keuntungan sehingga mengorbankan kesucian alam sekitar.</li> <li>- kepincangan dalam pengurusan pembangunan tanpa mengambil kira penjagaan alam sekitar yang sempurna.</li> <li>- kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan terhadap aktiviti yang melibatkan alam sekitar.</li> <li>- tindakan yang lambat dalam penguatkuasaan dan hanya bertindak apabila kemusnahan alam sudah menjadi serius.</li> <li>- kesedaran masyarakat mengenai kepentingan alam sekitar masih belum mencapai tahap yang diharapkan, masih ramai yang membuang sampah sarap di merata-rata tempat.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima</i></p>	3
iv	Sebagai seorang remaja, tindakan yang boleh saya lakukan untuk memastikan kelestarian alam sekitar tetap terpelihara ialah  <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengamalkan gaya hidup yang mesra alam secara meluas dalam kehidupan.</li> <li>- terlibat sama secara aktif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.</li> <li>- mengajak rakan-rakan menjaga alam sekitar dengan tidak membuang sampah merata-rata.</li> <li>- tidak menyokong sebarang aktiviti atau program yang mengeksplotasi alam sekitar.</li> <li>- sentiasa menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah.</li> <li>- menyokong segala bentuk kempen dan program yang melestarikan alam sekitar.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><i>* Jawapan lain yang relevan diterima.</i></p>	4

## SOALAN 8 : NOVEL

- i) Faktor-faktor yang menyebabkan Khairul Anwar mencadangkan untuk beralih kepada Pelan B. (4 markah)
1. Masa yang ada untuk Karl sangat terhad.
  2. Keadaan Karl semakin tidak stabil.
  3. Doktor yang merawatnya sudah menyuarakan kegusaran sejak dua minggu lalu.
  4. Tubuh Karl tidak menunjukkan tindak balas positif terhadap ubat-ubatan yang diberikan.
  5. Kansernya juga kian menular dan tidak dapat dibendung lagi.
- ii) Berdasarkan **sebuah novel** yang ada pelajari, huraikan **dua bukti** kegigihan. [6 markah]

## NOVEL DI SEBALIK DINARA

### 1. Kegigihan dalam menimba ilmu pengetahuan.

Farisha dan Rosman menghadiri *The 3rd Malaysia Computer Security Symposium* yang diadakan di Hotel Renaissance untuk menimba ilmu dalam bidang pengkomputeran.

### 2. Kegigihan memajukan bidang perniagaan.

Farisha bersama-sama rakan kongsinya, Rosman telah mengusahakan perniagaan Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. Mereka sanggup menerima projek-projek kecil demi memastikan syarikat mereka terus maju.

### 3. Kegigihan menyelsaikan sesuatu masalah yang melanda.

Aqram dan Dr. Maxi berusaha menjelaki Farisha untuk menyelamatkan sistem Dinara seperti yang telah diamanahkan oleh Karl.

### 4. Kegigihan mempertahankan hasil kajian.

Karl telah mempersiapkan Farisha sejak kecil untuk membantunya menyelamatkan Dinara daripada dimusnahkan dengan menanam mikrocip ke dalam tubuh Farisha demi menjadikannya seorang anak yang genius.

### 5. Kegigihan menjelaki seseorang yang sangat dikehendaki.

Aqram menjelaki Farisha selama sebulan bermula mencari Farisha di syarikat tempat lama Farisha bekerja. Dia juga menjelaki Farisha melalui alamat e-mel, Facebook dan nombor telefon tetapi telah dipadam oleh Farisha. Akhirnya, Aqram berjaya mengesan Farisha menerusi tempahan tiket kapal terbang.

**6. Kegigihan menyiapkan tugas.**

Walaupun jam sudah menunjukkan pukul 10.30 malam, semua pekerja masih sibuk menyiapkan tugas masing-masing di Soft Lab.

**SILIR DAKSINA****1. Kegigihan menjelaki latar belakang keluarga.**

Haiqal gigih menjelaki kehidupan arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama. Haiqal sanggup pergi ke Batu Pahat seorang diri walaupun pertama kali menjelaskan kaki ke kampung halaman ayahnya semata-mata untuk mengenali arwah ayahnya dengan lebih mendalam.

**2. Kegigihan mempelajari kemahiran menari.**

Haiqal gigih belajar tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim. Mereka sering berlatih di Balai Raya Seri Purnama. Akhirnya, Haiqal berjaya membuat persembahan tarian zapin dengan jayanya secara berpasangan dengan Ong See Hwa.

**3. Kegigihan mencari rezeki.**

Tauke Ong gigih bekerja sebagai penoreh getah pada waktu pagi. Dia juga membeli hasil penduduk kampung seperti kelapa dan pisang pada waktu petang untuk dijual di bandar.

**4. Kegigihan memperjuangkan seni bahasa dan budaya.**

Abdullah Kayan gigih menghasilkan beberapa karya sastera seperti novel kanak-kanak. Beliau juga berusaha gigih untuk menghidupkan tarian zapin di Kampung Seri Purnama.

**5. Kegigihan berlatih untuk berjaya.**

Ai Ling berlatih mendeklamasi sajak pada setiap petang di rumah Cikgu Amirunizam, Ai Ling gigih berlatih dan akhirnya dia berjaya memenangi pertandingan mendeklamasi sajak di sekolahnya.

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 MARKAH]

### Pendahuluan

Rumusan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab yang menarik kedatangan pelancong dan usaha-usaha untuk meningkatkan industri pelancongan. [2 markah]

### Bahan 1

#### Fokus 1 – Faktor-faktor menarik kedatangan pelancong

1. Keadaan iklim semula jadi negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun.
2. Malaysia memiliki sejarah pembentukan negara bangsa yang sangat unik.
3. Kegiatan seni dan manipulasi fabrik suku kaum Kadazan dan Iban.
4. Udara yang segar tanpa pencemaran.
5. Kemajuan negara yang pesat
6. Kedudukan ekonomi yang maju, politik stabil, sosial yang harmoni dan keselamatan yang baik

#### Fokus 2 – Usaha-usaha meningkatkan industri pelancongan

1. Kerajaan memajukan sektor pendidikan pengajian tinggi serta industri kesihatan dan perubatannya melalui promosi.
2. Penganjuran acara sukan bertaraf dunia dan persidangan antarabangsa
3. Pembinaan pusat konvensyen dan Dewan Persidangan Hotel bertaraf lima bintang.

### Bahan Grafik

#### Fokus 1 – Faktor-faktor menarik kedatangan pelancong

7. Kepelbagaian barang/ kraf tangan ( bahan grafik)
8. Kepelbagaian budaya tempatan/ etnik tempatan ( bahan grafik)
9. Faktor Kemudahsampaian ke destinasi /pengangkutan yang baik (bahan grafik)
10. Harga barang yang murah (bahan grafik)

[ Maksimum Isi - 16 markah]

#### Kesimpulan :

1. Kesimpulannya, kerajaan hendaklah memperkasakan sektor pelancongan agar negara lebih makmur. [2 markah]
2. Kesimpulannya, sektor pelancongan hendaklah diperkasakan oleh pihak kerajaan agar negara lebih makmur. [2 markah ]

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**